

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 59**Isnin****29 November 2004**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B.44

(Halaman 29)

Maksud B.45

(Halaman 103)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.44

(Halaman 29)

Maksud P.45

(Halaman 103)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 29 November 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar ada Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen masih tidak berkuat kuasa di negeri Sabah dan Sarawak. Adakah kerajaan akan menguatkuasakan Rang Undang-undang yang belum dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak ini pada masa akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Terdapat Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen tetapi tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Dalam keadaan tersebut biasanya enakmen negeri yang berkenaan adalah terpakai. Seksyen 73(2) adalah seperti berikut dan dengan izin *“Any present law of the Federation passed or made on or after the day this Act is passed shall extend to any part of Malaysia to which it is expressed to extend; but save as aforesaid no present law of the Federation shall extend to Sabah and Sarawak, unless or until it is so extended by a law passed or made as aforesaid”*. Subseksyen 74(1) beri kuasa kepada Yang di-Pertua Agong. Subseksyen 74(2) dengan izin *“include power to extend throughout Malaysia or any State or State”* dan subseksyen 74(3) dengan izin *“An order under subsection (1) shall not, without the concurrence of the Ruler or Governor, as the case may be, make as respects any State provision which in an Act of Parliament could not be made or could not come to enforce without the agreement (however expressed) of a State authority, nor extend to the State any law relating to matters about which the Legislature of the State has power to make laws, nor modify any State law”*.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kedua-dua seksyen terdapat perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum sesuatu undang-undang Persekutuan boleh diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Pertama, hak keistimewaan sesuatu negeri berkaitan untuk membuat sesuatu undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan dalam perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Kedua, sama ada terdapat keperluan untuk memperluaskan sesuatu undang-undang ke Sabah dan Sarawak. Perkara ketiga yang perlu dipertimbangkan ialah berkenaan dengan dasar dan polisi sesebuah negeri dan juga kementerian yang berkenaan dengan undang-undang yang perlu diperluaskan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diluahkan oleh Timbalan Menteri memang kita semua sedia maklum. Persoalan yang ingin saya kemukakan ialah Sabah dan Sarawak memilih untuk masuk Malaysia pada tahun 1963. Mungkin apa yang diterangkan hanya tidak disebut oleh Timbalan Menteri ialah mengenai hak-hak istimewa orang-orang Sabah atau mungkin perkara 21. Dalam Perlembagaan memang jelas tetapi persoalan saya di sini sampai bila atau sampai kiamat dunia baru kita boleh jalankan akta yang kita luluskan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah kahwin selama 41 tahun. Sabah masuk ke dalam Malaysia sejak tahun 1963 sehingga sekarang, 41 tahun. Tidakkah selama 41 tahun sudah kahwin tidak ada persefahaman di antara kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat balik kepada soalan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya mahu minta penjelasan sama ada ini berterusan atau kerajaan Persekutuan akan dengan secepat mungkin berunding dengan kerajaan Negeri Sabah kerana ini keluarga sudah kahwin 41 tahun untuk mempercepatkan Rang Undang-undang yang kita luluskan di sini. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, orang luar melancong datang dia hairan, negeri Sabah ini undang-undang, di Semenanjung lain undang-undang. Jadi, kita minta Timbalan Menteri beritahu sampai bila keadaan ini?.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun hairan apabila saya pergi ke Sabah saya perlu bawa pasport. Ini bukan masalah Persekutuan ini adalah hasil dari Akta Malaysia Nombor 26 Tahun 1963. Apabila akta ini cuma telah dapat dalam akta dan sekarang kita tidak boleh ubahsuai akta ini selain satu

persetujuan daripada negeri-negeri yang terlibat dan walau bagaimanapun, kalau ada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak perlu undang-undang yang di gubal oleh Persekutuan boleh membuat permintaan kepada Jabatan Peguam Negara supaya sesuatu undang-undang diperluaskan ke sana jika perlu. Contohnya, kerajaan Negeri Sarawak ada membuat permintaan supaya akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 diperluaskan ke Sabah dan Sarawak untuk menangani masalah along di sana walaupun telah terdapat Ordinan Memberi Pinjaman Wang, *Moneylenders Ordinance Sarawak chapter 114*. Selain dari itu, kadang-kadang peruntukan sesuatu undang-undang yang hendak diperluaskan akan menyentuh perkara dasar dan polisi. Contohnya, melibatkan kutipan hasil atau perjawatan. Dalam keadaan tersebut, undang-undang Persekutuan berkenaan mungkin terpaksa diubahsuai untuk menyesuaikan dengan keadaan di Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, perkara berkenaan dasar dan polisi haruslah diputuskan oleh kerajaan Negeri dan kementerian yang berkenaan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu along ini adalah isu nasional. Memang baik kerajaan Negeri Sarawak memohon agar *Moneylenders Act* diambil kira juga atau diguna pakai di Sarawak kerana setakat ini lesen untuk pinjaman wang adalah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan ia hanya merangkumi *general trading*. Jika *general trading*, mereka menggunakan lesen yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah untuk *business* pinjaman wang. Oleh yang demikian, apakah prosedur yang sebenar untuk melanjutkan *Moneylenders Act* ini kepada kerajaan negeri seperti Sabah dan Sarawak dan bilakah kerana kerajaan Negeri Sarawak sudah pun memohon bilakah akta ini akan dilanjutkan ke Sarawak? Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun soalan tambahan ini terkeluar sedikit daripada soalan tetapi adalah berkaitan dengan soalan asal. Saya ingin beritahu sekali lagi di sini, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan dengan terperinci perkara-perkara yang berada dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Senarai Bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Juga pada kebiasaannya, mengikut akta yang kita ada, Akta Malaysia 1963 pada kebiasaannya Undang-undang Persekutuan boleh diperluaskan ke Sabah dan Sarawak jika undang-undang yang sedemikian tidak terdapat di sana dan jika Sabah dan Sarawak telah mempunyai Enakmen Negeri yang

bersesuaian, suatu undang-undang Persekutuan itu tidak perlu diperluaskan ke sana. Saya beri contoh tadi berkaitan dengan Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951, saya harap perkara ini boleh dibawa ke Jabatan Peguam Negara supaya undang-undang ini boleh diteruskan di sana dengan segera. Terima kasih.

2. Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan-rancangan pertukaran antarabangsa yang dijalankan dan adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan Rancangan Pertukaran Belia Dalam Negeri untuk meningkatkan dan mengeratkan lagi perpaduan nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini menjalankan program pertukaran belia antarabangsa secara dua hala dan pelbagai hala di antara Malaysia dengan negara lain yang mempunyai hubungan dan kepentingan bersama dengan pembangunan belia. Program pertukaran belia antarabangsa yang sedang dijalankan adalah seperti berikut, pertukaran belia Malaysia-Indonesia, pertukaran belia Malaysia-Brunei Darussalam, pertukaran belia Malaysia-Korea, pertukaran belia Malaysia-Fokoko City Japan, pertukaran belia Malaysia-Thailand, pertukaran belia Malaysia-Singapura, program kapal belia Asia Tenggara.

Selain daripada program pertukaran belia peringkat antarabangsa, kementerian juga melaksanakan program pertukaran belia dalam negeri yang dinamakan Program Integrasi Malaysia 3S. Program selama dua minggu ini melibatkan seramai 30 orang belia dari Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Peserta dibawa berkunjung dan menjalani program bercorak integrasi dan khidmat masyarakat di ketiga-tiga wilayah, iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang bertujuan antara lain untuk memberi pendedahan tentang sosial budaya masing-masing di samping meningkatkan persefahaman serta mengeratkan semangat toleransi dan perpaduan nasional di kalangan belia yang terlibat. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah memberi jawapan. Saya rasa agak kesal kerana rancangan pertukaran belia antarabangsa yang sedia ada ini sudah wujud berpuluh-puluh tahun, tetapi nampaknya tidak ada tambahan dengan negara-negara asing yang lain. Saya rasa rancangan yang sedemikian boleh membina karakter

belia-belia yang dapat peluang, dan ini akan memberikan mereka satu pandangan yang lebih luas berkenaan dengan dunia dan boleh menghargai apa yang terdapat di negara kita kalau mereka membuat bandingan.

Berkenaan dengan pertukaran belia dalam negeri dan pertukaran belia antara negeri, saya hendak minta sedikit penjelasan daripada pihak kementerian sebab daripada penjelasan yang telah diberikan, dalam tahun ini hanya 30 sahaja peserta. Saya rasa rancangan ini boleh membawa banyak manfaat kepada belia-belia kita terutama dalam bidang perpaduan, yang kita begitu risau pada masa sekarang kita dapati belia kita ini, integrasi perpaduan ini semakin tidak begitu erat.

Saya hendak minta sedikit penjelasan, apakah kriteria yang kementerian gunakan untuk memilih peserta-peserta ini, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi supaya program ini dapat diluaskan, supaya lebih lagi belia dapat menyertai rancangan ini, dan apakah komposisi kaum yang terlibat dalam rancangan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih.

Tuan S. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam penambahan negeri-negeri yang mengambil bahagian dalam program pertukaran belia antarabangsa, pihak kementerian sedang mengkaji program bersama dengan negara-negara Islam seperti negara Arab Saudi dan Egypt. Pada masa sekarang program diadakan hanya secara program agensi.

Untuk menambahkan negara-negara tentang penyertaan belia antarabangsa ini, untuk makluman Yang Berhormat, pilihan negara untuk program pertukaran belia antarabangsa juga adalah berasaskan kepada kemampuan sesebuah negara untuk menampung perbelanjaan untuk menjadi tuan rumah mengikut giliran.

Dalam konteks ini, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Program Pertukaran Belia Malaysia – UK telah dihentikan kerana pihak United Kingdom tidak mampu lagi. Ini juga berlaku dalam kes Malaysia – Filipina. Untuk makluman Yang Berhormat, ini tertakluk kepada kemampuan sesebuah negara untuk mengemukakan program pertukaran belia.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan dengan soalan 30 peserta dengan program pertukaran belia dalam negeri, dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, program pertukaran belia dalam negeri ini bermula pada tahun 70-an dan

sehingga hujung tahun 80-an, kita telah menjalankan banyak program seperti ini. Tetapi dalam tahun 90-an program ini telah diberhentikan atas sebab-sebab kekurangan kewangan kerana pihak kementerian telah menjalankan banyak lagi program yang bercorak integrasi.

Oleh kerana itu program ini (Program 3S) telah diberhentikan. Pada tahun 2003, kementerian telah memulakan program ini dan secara permulaan 30 peserta telah diberi peluang dan kementerian pada masa yang akan datang akan menambahkan peserta-peserta dalam program pertukaran belia dalam negeri.

Berkenaan dengan kriteria

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah jawab dua, yang lain, panjangkah?

Tuan S. Vigneswaran: Berkenaan dengan kriteria

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu. Panjangkah?

Tuan S. Vigneswaran: Sedikit juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan S. Vigneswaran: Berkenaan kriteria yang diguna pakai untuk mengambil belia untuk program antarabangsa, satu, ahli-ahli persatuan - kerana untuk *fair*, dengan izin kepada semua kaum, mesti melambangkan salah satu kaum yang berada di Malaysia, semua negeri di Malaysia perlu diberi peluang. Jantina, seperti yang dibenarkan di dalam sesuatu program. Umur seperti yang dibenarkan dalam program di bawah 18, 25, 30 dan di bawah 40 tahun. Penguasaan bahasa – bahasa Inggeris dan bahasa Arab berbanding dengan negara-negara lain yang mengambil bahagian dalam program belia antarabangsa, negara kita menghantar kaum yang banyak untuk mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang pertukaran belia antarabangsa. Apabila kita melihat program belia ini, definisi usia di antara negara ini berbeza-beza. Sebagai contoh, mungkin di negara Jepun 35 tahun ke bawah dan di negara kita, pemimpin belia kita nampaknya tidak ada had umur.

Apakah keberkesanan program-program belia antarabangsa yang kita sertai memandangkan kepimpinan negara kita kadangkala terlalu berusia sangat. Terima kasih.

Tuan S. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kita di negara ini tidak mengehendkan umur di dalam program-program belia ini, tetapi sesebuah program seperti program antarabangsa ini bila dia meminta peserta-peserta daripada Malaysia dia mengehendkan umur macam Program Kapal Belia dan sebagainya, bila mereka meminta peserta dari Malaysia, mereka memberikan umur yang tertakluk dan boleh dikatakan dengan mengehendkan umur, peserta-peserta yang dihantar dari Malaysia ini pun mengikut umur yang tertakluk di dalam sesuatu program antarabangsa. Terima kasih.

[Soalan No. 3 – Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) tidak hadir].

4. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah Depot atau Pusat Tahanan Pendatang Asing Tanpa Izin di seluruh negara dan perbelanjaan bagi menyelenggara pusat-pusat ini setiap tahun dari tahun 2000 hingga sekarang.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jumlah depot atau pusat tahanan pendatang asing tanpa izin yang telah beroperasi di seluruh negara adalah sebanyak 14 buah. 10 daripadanya terdapat di Semenanjung Malaysia, 1 di Sarawak dan 3 di negeri Sabah. Daripada 14 buah depot ini, 10 daripadanya ialah yang terletak di Semenanjung dan negeri Sarawak adalah di bawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia.

Jabatan Penjara Malaysia secara berperingkat telah mengambil alih pengurusan Depot Tahanan Imigresen daripada Jabatan Imigresen Malaysia mulai 1 Jun 2002. Oleh yang demikian, perbelanjaan penyelenggaraan depot-depot oleh Jabatan Penjara Malaysia di bawah Belanja Mengurus dan Pembangunan mulai tahun 2003 hingga 2004 adalah seperti berikut:

Jumlah Belanja Mengurus - RM7,002,394.60.

Jumlah Belanja Pembangunan RM2,393,270.00.

Jumlah keseluruhan bagi tahun 2003 hingga 2004 ialah RM9,395,662.60.

Sekian, terima kasih.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, perbelanjaan adalah untuk mengurus dan

untuk pembangunan. Saya ingin tahu, berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk memberi makan minum. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, maklumat nampaknya begitu spesifik, jadi setakat ini saya tidak dapat memberi maklumat dan akan memberi selepas ini. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk semua.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kos perbelanjaan sebulan bagi semua atau 10 depot pendatang tanpa izin ialah RM2,208,000.00 sebulan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan keselamatan bagi pendatang-pendatang tanpa izin, yang ditahan di dalam pusat tahanan ini adalah merupakan faktor utama dan kita percaya bahawa dengan izin, *premises and house keeping* serta *fire protection and prevention* adalah merupakan dua kriteria yang perlu diberikan perhatian kepada setiap tempat atau pusat yang mempunyai orang-orang tahanan dan pendudukan.

Apakah tindakan *preventive* ataupun proaktif pihak kementerian di dalam memastikan setiap pusat tahanan ini mematuhi sekurang-kurangnya standard ataupun piawaian keselamatan antarabangsa di dalam *premises and house keeping* serta *fire protection and prevention*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penjara Malaysia mempunyai piawaian dan juga *standards* untuk menyelenggara atau melaksanakan sistem penjaraan di Malaysia ini dan depot pendatang tanpa izin baru diambil alih sejak 2002, dan masa kini kita sedang memulih dan juga mempertingkatkan sistem infrastruktur supaya keselamatan dapat dijamin atau dipertingkatkan.

Seperti contoh, pagar-pegar yang biasa atau *chaining fence* dan juga pagar-pegar zing pun telah digunakan setakat ini dan dengan peruntukan yang diperolehi, pagar-pegar ini akan ditukar supaya menggunakan *anti climb fence*, di mana penghuni-penghuni di depot itu tidak dapat memanjat pagar-pegar ini. Sekian, terima kasih.

[Soalan No.5 – Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir].

6. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dasar dan program-program yang telah dilaksanakan untuk menangani masalah kemiskinan di bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menangani masalah kemiskinan bandar adalah menyediakan persekitaran hidup yang lebih sejahtera, sihat dan selamat kepada kumpulan sasar menerusi penyediaan perumahan, kemudahan asas dan kemudahan masyarakat dan juga memupuk semangat berdikari dan berdaya tahan kumpulan sasar untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Kementerian akan berperanan sebagai penyelarasan dan pelaksana bagi semua program yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh semua kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan NGO dan kita telah merangka enam program utama iaitu:

- (i) program meningkatkan pendapatan;
- (ii) program perumahan;
- (iii) program kesihatan;
- (iv) program pendidikan;
- (v) program sosial; dan
- (vi) program pengangkutan.

Di dalam semua program ini, untuk memaksimumkan kejayaan program ini, cadangan atau aktiviti-aktiviti akan disesuaikan dengan keperluan kategori umur kumpulan. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Kemiskinan di bandar ini agak berbeza daripada kemiskinan di luar bandar, disebabkan oleh kemiskinan di bandar lebih banyak menyumbang kepada masalah gejala-gejala sosial dan juga dari suatu kawasan ke suatu kawasan umpamanya di Johor Bahru dibezakan dengan Kuala Lumpur atau di Pulau Pinang mempunyai keadaan-keadaan yang berbeza, dan juga harus ditangani dengan cara-cara yang berbeza.

Soalan saya ialah, apakah pentakrifan yang digunakan oleh kementerian dan juga apakah paras garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh kementerian mengikut kesesuaian tempat dan juga bandar-bandar di negara kita, iaitu paras garis kemiskinan dan pentakrifan kemiskinan di bandar yang digunakan oleh kementerian sekarang. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pada masa sekarang pendapatan garis kemiskinan yang digunakan oleh kementerian ialah mengikut kadar yang telah disediakan pada masa sekarang iaitu RM529 untuk Semenanjung, RM690 untuk Sabah dan RM600 untuk Sarawak bagi pendapatan satu keluarga pada tiap-tiap bulan. Tetapi sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan semasa menggulung Bajet, kerajaan telah mengkaji balik kadar ini melalui EPU dan Kementerian Kewangan dan kemungkinan dalam satu dua bulan lagi satu kadar baru akan ditetapkan. Tetapi kita tidak mempunyai kadar yang berbeza dari satu tempat ke satu tempat. Yang digunakan adalah sama untuk semua benda yang ada pada masa sekarang tetapi semasa melaksanakan program-program di bawah kementerian mungkin perbezaan yang ada di dalam sesuatu bandar mungkin akan diambil berat di dalam melaksanakan tindakan-tindakan yang sewajarnya dengan tempat itu. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berkenaan dengan masalah kemiskinan di bandar-bandar iaitu yang pertama berkenaan dengan pecahan mengikut kaum dalam masalah kemiskinan dan yang kedua kesan yang akan timbul jika majlis daerah ataupun sesuatu kawasan dinaikkan kepada majlis perbandaran. Adakah kesan-kesan dalam segi permasalahan kemiskinan bandar akan bertambah atau berkurangan?

Dr. S. Subramaniam: Masalah kemiskinan di bandar adalah satu hal yang sedang meningkat kerana kadar penduduk di bandar telah naik dari masa ke semasa. Pada tahun 1995 jumlah penduduk bandar di Malaysia ialah 50.7% tetapi di dalam tahun yang lalu ini telah naik kepada 62.5% iaitu oleh kerana proses urbanisasi.

Dengan proses ini memanglah wujud masalah-masalah. Di dalam melaksanakan program-program membasmi kemiskinan, pihak berkuasa tempatan akan menjadi satu agensi yang mustahak. Satu cadangan daripada kementerian ialah supaya tiap-tiap pihak berkuasa tempatan akan mewujudkan *one-stop centre* iaitu pusat sehenti yang menjadi sebagai satu pihak yang menyelaraskan segala

kemudahan dan segala program membasmi kemiskinan yang dijalankan oleh semua agensi kerajaan.

Di dalam hal ini masa perubahan sesuatu majlis daripada majlis daerah kepada majlis perbandaran, memang tugas dan peranan mereka akan dinaikkan juga. Terima kasih.

7. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Setar]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan suatu lembaga pelabuhan nasional yang dikenali sebagai "*National Port Authority*" bagi maksud mengambil alih kuasa daripada lembaga pelabuhan masing-masing supaya pelabuhan di negara kita dapat meningkatkan perdagangan melalui lautan dan mampu bersaing dengan pelabuhan utama negara jiran di rantau ini. Jika ya, bilakah dan bagaimanakah struktur organisasi ini.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengambil beberapa tindakan ke arah mewujudkan Suruhanjaya Pelabuhan Malaysia (SPM) yang akan menjadi badan kawal selia tunggal yang bertanggungjawab ke atas semua pelabuhan persekutuan yang sedang ditadbir oleh lembaga-lembaga pelabuhan dan Jabatan Laut pada masa ini.

Pada ketika ini kerajaan sedang memuktamadkan draf undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Malaysia dan saya harap ia dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada awal tahun hadapan dan pada masa yang sama kerajaan juga sedang meneliti struktur organisasi suruhanjaya tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sudi datang ke Parlimen pada pagi ini. Tadi Yang Berhormat telah menyebut tentang suruhanjaya yang akan ditubuhkan dan adakan dibentangkan dalam Parlimen. Kita hendak tahu berapa lamakah ianya akan dibentangkan oleh kerana kita tahu perkara ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah jawab lima tahun lepas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya akan sambung. Soalan tambahan. Adakah apabila NPE ini mengambil alih segala pelabuhan yang sekarang ini ditadbir secara berasingan, dasar dan peranannya akan menjadi satu dan keduanya, pelabuhan manakah yang termaju dalam banyak pelabuhan yang ada

dalam negara kita ini, yang saya difahamkan ialah Port Klang satu daripadanya yang termaju.

Tetapi di Port Klang itu ada tiga pelabuhan yang bersaing di antara satu dengan yang lain. Apakah Yang Berhormat Menteri melihat supaya pelabuhan ini juga perlu disatukan mengikut apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Selepas suruhanjaya ini ditubuhkan semua pelabuhan termasuk pelabuhan persekutuan utama seperti Port Klang, Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Pasir Gudang, Bintulu dan juga Kuantan akan diselaraskan dan di bawah kawalseliaan suruhanjaya yang saya sebutkan tadi itu. Selain daripada itu, sebanyak 57 pelabuhan yang kecil dan juga jeti yang pada masa ini adalah dikawal selia oleh Jabatan Laut Semenanjung akan juga dibawa untuk dikawal selia oleh suruhanjaya yang saya sebutkan tadi kecuali pelabuhan-pelabuhan negeri di Sabah dan Sarawak akan terus dikawal selia oleh lembaga-lembaga pelabuhan di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak.

Saya telah menjawab tadi bahawa sekarang adalah di dalam peringkat yang terakhir di mana saya yakin rang undang-undang ini dapat dibawa ke Dewan yang mulia ini pada sesi yang pertama tahun hadapan.

Semua pelabuhan utama persekutuan dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah berkembang dengan begitu pesat sehingga Pelabuhan Klang telah dijadikan pelabuhan yang ke-12 terbesar di seluruh dunia dan Tanjung Pelepas sungguhpun ia baru wujud kurang daripada sepuluh tahun tetapi ia sudah mencapai tahap menjadi pelabuhan yang ke-17 terbesar di seluruh dunia. Kita akan terus mempromosikan semua pelabuhan di negara ini supaya Malaysia boleh dijadikan satu hub pelabuhan yang penting di rantau ini.

Berkaitan dengan persaingan di antara Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat, di Pelabuhan Klang ini bukannya ada tiga, setiapnya ada Pelabuhan Barat di bawah satu operasi tetapi Pelabuhan Utara ia merangkumi Pelabuhan Selatan, maka ia ada merupakan dua entiti. Memang terwujudnya persaingan di antara kedua-dua pelabuhan itu tetapi saya menganggap persaingan ini adalah merupakan persaingan yang cukup sihat. saya sendiri selalu memberitahu kepada mereka semasa mereka mempromosikan Pelabuhan Klang ini mereka hendaklah mempromosikannya sebagai

satu pelabuhan keseluruhan dan bukan mempromosikan West Port, North Port dan sebagainya.

Dalam pada itu saya telah juga mewujudkan satu Jawatankuasa Persaingan Pelabuhan Malaysia (The Malaysian Port Competitiveness Committee) di mana saya sendiri menjadi Pengerusi dan semua usaha dan inisiatif untuk mempromosikan semua pelabuhan di negara ini dapat diselaraskan. Maka dengan beberapa langkah itu, saya harapkan dan saya yakin memang ada persaingan di antara satu sama lain tetapi pada keseluruhannya kita akan berkembang pada masa yang sama. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Di antara objektif kerajaan menubuhkan Pelabuhan Tanjung Pelepas ialah untuk mewujudkan satu destinasi baru ataupun setidak-tidaknya boleh menjadi saingan terhadap pelabuhan-pelabuhan di Singapura. Soalan tambahan saya, setakat ini adakah kerajaan berpuas hati terhadap prestasi Pelabuhan Tanjung Pelepas ini? Adakah kapal-kapal ataupun sebelum ini mereka menggunakan pelabuhan Singapura yang begitu canggih dengan kemudahan, adakah hari ini Pelabuhan Tanjung Pelepas ini telah mencapai tahap ini dan adakah kerajaan berpuas hati dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas ini? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kerajaan memang sangat berpuas hati dengan perkembangan dan pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas ini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa sejak pelabuhan ini beroperasi pada tahun 2000, dalam masa yang begitu singkat ia menjadi pelabuhan yang ke-17 terbesar di seluruh dunia.

Pada tahun 2000, apabila ia mula beroperasi, pelabuhan ini cuma mengendalikan sebanyak 418, 000 TEUs sahaja, tetapi pada tahun lepas TEUs ataupun kontena yang telah dikendalikan oleh pelabuhan ini telah sampai ke 3.5 juta jumlahnya dan pada tahun ini saya yakin bahawa jumlah ini akan meningkat kepada 4 juta TEUs.

Selain daripada kemudahan-kemudahan yang canggih yang kita telah bangunkan di Pelabuhan Tanjung Pelepas ini, saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa produktiviti Pelabuhan Tanjung Pelepas ini adalah antara yang tertinggi di seluruh dunia

Saya hendak beri satu contoh. Di Singapura iaitu Move Perawa iaitu *crane* di pelabuhan Singapura boleh mengendalikan lebih kurang 27 kontena dalam satu jam.

Manakala di Pelabuhan Tanjung Pelepas kita telah sampai ke tahap di mana kita boleh mengendalikan 35 kontena dalam masa satu jam. Oleh kerana produktiviti dan juga kemudahan yang begitu terkini ini dapatlah kita menarik beberapa syarikat perkapalan yang cukup besar di seluruh dunia untuk menggunakan Tanjung Pelepas bagi pelabuhan *transshipment* mereka di antaranya ialah Maersk Sealand. Maersk Sealand adalah di antara syarikat perkapalan yang terbesar di dunia – *number one*. Ia sudah *shift* daripada Singapura ke Pelabuhan Tanjung Pelepas. Selain daripada itu ialah Evergreen, ia merupakan syarikat perkapalan yang ketiga ataupun keempat terbesar di seluruh dunia, sekarang ini pun ia telah menggunakan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai hubnya di rantau ini. Kita sedang berusaha untuk menarik lebih banyak lagi syarikat perkapalan yang terbesar di dunia ini supaya menggunakan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai hub mereka di rantau ini. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 8 – Y.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud] tidak hadir]

[Soalan No. 9 – Y.B. Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] tidak hadir]

10. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan projek PPR di Kuala Lumpur yang dimajukan oleh Syarikat Perumahan Negara yang telah diberhentikan atau dibatalkan dari segi sebab diberhentikan atau dibatalkan, unit yang sudah, sedang dan belum disiapkan, jumlah wang yang telah dibelanjakan serta namakan projek yang diarahkan berhenti dan diteruskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) tidak mempunyai sebarang projek program perumahan rakyat PPR di Kuala Lumpur yang telah diberhentikan atau dibatalkan.

Walau bagaimanapun, atas arahan Kementerian Kewangan, SPNB kini sedang menyiapkan baki kerja pembinaan bagi dua projek PPR kepunyaan Jabatan Perumahan Negara di Kuala Lumpur. Projek-projek yang terlibat adalah projek PPR Batu Muda yang terletak di Lot PT 34776 Kampung Batu Muda, Mukim Batu, bagi pembinaan lapan blok rumah pangsa kos rendah, 16 hingga 18 tingkat yang mempunyai 2,528 unit dan PPR Kerinchi yang terletak di Lembah Pantai Kuala Lumpur

yang mengandungi enam blok, 14 hingga 18 tingkat rumah pangsa kos rendah yang mempunyai 1,896 unit.

Setakat 30 September 2004, SPNB telah pun membelanjakan sebanyak RM3.7 juta bagi menyiapkan projek PPR Batu Muda yang dijangka siap pada 6 September 2005 dan sebanyak RM5.41 juta bagi projek PPR Kerinchi yang dijangka akan siap pada 11 Mei 2005.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tawaran PPR ini adalah bermaksud untuk kebanyakan unitnya ditawarkan bagi menempatkan semula setinggan-setinggan yang terlibat dalam projek kerajaan.

Tetapi saya mendapati kebanyakan atau sungguh banyak PPR di rancang dan dibina di tapak yang kurang sesuai dan ditolak oleh ramai keluarga setinggan yang ditawarkan, khasnya kerana kesesuaian tapak dengan tempat asal di mana mereka tinggal.

Saya ingin memberi satu contoh sebelum soalan ditimbulkan iaitu di PPR Taman Wahyu dan PPR Intan Baiduri di mana ribuan unit tidak diminati oleh bekas keluarga setinggan, dan di kawasan-kawasan yang lain didapati PPR yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan. Maka misalnya di PPR Cochrane, di PPR Jalan Lapangan Terbang Lama dan sebagainya.

Maka saya nampak kelemahan dalam perancangan. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini, macam mana masalah ini diperbetulkan dan adakah objektif PPR ini dikaji semula untuk memastikan masalah kesesuaian tapak ini diatasi kerana ramai setinggan tidak bersetuju dengan tapak yang ditawarkan kerana mereka menghadapi masalah perniagaan, pekerjaan dan juga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: persekolahan anak-anak mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu agak terkeluar sedikit daripada soalan asal iaitu berkenaan dengan SPNB. Walau bagaimanapun, yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan antara SPNB dengan Jabatan Perumahan Negara.

Tugas SPNB adalah membina rumah kos rendah dan sederhana rendah dan tanah dibeli oleh SPNB ataupun kalau ia boleh bekerjasama dengan mana-mana

agensi kerajaan yang ada tanah. Tetapi Jabatan Perumahan Negara akan membina rumah di atas tapak tanah kerajaan, sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat.

Maka seperti yang kita ketahui, tapak-tapak yang ada yang dipunyai oleh kerajaan memanglah tidak boleh, kadang-kadang tempatnya tidak sesuai, tetapi dibina kerana tanah itu sahaja yang ada. Dan memang berlakulah apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pembinaan rumah dibina di tempat yang tidak sesuai, dari segi tempat pekerjaan, sekolah dan sebagainya. Ini memang berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Sambil menoleh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, mengapa hendak melihat ke belakang? *[Ketawa]* Lihat di depan sinilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, pandangan kita mesti dipelbagaikan, kalau pandang hanya kepada Tuan Yang di-Pertua sahaja tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah bermakna kalau ada orang lain yang bangun, hendak beri peluang kepada orang lain?

Dr. Tan Seng Giaw: Itu biasanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, saya akan buatlah macam itu pada masa yang akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak usah macam itu, saya beri peluang kepada orang lain. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan Syarikat Perumahan Negara ini dengan MTEN, apakah rancangan lagi bukan sahaja di Wilayah Persekutuan bahkan juga di seluruh negara.

Adakah rancangan untuk membina rumah bagi dijual juga, bukan sahaja setakat disewa? Saya setuju juga kerana ada golongan yang tidak mampu untuk membeli, kita membuat suatu peruntukan untuknya, tetapi bagi orang yang hendak beli kita pun beri peluang juga. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya hendak perbetulkan balik fakta yang sebenarnya, saya sebut tadi bahawa SPNB membina rumah kos rendah dan sederhana rendah dan adalah untuk dijual sebenarnya dan juga rumah mesra yang diberi bantuan dan juga kena bayar baliklah.

Memang ada perancangan di seluruh negara, memang dibina rumah untuk dijual kepada mereka yang berhak untuk membelinya.

Tetapi perancangan yang terperinci, saya tidak dapat sebutkan di sini kerana itu agak spesifik. Maka kalau diperlukan saya akan mendapatkan maklumat yang lebih lanjut.

11. Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan telah dimainkan oleh setiap Cawangan Bank Pertanian Malaysia sebagai pemangkin kepada kemajuan dan membantu golongan petani, penternak dan nelayan dalam meningkatkan pendapatan mereka khususnya di Parlimen Kuala Selangor.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sektor pertanian khususnya sebagai pemangkin untuk memajukan dan membantu golongan petani, penternak dan nelayan untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Langkah-langkah yang berkesan, yang diambil oleh Bank Pertanian Malaysia, bagi menerajui kemajuan golongan petani ialah melalui penyediaan pelbagai bentuk kemudahan pinjaman yang sesuai bagi semua golongan sasaran, sama ada mereka petani, penternak atau nelayan yang terdiri dari pengusaha-pengusaha kecil, sederhana atau besar.

Bagi tujuan ini, Bank Pertanian Malaysia menyediakan sebanyak 33 jenis pinjaman konvensional, sama ada pinjaman kumpulan khas atau pinjaman kumpulan biasa dan 19 jenis pembiayaan perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di samping pinjaman, Bank Pertanian juga menyediakan perkhidmatan perbankan untuk menggemblengkan simpanan di kalangan pengusaha-pengusaha pertanian, bagi pelbagai bentuk simpanan disediakan seperti simpanan biasa, Petra Perdana, GARO dan simpanan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Kuala Selangor, Bank Pertanian Malaysia mempunyai dua cawangan iaitu di Tanjong Karang dan Jeram. Pelbagai bentuk kemudahan pinjaman dan kemudahan telah disediakan bagi golongan sasaran. Bagi tahun 2002 sebanyak 1,025 permohonan bernilai RM12 juta telah pun diluluskan

sebagai pinjaman. Manakala bagi tahun 2003, 1,008 permohonan bernilai RM52.7 juga telah diluluskan.

Di antara skim-skim pinjaman atau pembiayaan yang dipohon oleh golongan sasaran termasuklah seperti berikut:-

- (i) Pinjaman Skim Padi;
- (ii) Skim Pinjaman Mekanisasi atau Automasi Pertanian;
- (iii) Skim Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera;
- (iv) Skim Mikro Kredit;
- (v) Skim Pinjaman 3F Tabung untuk Makanan;
- (vi) Skim Pinjaman Projek Pertanian;
- (vii) Skim Niaga Tani.

Bagi kawasan ini prestasi pembayaran balik pinjaman secara purata bagi tahun 2002 dan 2003 ialah 16.1%. Ini bermakna 39% daripada pinjaman tidak dapat dikutip atau dibayar balik lewat atau tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Untuk memastikan keberkesanan Bank Pertanian sebagai pembiaya utama sektor pertanian, adakah kerajaan berhasrat untuk mengkorporatkan bank ini supaya ia mampu berdaya saing dengan bank-bank perdagangan yang lain, tanpa melupakan matlamat utama penubuhan bank ini mengikut Akta Parlimen 1969 sebagai sebuah agensi berkanun kerajaan negeri? Dan ini saya fikir selari dengan langkah yang dilakukan oleh kerajaan baru-baru ini untuk menyusun semula syarikat-syarikat milik kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya satu kajian permulaan sedang dibuat untuk mentaksirkan sama ada bank ini boleh dikorporatkan ataupun tidak. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjelaskan banyak jenis skim perkhidmatan yang diberikan oleh Bank Pertanian. Antaranya ialah Skim Mikro Kredit adalah mendapat sambutan baik dari para petani. Adakah kementerian mempunyai cadangan untuk menambahkan lagi Skim Mikro Kredit ini dan boleh atau

tidak Timbalan Menteri menjelaskan bagaimana Bank Pertanian boleh memberi perkhidmatan kepada petani-petani di kawasan pedalaman di mana tidak ada Bank Pertanian di sana. Bolehkah Bank Pertanian menyediakan bank bergerak untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada petani-petani di kawasan pedalaman? Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk petani-petani dalaman, kita cadangkan petani-petani itu melaluilah pertubuhan-pertubuhan petani untuk memohon atau meminjam apa-apa kemudahan daripada Bank Pertanian Malaysia dan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan suatu aktiviti yang lain itu, kita boleh sampaikan kepada Bank Pertanian untuk dikaji. Terima kasih.

[Soalan No. 12 – Y.B. Tuan Raime bin Unggi [Tenom] tidak hadir]

[Soalan No. 13 – Y.B. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] tidak hadir]

[Soalan No. 14 – Y.B. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] tidak hadir]

15. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan maklumat mengenai sindiket pengemis dari segi bilangan, latar belakang, jumlah sindiket dan tindakan untuk menangani masalah ini. Apakah usaha kerajaan untuk membantu para pengemis yang sebenar pula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Orang-orang Papa 1977 telah digubal dalam usaha untuk menangani masalah pengemisan.

Pembekalan di bawah akta ini tidak memperuntukkan aktiviti pengemisan sebagai suatu kesalahan tetapi mereka perlu diselamatkan dan diberikan pemulihan. Dari operasi yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Majlis Tempatan dan Jabatan Imigresen, terdapat warga negara asing, terutamanya kanak-kanak yang tiada status kewarganegaraan yang dirujuk untuk tindakan Jabatan Imigresen.

Jumlah warga asing yang terlibat dalam aktiviti pengemisan adalah 35 orang bagi tahun 2002 dan 184 bagi tahun 2003.

Bagi pengemis tempatan yang diselamatkan, mereka akan dihantar ke Pusat Desa Bina Diri, Mersing, Johor iaitu institusi pemulihan untuk pengemis dan kutu rayau selama tiga tahun atas perintah mahkamah di bawah Akta Orang-orang Papa 1977. Di institusi ini mereka akan menjalani program pemulihan, bimbingan dan kaunseling serta latihan vokasional supaya mereka dapat hidup berdikari. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan mereka yang dihantar ke pusat-pusat pemulihan itu apakah kadar kejayaan pihak kerajaan telah melatih pemulih mereka supaya dapat balik hidup di masyarakat seperti biasa, apakah kadar kejayaan dalam hal ini. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, di Desa Bina Diri mereka diberi latihan vokasional seperti pertanian, ternakan, jahitan, gunting rambut, bengkel kayu, projek membuat roti, kelas ekonomi rumah tangga. Setakat keluar dibebaskan mereka boleh memohon geran pelajaran jika berminat dengan latihan yang diikuti bagi menjalankan projek. Kebanyakan mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat dan hanya 20% sahaja didapati kes berulang. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya. Sebelum soalan tambahan saya, saya hendak merakamkan selamat datang kepada Ketua Pergerakan Pemuda dan Jawatankuasa UMNO bahagian Dungun, yang ada ke atas. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Masalah pengemis di negara kita sebenarnya tiap-tiap malam kalau kita pergi ke kawasan jalan Tuanku Abdul Rahman di kedai-kedai, tiap-tiap malam memang ada belasan di tiap-tiap lorong yang minta menjadi pengemis sama ada kanak-kanak, sama ada jenis ibu ataupun orang tuan lelaki. Saya mintalah ahli-ahli Parlimen dari Wilayah Persekutuan tengok sikit macam mana dan ini berlaku di Kuala Lumpur yang menjejaskan imej kerana apabila kita bawa rakan-rakan kita daripada negara dia mengatakan ini adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia sedangkan pengemis ini bukan daripada warganegara kita. Jadi, saya hendak minta apakah program kerajaan untuk mensifarkan pengemis yang datangnya daripada warganegara asing ini. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, salah satu punca mengapa kita dapat begitu banyak pengemis di pasar-pasar malam di negara kita ini adalah kerana orang awam kita ini salah gunakan murah hati kita. Bila kita dapati ada pengemis di

jalan raya kita bagi sahaja, kita bagi sumbangan dan semasa Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil tindakan selalunya kita dapati orang awam mereka simpati dengan mereka dan juga kita ada banyak kes yang telah bukti ada segelintir mereka adalah penipu, mereka bukanlah pengemis-pengemis yang sebenar dan oleh itu memandangkan kerajaan kita telah menyedia Desa Bina Diri dan juga telah menyediakan kursus latihan kemahiran dan juga telah jaga kehidupan dengan baik oleh itu kita selalu menyeru orang awam jangan salah gunakan murah hati kita.

Untuk mensifarkan masalah pengemis di masyarakat kita ini, masyarakat harus disedari tidak terlalu bermurah hati bersedekah dan Akta Orang-orang Papa 1977 akan dikaji semula untuk lebih praktikal, kerana pada masa ini tindakan pengemis ini tidak dianggap satu kesalahan, kita mesti membezakan pengemis yang sebenar dan pengemis yang palsu. Kalau pengemis itu penipu kita akan mesti mengubahkan meminda akta kita supaya mereka dapat dihukumkan dan hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada pengemis yang berulang dan pengemis asing dan juga kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lagi banyak.

Puan Chew Mei Fun: *Last one.* Perlu bantuan dari pihak imigresen supaya mereka perlu bertindak tegas terhadap pengemis asing. Terima kasih.

16. Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu]: minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah perancangan Kementerian di dalam menaikkan hasil perusahaan perladangan dan komoditi seperti getah dan kelapa sawit dalam rangka jangka pendek dan panjang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Bagi sektor kelapa sawit kementerian telah sedang dan akan mengambil langkah bagi meningkatkan hasil kepada kelapa sawit melalui langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

Langkah-langkah jangka pendek –

- (i) menggalakkan penggunaan bahan tanaman atau planting material dengan izin, yang berkualiti melalui program dengan izin, palm oil nursery competency certification;
- (ii) meningkatkan produktiviti melalui mekanisasi penggunaan baja dan urusan ladang yang baik;

- (iii) menggalakkan dan mendidik pekebun supaya menuai buah masak bagi meningkatkan kadar perahan minyak dan;
- (iv) memberi khidmat nasihat kepada pekebun melalui program pemindahan teknologi sawit untuk pekebun kecil.

Langkah-langkah jangka panjang merangkumi –

- (i) meningkatkan aktiviti R&D,
- (ii) menggunakan baka benih yang berkualiti dan tahan penyakit semasa tanaman semula,
- (iii) meningkatkan penggunaan domestik terhadap kelapa sawit contohnya mempromosi penggunaan bio-.... dalam negara kita;
- (iv) mencari pasaran baru dan berpotensi bagi kelapa sawit dan produknya seperti di Asia Barat, Afrika dan Latin Amerika
- (v) mewujudkan kerjasama dengan negara pengeluar utama seperti Indonesia terutamanya dalam bidang pemasaran R&D dan peningkatan penggunaan sawit untuk pasaran tempatan dan luar negeri.

Bagi sektor getah, strategi jangka pendek merangkumi mempromosi sistem torehan kekerapan rendah atau LITS.

Strategi jangka sederhana ialah menggalakkan penyatuan pengurusan kebun-kebun kecil.

Strategi jangka panjang ialah;

- (i) menggalakkan penanaman klon latex balak atau Latex Timber Clone dengan izin;
- (ii) menggalakkan supaya sektor swasta mengusahakan projek ladang getah, hutan getah dengan izin, rubber forest plantation;
- (iii) memastikan bekalan bahan tanaman LCT seperti Klon siri RRIM 2000 disediakan untuk secukup untuk keperluan pekebun kecil, estet dan pihak swasta yang ingin menanam semula atau membangunkan ladang hutan getah; dan
- (iv) menjalin kerjasama dengan Thailand, Indonesia yang menjadikan negara pengeluar utama di rantau ini untuk

menstabilkan dan meningkatkan harga getah melalui Deklarasi Bali yang dimeterai pada 12 Disember 2001. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas Peraturan 18 Mengenai satu Usul yang dikehendaki, mengenai orang ramai yang berkehendak disegerakan dan saya ada mengikut peraturan 18, beri notis dua hari dan itulah saya mahu baca usul saya kemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu bacalah saya boleh...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh tolak usul tanpa saya bacakan itu usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Usul telah diteliti oleh Tuan Yang di-Pertua dan memang berkuasa untuk tolak.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada kuasa itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada terima surat...

[Dewan kecoh]

Tuan Lim Kit Siang: Dengar... saya ada terima surat daripada Yang di-Pertua yang memberi sebab-sebab bahawa ia tidak perlu disegerakan sungguhpun tertentu dan adalah kepentingan orang ramai mengenai projek-projek infrastruktur raksasa yang sudah gagal. PMC atau bukan PMC...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat tidak perlu..

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi dia kata, dia ada beri beberapa sebab kenapa ia tidak patut disegerakan, saya tidak bersetuju. Itu hal yang lain. Satu skandal kerajaan nampaknya mahu menjadi satu skandal Parlimen, itu hal yang lain, tetapi di sini saya berdiri tegas atas hak saya untuk membacakan di bawah Peraturan Mesyuarat.

Peraturan Mesyuarat 18(7) dan Yang di-Pertua kata, “Bahawa oleh yang demikian saya menolak usul Yang Berhormat dalam kamar mengikut Peraturan Mesyuarat 18(7) dan tidak dibentangkan dalam Dewan mengikut Peraturan 18(8).”

Kita baca 18(7) yang berbunyi:

“Tuan Yang di-Pertua boleh menolak dalam kamar mana-mana usul yang dikemukakan kepadanya jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati:

(a) pencadangnya hanya berniat hendak mengambil peluang untuk berucap di dalam Majlis Mesyuarat; atau - Itu tidak pakai.

Orang *idiot* kata, itu pakai tetapi Tuan Yang di-Pertua kata ini tidak pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah ...

[Dewan kecoh]

Tuan Lim Kit Siang: Bukan saya mengikut peraturan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri atas *point of order*. Ialah mengenai 18(7).....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, keputusan yang dibuat oleh Speaker juga mengikut peraturan...

Tuan Lim Kit Siang:saya tahu, Speaker tidak boleh buat apa-apa yang dia suka. Kita mengikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, dengar dulu, sebelum buat keputusan...

[Dewan kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, keputusan sudah dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan ini ialah mengenai 18(7). Ini bukan *kangaroo Parliament*, bukan *kangaroo court* dengar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Ya, benarkan saya berucap dahulu. Dengar dahulu. Lepas itu mahu membuat keputusan boleh. Jangan jadi *kangaroo court* dan *kangaroo Parliament*. 18(7) yang pertama..

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya juga..

Tuan Lim Kit Siang: ...pencadang...

Tuan Liow Tiong Lai: Peraturan Mesyuarat, *point of order*...

Tuan Lim Kit Siang:... *but* saya masih dalam *point of order*..

Tuan Liow Tiong Lai:saya pun *point of order* juga...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh lepas itu baru boleh ikut ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Merapu...

Tuan Liow Tiong Lai:sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: .. tidak habis pun *point of order* ini, mana ada *multiple point of order*, *multiple idiot* mungkin ada!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya membenarkannya tidak apa, tidak apa...

Tuan Lim Kit Siang: *Multiple idiot* ada, tiada *multiple point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu sebut *idiot* dan sebagainya, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: O.k. 17(1). *I mean* ini kita ikut Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua pun kena ikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baca, baca. Saya benarkan baca.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Peraturan Mesyuarat atau saya baca dalam bahasa Inggeris.

"18(7) Tuan di-Pertua *may, in chambers, refuse to allow any motion submitted to him if Tuan di-Pertua is satisfied that -*

(a) *the mover intends only to take opportunity to address the House; or -* Ini tidak pakai, oleh sebab dalam surat Yang di-Pertua kata sebab yang beri ialah tidak *urgent*. O.k. ini tidak pakai.

(b) *the matter has been discussed in the current session and clarification given by the government on the said matter.*

- Ini pun tidak pakai. Ok.

(c) *any motion contravenes any of the provisions of the Standing Orders of the House.*

Bererti bukan mengenai 18(1), bahawa tiga-tiga unsur yang perlu ditepati bahawa *definite, urgent, public importance*.. Mungkin lebih daripada 300 perkataan, mungkin tidak cukup notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat baca banyak senang, baca sahaja. Keputusan saya boleh buat.

[Dewan kecoh]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu keputusan boleh dibuat tanpa dengar hujah-hujah pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang tidak perlu.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi keputusan perlu dibuat secara adil dan *seen to be fair* dan tanpa dengar hujah-hujah. Itu bukan keputusan dalam satu *rule of law*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila sila.

Tuan Lim Kit Siang: Dengar dahulu, selepas itu buat keputusan. Jangan buat keputusan tanpa mendengar. Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah dengar.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, baik. Sebab itu tiga-tiga sebab di mana 18(7) boleh digunakan tidak relevan. Sebab itu saya tidak bersetuju dengan sebab-sebab kenapa tidak *urgent*, tetapi hak saya untuk membacakan usul ini termaktub dalam Peraturan Mesyuarat. Selain daripada saya tidak melanggar tiga-tiga fasal ini dan saya meminta bahawa saya menggunakan hak saya di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membaca teks ini selepas itu mahu tolak, boleh tolak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk. Cukup cukup.

[Dewan kecoh]

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Ini *kangaroo court mindless majority*, malu...

[Dewan kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh dengar, apa ini. Itu sikap *world Parliament!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

[Dewan kecoh]

Tuan Lim Kit Siang: Rwanda, Ethiopia pun lebih baik daripada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu memang telah diteliti oleh Speaker dan segala keputusan yang dibuat memang mengikuti Peraturan Mesyuarat yang disediakan. Yang Berhormat, keputusan itu muktamad dan kita kekalkan keputusan itu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

[Dewan kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan pegang sikap itu. Kalau keputusan yang baik, kata kita baik. Kalau keputusan tidak baik kata Peraturan Mesyuarat tidak baik. Cukup, cukup.

[Dewan kecoh]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Ini bersetuju atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat, duduk. Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, duduk. Duduklah.

[Dewan kecoh]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *You sit down*, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *You sit down*. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ada Peraturan Mesyuarat, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ada Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beliau ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:...Peraturan Mesyuarat Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk pada 36(4). Yang Berhormat ini menggunakan perkataan biadab. Kalau tempat lain bagus, negara lain bagus, Parlimen lain bagus, Yang Berhormat boleh berhenti, letak jawatan pergi tempat lain, Parlimen lain. Buat apa tunggu sini..

[Dewan kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...menyusahkan orang, perangai tidak senonoh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ada *personal interest*, malu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Kita bagi pembangkang cuti 6 bulan!

[Dewan Kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya fikir Yang Berhormat Larut berkuasa untuk mengemukakan Peraturan Mesyuarat. Cukup, cukup,cukup. Sambung. Setiausaha tolong baca.

Tuan Lim Kit Siang: *Personal interest* duduklah.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG PERBEKALAN 2005****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keempat belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Lim Kit Siang: *[Berjalan keluar dari Dewan]*

Beberapa Ahli Kerajaan: *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Keluarlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mereka sayang Yang Berhormatlah.

Seorang Ahli: Takutkah..takut?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak keluar, keluar dulu Yang Berhormat. Cukup.

Maksud B.44 [Jadual] –

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagi Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Gerik sila.

11.09 pagi.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima Kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memulakan perbahasan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Maksud B.44 dan P.44.

Pertamanya saya ingin menyatakan bahawa kita rasa bahagia dengan menutup tirai 2004 ini, dengan cerita-cerita gembira mengenai perkembangan perfileman kita, di mana beberapa filem seperti Pontianak Sundal Malam yang mendapat pengiktirafan di sebuah festival di Eropah, di Sepanyol kalau tidak salah saya.

Lebih menggembirakan kita, filem yang agak besar bajetnya RM20 juta ke atas, Puteri Gunung Ledang, mendapat pengiktirafan di Venice Filem Festival yang berprestij dan kini diterima baik pula oleh akademi di mana Puteri Gunung Ledang telah tersenarai di antara filem terpilih untuk bertanding merebut akademi bagi filem-filem asing terbaik.

Jadi, ini menggembirakan kita, di samping banyaklah filem-filem komedi romantik seperti Mami Jarum, Cinta Kolesterol, Lang Buana dan sebagainya, mendapat sambutan. Cuma filem-filem seni ini kurang mendapat sambutan. Cuma tentang Puteri Gunung Ledang ini, saya rasa ramai Ahli Yang Berhormat kita belum menonton dan saya amat kecewa terpaksa meyakinkan rakan di sebelah saya ini, Yang Berhormat bagi Ledang untuk pergi ke pawagam bersama-sama dengan ahli keluarganya menonton di pawagam tetapi dia tidak mahu, dia enggan.

Dan, dia memberi satu syarat yang cukup susah untuk ditunaikan kalau dia hendak pergi menonton di pawagam, katanya. Jadi, katanya, heroinnya dia tidak berapa setuju, kalaulah heroinnya secantik Yang Berhormat bagi Baling, barulah dia akan pergi menonton filem Puteri Gunung Ledang, dia kata, masya-Allah. Ini sama dengan Puteri Gunung Ledang meminta tujuh dulang – hati nyamuk tujuh dulang dan sebagainya untuk menerima peminangan ini.

Cuma yang saya ingin sampaikan di sini ialah setelah hampir 70 tahun industri perfileman kita wujud di negara kita ini, kita belum ada sebuah muzium ataupun arkib filem dan apabila sarjana-sarjana dari Amerika, dari UK datang bertemu kami untuk mencari filem-filem Melayu untuk dibuat kajian, tidak ada dalam simpanan kita. Jadi, kita harapkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan lihatlah dengan secara serius untuk mewujudkan sebuah arkib ataupun muzium perfileman kerana filem merupakan satu wajah bangsa kita dahulu, kini dan masa depan.

Perkara keduanya, Butiran 030300 – Kecemerlangan Seni, ada dua perkara yang ingin saya timbulkan. Pertama, ialah prestasi Istana Budaya. Saya merupakan ahli yang selalu berkunjung ke Istana Budaya menonton beberapa pementasan yang hebat-hebat, *The Fame*, *The Cat*, satu lagi *Hang Li Po*, suatu yang cukup menarik

ataupun Nyiur Gading Puncak Mahligai, Merdeka! Merdeka! Merdeka! dan beberapa lagi. Cuma malangnya untuk perhatian kementerian bahawa elit negara kita ini, ahli Parlimen kita ini, saya belum pernah berjumpa di Istana Budaya. Kenapa? Kenapa?

Elit kita, pemimpin kita, cuma pergi ke Istana Budaya apabila adanya Yang di-Pertuan Agong ke sana, apabila adanya Perdana Menteri menonton, barulah berduyun-duyun Menteri-Menteri kita, Timbalan Menteri dan sebagainya. Jadi, pementasan yang cukup menarik ini, kenapa tidak elit kita. Jadi, bagaimana caranya kita menarik perhatian kumpulan-kumpulan terpelajar seperti di England, malah di Rusia juga, the elit merupakan patron kepada pementasan yang hebat-hebat ini.

Jadi, saya ingin tahu dari segi *rating*, apakah pementasan yang mendapat *full house* seperti Ronggeng Rokiah, tujuh hari berturut-turut – *full house*. Kenapa cerita seperti ini ataupun *The Fame*, *The Cat*, *full house* tetapi cerita-cerita lain seperti *Hang Li Po*, yang merupakan pementasan yang hebat kurang mendapat sambutan. Jadi, kita ingin tahu bagaimana dan barangkali perlu kajian tentang cita rasa penonton-penonton kita.

Seterusnya perkara ketiga Butiran 030200 tentang Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian, nampaknya kegiatan kesenian kebudayaan kita ini cukup rancak, rancak di peringkat Kuala Lumpur dan eloklah kita wujudkan zon-zon khusus untuk menggiatkan aktiviti kesenian seperti di MATIC umpamanya, di Panggung Budaya, Panggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di Jalan Raja Laut dan mungkin juga Taman Tasik Titiwangsa itu merupakan satu lagi zon kegiatan kesenian di hujung minggu.

Cuma saya rasakan bahawa kegiatan kesenian ini perlulah digiatkan juga di peringkat negeri, di ibu-ibu negeri dan di daerah-daerah - adanya bacaan puisi, lagu puisi dan seterusnya persembahan kebudayaan. Sehubungan dengan itu juga kita rasakan bahawa anak-anak kita hari ini, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat kita di dalam Dewan ini terlalu *exam-oriented*, dari segi kokurikulum di sekolah rendah, menengah dan sebagainya. Jadi, kenapa tidak kita jadikan kesenian, kebudayaan sebagai kokurikulum yang wajib di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Wajib mengikutinya tidak semestinya dinilai dari segi keputusan akhir kerana di universiti memang kita telah galakkan setiap pelajar itu mestilah mengambil sekurang-kurangnya satu atau dua *elective*, kokurikulum yang wajib dan mereka keluar nanti,

mereka bercerita – bila kita buat *survey* – mereka mengatakan, inilah kali pertamanya saya berpengalaman bermain alat gamelan, inilah kali pertamanya saya mendapat peluang berteater, berlakon dan sebagainya. Jadi, saya anjurkan supaya ada kerjasama di antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Pelajaran supaya kita wujudkan ko kurikulum yang kita wajibkan kepada para pelajar kita, bukan sahaja kesenian tetapi juga sukan untuk dipilih oleh para pelajar kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah Butiran 030400 – Kemajuan Akademi Seni Kebangsaan. Tahniah kepada kementerian yang telah merombak atau melihat semula kurikulum Akademi Seni Kebangsaan yang saya kira mempunyai potensi untuk dimajukan. Cuma cadangan saya ialah harus kita fikirkan juga, fikirkan bagaimana Akademi Seni Kebangsaan ini akan dapat kita naikkan tarafnya menjadi Universiti Kolej Akademi Seni Kebangsaan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Silakan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Memandangkan antara objektif Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang baru ditubuhkan ini adalah untuk membangunkan kebudayaan kebangsaan Malaysia berteraskan Dasar Kebudayaan ke arah mengukuhkan perpaduan negara. Apakah komen Yang Berhormat bagi Gerik kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sebut tadi Parlimen kita ini tidak ke arah *first-world* Parlimen tetapi saya berpendapat yang Parlimen kita ini ke arah *first-world* kerana Parlimen di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kita bukan sahaja ada manusia.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron:kita juga ada jin. Jin dan manusia memenuhi Dewan Negara – pelantikan Senator Jins Shamsudin. Beliau ini

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah kerana masa.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Soalan saya, adakah bilangan seorang penggiat seni di Dewan Negara ini memadai dalam usaha kerajaan untuk

memperjuangkan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini ataupun perlu ditambah lagi bilangan penggiat seni>

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya, terima kasih, soalan yang cukup menarik, tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Jins Shamsudin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya, baik. Jawapannya ialah selain daripada bidang kesenian tadi, tokoh seni, saya rasa seorang lagi mungkin tokoh dalam bidang sastera seperti GAPENA, banyak lagi pengikut-pengikutnya, saya kira wajar dilantik di Dewan Negara ini.

Tentang Akademi Seni Kebangsaan untuk dinaikkan taraf ke Universiti Kolej dan akhirnya perkara Muzium Etnologi Dunia Melayu, saya rasa sudah diwarwarkan 10 tahun yang lalu 1994, tetapi barangkali belum lagi direalisasikan. Jadi, kami ingin mendapat maklum balas daripada kementerian setakat manakah kemajuannya dan apakah ia dapat diselesaikan dalam masa setahun dua ini.

Jadi, Tuan Pengerusi saya – orang budaya, saya ingin menyampaikan satu pantun yang saya pecah kepada dua. Pertamanya untuk Ahli-ahli Yang Berhormat kita termasuk parti pembangkang yang telah sama-sama memilih Yang di-Pertua baru kita dahulu, ada pembangkang yang menyokong kerajaan, terima kasih. Pantunnya berbunyi, ini untuk Ahli Parlimen:

*Kalau berlari merentas desa;
Renangilah teluk susurilah pantai;
Berhenti Berkelah di Tanjong Sepat;
Kalau mencari pemimpin negara;
Pertama elok, kedua pandai;
Najib dan Pak Lah pilihan yang tepat.*

Pantun saya yang kedua, pecahan daripada pantun pertama ini, saya tujukan khusus kepada Yang Berhormat bagi Jerai yang tidak ada, tetapi tidak apalah kita sampaikan, barangkali

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukuplah.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Okay, saya bacakan pantun ya.

*Kalau berlari merentas benua;
Renangilah teluk susurilah pantai;*

Belayar menuju ke negeri China;

Kalau mencari pemimpin UMNO;

Pertama elok, kedua pandai;

Najib dan Pak Lah gandingan yang istimewa. [Ketawa]

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

11.30 pagi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama menyentuh Kementerian Keseniaan, Kebudayaan dan Warisan di bawah B.44. Pertama sekali tahniah kepada Menteri yang sudi hadir mendengar cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang ingin kita utarakan terutama sekali kementerian ini adalah merupakan kementerian yang baru yang mana sudah tentu ramai yang ingin mengetahui perjalanan, peranan serta perkembangan bagi memanfaatkan bangsa, agama dan tanah air iaitu di bawah Butiran 08000 - FINAS dan 05400 - Pemulihan Warisan Kebudayaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Pertama sekali tahniahlah kepada kementerian kerana mewujudkan satu dana sebanyak RM50 juta untuk membantu dan memberi subsidi kepada penerbit-penerbit filem tempatan supaya pengeluaran filem kita ini akan terus meningkat, bermutu tinggi dan sebagainya. Tetapi agak mendukacitakan bagi pandangan saya, walaupun Puteri Gunung Ledang adalah dibuat oleh pihak swasta, kita takrifkan orang kaya, kerana tidak langsung melibatkan kerajaan. Tetapi apakah manfaatnya kalau belanjanya sampai RM20 juta? Ini lagenda bukan sejarah. Kalau kita hendak ikutkan sejarah Pasir Salak pernah diwar-warkan oleh seniman Datuk Jins Shamsudin yang hari ini dilantik sebagai tokoh seni untuk menjadi anggota Dewan Negara, Senator, itu yang sepatutnya kita ketengahkan.

Jadi saya rasa sudah tiba masanya pihak kementerian, badan yang bertanggungjawab memantau dan melihat. Saya terbaca tulisan ataupun komen penerbit filem Yusof Haslam yang memang mengalu-alukan penubuhan tabung untuk

membiayai dan membantu penerbit-penerbit filem mengeluarkan filem mereka dengan bantuan paling minimum RM1.5 juta kalau tidak silap saya.

Jadi saya minta pihak kementerian, Menteri terutamanya, syabaslah Menteri pun turun ke padang, pergi ke filem festival yang diadakan di Jepun walaupun kita Ahli Parlimen tidak meminta untuk dibawa bersama kerana kosnya agak tinggi. Tetapi kalau dijemput pun Alhamdulillah, terima kasih faun keladi, sekurang-kurangnya macam kata sahabat saya tadi, orang yang pernah duduk dalam FINAS bekas Timbalan Pengerusi mengatakan bahawa ahli-ahli wakil rakyat Parlimen tidak pernah langsung pergi ke Istana Budaya, bukan tidak pernah pergi kami pun teringin juga tetapi kalau sekadar fungsinya tidak kita faham mungkin juga ini akan menimbulkan kekeliruan.

Jadi kalau hendak di bandingkan dengan filem yang diterbitkan olhe Allahyarham P. Ramlee yang pernah mendapat anugerah di Festival Filem Asia melalui filem *Anakku Sazali* tidak seberapa sangat belanjanya. Kalau sampai RM20 juta ini, Yang Berhormat Menteri, kita bimbang nanti takut gembar-gembur sedangkan kita melihat bahawa filem-filem yang hendak diterbitkan mestilah yang merupakan didikan untuk generasi yang akan datang. Apa salahnya kalau wang sebanyak itu diagih-agihkan beri kepada Ahli-ahli Parlimen pun sama-sama untuk buat filem, apa salahnya? Termasuk filem kelakuan pembangkang supaya dapat dibudayakan macam Ipoh Timor tadi terjerit-jerit menggambarkan budaya Parlimen di tempat lain adalah lebih baik. Kalau begitu berhenti dan pergi tempat lainlah, kenapa hendak duduk dalam negara kita ini? Kalau kompelin negara kita tidak bagus, pergi tempat lain, pergi ke Thailand, duduk dalam Parlimen Selatan Thailand umpamanya.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri, kami yakin bahawa Yang Berhormat Menteri yang amat prihatin apa juga.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Larut, saya sudah lama tidak bercakap. Apakah Yang Berhormat bersetuju sebab kita mengabaikan filem-filem seperti yang disebut contohnya P. Ramlee tadi menyebabkan gejala negatif di kalangan remaja meningkat begitu tinggi? Apakah dengan sebab

filem-filem yang datang dari Barat tapisan tidak seberapa yang juru tapis itu pun kadang-kadang tua sangat kalau lantik macam saya Yang Berhormat Pasir Puteh ini muda, ada juga sedikit spiritual ada dalam bidang agama barangkali tidaklah terlepas tapisan itu, apakah Yang Berhormat bersetuju kita memartabatkan filem-filem yang ada seperti FINAS dan sebagainya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang baik itu memang kita bersetuju, tetapi cuma saya rasa ini Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Lembaga Penapis Filem ini mungkin dia bukan di bawah Kementerian Yang Berhormat Menteri yang ada sekarang ini, di bawah kementerian yang lain iaitu Hal Ehwal Dalam Negeri kalau tidak silap saya tetapi memanglah saya bersetuju di antara sebab punca yang menyebabkan kita bertukar selera dan minat adalah kerana pandangan-pandangan dan faktor-faktor Yang Berhormat sebutkan tadi.

Saya hendak teruskan sedikit lagi tentang perkara ini supaya kita melihat bagaimana perkembangan bukan tidak ada mereka yang berwibawa untuk menerbitkan filem-filem terutama yang mempunyai kaitan dengan sejarah, kesenian dan budaya kita tetapi itulah macam saya katakan tadi. Kadang-kadang berlaku adanya garis pemisah yang menyebabkan mereka kadangkala terasa tawar hati. Saya masih menunggu di mana silapnya filem Pasir Salak ini? Kalau tidak silap saya Yayasan Perak, Kerajaan Negeri Perak terlibat untuk menerbitkan filem ini kerana dia ada sejarah Yang Berhormat Menteri. Sejarah di mana bermulanya demokrasi, di mana teretusnya pelbagai budaya kesenian yang berlaku dalam negara kita ini, seperti pembunuhan J.W.W. Birch dan sebagainya, itu satu. Jadi saya mintalah, kerana kalau dilihat dalam filem-filem P. Ramlee sampai hari ini. Bahkan generasi yang ada pada hari ini tidak usah sebutlah Kepong, dia memang tidak tahu langsung perkara ini. Anak-anak muda yang dilahirkan selepas P. Ramlee, kalau hendak menonton filem P. Ramlee ini sebutlah filem apa pun mereka berada di hadapan televisyen. Filem Seniman Bujang Lapok dan sebagainya, bermakna ada satu daya tarikan yang dibuat oleh penerbit-penerbit seperti ini yang memang tidak kita nafikan.

Seterusnya saya hendak menyentuh soal Jalur Gemilang ini, yang menjadi pertikaian sejak akhir-akhirnya siapakah penciptanya? Saya tidak tahulah kalau ia bukan di bawah kementerian Yang Berhormat saya rasa ini adalah kementerian Yang Berhormat Menteri tentang siapakah pencipta Jalur Gemilang ini yang sebenarnya? Kenapa perkara ini menjadi suatu pertikaian? Sepatutnya sudah ada mereka yang

membuat kajian, penelitian seperti macam tarik tali pula seolah-olah ada orang yang hendak menegakkan benang yang basah dan yang mencipta. Kalau betullah siapa juga yang mencipta Jalur Gemilang ini, kita terus umumkan sahaja agar ia menjadi suatu warisan kita. Kalau tidak sampai bila-bila pun orang tidak tahu siapakah sebenarnya pencipta Jalur Gemilang ini.

Akhir sekali saya ingin menyentuh dan ingin tahu sejauh mana tindakan pihak kementerian berhubung dengan dokumentasi ke atas segala warisan kita sejak dahulu lagi sejak turun-temurun hingga ke hari ini. Oleh kerana kadangkala apabila kita hendak tahu sejarah kebudayaan atau latar belakang sesuatu itu kita tercari-cari hinggan kadangkala kita terasa malu kerana ia tidak ada di dalam negara kita ini, tetapi berada di London dan berada di negara-negara lain yang dimiliki oleh penjajah.

Saya amat tertarik dengan usaha yang dibuat oleh Kerajaan Uzbekistan yang saya sendiri melawat muzium seorang pemimpin agung sewaktu pemerintahan Islam di sana sebelum mereka jatuh ke tangan Kerajaan Rusia di mana hari ini mereka telah mengumpul balik segala khazanah kesenian dan kebudayaan negara tersebut untuk dijadikan sebagai tatapan generasi yang akan datang termasuklah Quran asal yang salah satunya adalah terdapat di pusat Islam di negara tersebut.

Jadi saya berharap saranan dan pandangan ini adalah semata-mata untuk manfaat generasi yang akan datang itu dan juga mereka yang telah memberikan peranan dalam menegakkan segala warisan kebudayaan dan kesenian dalam negara kita ini. Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

11.40 pg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga di atas kehadiran Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan sebagai seorang aktivis yang cukup peka dengan perkembangan-perkembangan budaya, kebudayaan dan warisan.

Saya ingin tarik perhatian kepada 030100 iaitu Dasar-dasar Kebangsaan dan Kesenian dan juga 030200 - Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Sebentar tadi kita telah diberi gambaran-gambaran yang cukup baik dari segi hasil perfileman kita. Tetapi tahukah kita menerima lambakan daripada 31 buah negara menerusi filem-filem

luar berjumlah 7,529 filem dan hampir 3,000 daripadanya datang daripada *Hollywood* yang menghidangkan di antaranya adegan-adegan panas di ranjang.

Dalam konteks ini, saya kira kementerian harus memikirkan soal-soal mengawal. Tetapi saya melihat bahawa kementerian ini sekarang ini berdepan dengan satu persoalan dan isu bergelut dengan pertindihan untuk mengawal segala toksik-toksik dalam usaha kita untuk membina, membangunkan dan memperkasakan acuan bangsa dan nilai Malaysia itu. Ini adalah kerana Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sekarang ini telah dapat melaksanakan akta komunikasi untuk memantau serba macam *content* daripada radio, televisyen dan juga daripada internet yang merupakan membawa ancaman-ancaman kepada pembentukan acuan budaya kita.

Selain daripada Kementerian Penerangan dan yang satu lagi ialah Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan juga yang mempunyai agenda yang sama untuk membina dan membangunkan acuan bangsa Malaysia. Persoalan saya bagaimanakah pergelutan dan pertindihan fungsi ini harus dilayani atau ditangani oleh pihak kementerian ini. Seterusnya saya ingin bercakap tentang sampah dan toksik budaya iaitu yang menjadi satu menu yang popular sekali. Kadang-kadang kita melihat bahawa unsur-unsur daripada luar itu diasak dan secara luasnya terserap dalam pemikiran masyarakat kita.

Perkara yang paling penting di sini ialah benar-benar memahami tentang budaya itu sendiri bukan dari segi kesenian seperti mana baru-baru ini kita melihat orang berkumpul di rumah itu yang kadang-kadang ini hanya merupakan gambaran luar yang merupakan kosmetik. Yang pentingnya ialah membina *world view*, citra jagat, membina akal budi. Itu adalah perkara yang penting. Tetapi cabaran yang sedang dihadapi saya kira ialah dari segi teknologi masa kini, *open-sky technology*, metodologi dan juga '*mishology*' daripada masyarakat barat *Anglo-Amerika* itu saya kira sekarang sedang mengancam kita dan di sinilah saya kira letaknya peranan yang harus dimainkan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan ini dalam usaha kita untuk membina acuan bangsa Malaysia ini.

Dengan izin seperti mana yang telah termaktub dalam agenda Wawasan 2020 membina acuan sendiri *subservient to none*. Ini adalah merupakan kata-kata yang cukup hebat tetapi kalau tidak ditangani dan diawasi ia akan menjadi satu retorik sahaja. Bagaimanakah model pembangunan ekonomi kita? Apakah dia bersandarkan kepada acuan kita? Bagaimanakah model pembangunan budaya kita? Apakah dia

bersandarkan kepada acuan dan nilai bangsa Malaysia? Bagaimanakah model pembangunan teknologi, model pembangunan pendidikan kita? Apakah ia telah bersandarkan kepada acuan dan nilai bangsa Malaysia.

Di sini saya berharap supaya peranan pelbagai pihak bukan sahaja dari kalangan politik, Ahli-ahli ekonomi, usahawan, budayawan, agamawan, sasterawan tetapi semuanya harus memainkan peranan untuk membina kata kunci yang penting iaitu acuan Malaysia. Saya kira ini adalah merupakan tanggungjawab yang besar di bawah dasar-dasar kebangsaan kesenian dan juga pembangunan kebudayaan dan Kesenian yang sedang ditangani oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan ini.

Satu perkara lagi yang hendak saya tarikkan ialah cabaran yang mendatang. Sekarang ini kita ada hampir lebih seratus saluran televisyen dan menjelang tahun hadapan apabila dua lagi saluran televisyen satelit *Channel 9*, 8TV, MITV ini akan menyebabkan hampir 200 saluran televisyen yang akan memainkan kesan yang begitu hebat, mencorak dan mempengaruhi minda dan pemikiran cita rasa rakyat Malaysia.

Dalam konteks ini, satu cabaran yang besar bagaimanakah dasar-dasar Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan ini harus menangani dan menapis segala macam unsur hiburan-hiburan yang kadang-kadang dilihat sebagai hiburan yang bersandarkan kepada dengan izin '*the sensuous culture*' iaitu budaya nafsu syahwat itu. Lebih-lebih lagi dalam dunia sekarang ini dalam teknologi *open-sky technology* ini, *entertainment* itu adalah merupakan satu media yang amat kuat pengaruhnya. Kalau sekiranya Karl Marx hidup hari ini dia pasti akan mengatakan bahawa *entertainment is the opium of the masses, not religion*.

Dalam konteks ini juga saya ingin tarik perhatian supaya acuan Malaysia ini difikirkan dengan sesungguhnya supaya kita tidak tersasar seperti mana kata pantun Melayu;

Niat di hati hendak pancing temenung (ikan temenung)

Tetapi yang dapat ikan tetuka,

Niat di hati hendak peluk gunung

Tetapi terpeluk biawak celaka.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan.

11.46 pg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam perbahasan ini dalam Butiran 03000 - Kebudayaan dan dua butiran di bawahnya iaitu 030100 - Dasar-dasar Kebudayaan dan Kesenian dan Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Tuan Pengerusi, saya melihat soal kebudayaan ini dalam dua hal. Pertama dari segi membangunkan kebudayaan dan kesenian yang diwarisi daripada nenek moyang. Yang keduanya ialah permohonan pembudayaan iaitu menjadikan amalan-amalan ataupun hidup kita sehari-hari yang boleh kita budayakan atau amalkan.

Dalam konteks yang pertama saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi supaya pihak kementerian dan pihak kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi supaya pihak kementerian dan kerajaan dapat menjalankan penyelidikan terhadap kebudayaan dan kesenian merangkumi segala adat resam, seni budaya, seni suara, seni muzik, seni tari dan seni ukir daripada semua suku bangsa yang ada di negara kita.

Setelah kajian penyelidikan ini dibuat saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan mencetak atau membukukan penemuan-penemuan ini dan kita edarkan kepada seluruh rakyat kita dengan beberapa tujuan. Pertamanya di kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum ini kita perlu mempertingkatkan kefahaman, saling memahami serta saling menghormati di antara satu sama lain. Tanpa maklumat-maklumat ini kita tidak akan dapat mempertingkatkan kefahaman kita di antara satu sama lain.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan atau menjalankan program-program pembudayaan. Hari ini negara kita menceritakan tentang kecemerlangan. Apakah soal kecemerlangan ini kita hendak budayakan dan dalam soal ini apakah peranan kementerian untuk membudayakan kecemerlangan dalam semua pihak, dalam soal pendidikan, dalam soal pentadbiran, dalam soal membina institusi keluarga dan sebagainya. Apakah kementerian ini berperanan dalam soal ini? Atau apakah soal-soal pembudayaan ini dijalankan oleh kementerian-kementerian yang lain.

Saya juga ingin bertanya pihak kementerian dalam soal hari ini kita ingin membudayakan sopan-santun di jalan raya dan sebagainya. Banyak kematian, banyak kemalangan. Berbudaya, bersopan-santun membawa kereta dan sebagainya.

Apakah ini perlu dibudayakan? Apakah peranan kementerian? Apakah pihak kementerian ini mempunyai peranan dalam soal ini. Juga dalam soal-soal nilai-nilai yang cintakan kebersihan. Negara kita ini lebih kotor daripada negara lain. Kita ini efisien dalam memungut sampah tetapi kalau rakyat kita masih terus membuang sampah dan sebagainya yang tidak cintakan kebersihan, yang tidak jijik membuang sampah dan sebagainya selagi itu negara kita ini tidak akan bersih. Apakah perlu kita membudayakan sikap jangan membuang sampah. Apakah peranan kementerian dalam hal ini? Di kaca TV kita melihat iklan-iklan daripada kementerian lain sebagai contoh daripada Kementerian Kesihatan tentang kebudayaan hidup sihat. Perkataan budaya di sana.

Apakah pihak kementerian juga berperanan dalam soal ini? Sebab apabila kita bercerita tentang budaya, kita kena lihat dari segi asas, warisan budaya kita itu, apakah sememangnya kita ini dari dahulu lagi mewarisi budaya hidup sihat. Apakah ini perlu? Adakah ini penting bagi kita untuk membangun kebudayaan kita?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beredar ke Butiran 06000 – Balai Seni Lukis Negara. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan mempunyai satu dasar yang menyatakan bahawa setiap lukisan yang dipamerkan dan yang ditunjukkan di semua bilik hotel di seluruh negara, adakah kita mempunyai dasar yang menyatakan bahawa lukisan-lukisan ini adalah lukisan-lukisan yang telah dilukis oleh rakyat tempatan kita, pelukis tempatan kita?

Jika sekiranya kita tidak mempunyai dasar-dasar seperti ini, kita berfikir walaupun kita mempunyai ramai pelukis negara kita, tetapi bagaimanakah mereka ini cari makan? Jika sekiranya industri seni lukis ini tidak melahirkan dan tidak memberi sokongan kepada para pelukis kita sehinggalah pelukis kita ini boleh cari makan daripada kegiatan seni lukis, bagaimana?

Dalam hal ini, apakah peranan kementerian, adakah kementerian ingin mencadangkan kepada kerajaan meminta supaya semua mereka yang terlibat dalam mengeluarkan lesen-lesen, misalnya kerajaan tempatan dan menyatakan sekiranya lukisan-lukisan yang ditayangkan, yang diletakkan di bilik-bilik hotel yang bukan dilukis oleh rakyat tempatan, jangan keluarkan lesen kepada pengusaha-pengusaha hotel ini ataupun bagaimanakah sebenarnya pihak kerajaan memberi sokongan dan memberi peranan kepada para penggiat seni lukis kita dari segi pemasaran lukisan-lukisan mereka.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, pengamatan saya setakat di negeri Sabah sahaja pun, kita mempunyai pelukis-pelukis yang boleh menghasilkan karya-karya lukisan yang begitu canggih dan begitu cantik, tetapi pada hari ini bagaimana kita memberi sokongan kepada mereka supaya mereka boleh mencari makan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 030400 iaitu Pendidikan Seni (ASK). Saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat bagi Gerik tadi supaya pendidikan seni ini dijadikan sebagai satu ko-kurikulum yang mantap dalam sistem pendidikan negara kita. Pada masa yang sama, saya juga menyokong usaha kerajaan yang mengadakan Akademi Seni Kebangsaan di mana ia memelihara penggiat-penggiat seni, ahli-ahli muzik dan sebagainya.

Saya ingin bertanya, setakat hari ini sejauh manakah pencapaian kita dalam Akademi Seni Kebangsaan ini? Kalau kita pergi ke lobi-lobi hotel dan sebagainya yang penyanyi-penyanyinya berapa ramai anak tempatan di sana? Apakah kita ini masih lagi mengimport daripada negara-negara jiran sebagai penghibur kita di hotel-hotel, sebagai contoh dan bagaimana pula dengan budaya-budaya yang mereka bawa? Bagaimana pula dengan lagu-lagu yang mereka bawa?

Saya ingin mencadangkan supaya Akademi Seni Kebangsaan ini kita perhebatkan lagi bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat negeri-negeri. Di peringkat negeri-negeri sehinggakan penggiat-penggiat seni ini bukan sahaja mempunyai nilai-nilai kebangsaan, nilai-nilai yang boleh membina bangsa negara kita, tetapi orang-orang yang boleh mencari makan secara halal, bukan secara yang tidak betul.

Dalam hal ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah pencapaian Akademi Seni Kebangsaan ini dan apakah rancangan-rancangan yang telah disediakan oleh kerajaan, khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Seterusnya dan akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 08000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Rakan-rakan tadi telah mencadangkan beberapa filem yang seharusnya dan boleh diketengahkan, boleh dibangunkan dalam soal perfileman. Persoalan saya di sini seperti mana juga yang sering dibangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah, kenapakah sehingga hari ini setelah negara kita merdeka sekian lama, kita masih lagi mengimport sedemikian banyak filem

dari negara asing sehinggakan di RTM pun kita mengimport filem-filem dari negara jiran kita.

Saya ingin tahu, apakah sebenarnya peranan yang telah dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini selain daripada hanya menapis filem-filem yang diimport dari negara luar, apakah peranan perbadanan ini untuk benar-benar melahirkan penggiat-penggiat seni yang terlibat dalam perfileman ini, melahirkan orang-orang yang menghasilkan filem?

Dari segi penulisan skrip, sebagai contoh. Saya difahamkan, saya ambil contoh di negeri Sabah, saya pernah berbincang dengan pegawai yang terlibat di dalam FINAS Negeri Sabah dan bertanya, apakah peranan dan apakah yang telah dibuat oleh pihak FINAS di negeri Sabah, khususnya dalam melahirkan lebih ramai orang yang terlibat dalam penulisan skrip filem dan beliau menyatakan, agensi ini adalah sebuah agensi yang *semi government*.

Jadi, kalau kita melahirkan, memberi pendidikan dan melatih orang untuk terlibat dalam penulisan skrip, kita kena caj. Tidak pedulilah, dia cajkah, apakah? Tetapi persoalannya, berapa orang? Adakah kita mempunyai program dalam setahun yang menyatakan dalam tahun ini kita melahirkan sedemikian ramai.

Hari ini, Tuan Pengerusi, kita mempunyai beribu-ribu graduan yang tidak mempunyai pekerjaan. Adakah mereka boleh duduk di rumah dan menulis skrip? Skrip untuk drama radiokah atau untuk filemkah. Dia boleh duduk di rumah, dia pandai menulis. Apakah pihak kerajaan telah melahirkan insentif-insentif tertentu supaya rakyat kita, khususnya graduan-graduan yang menganggur ini ataupun mereka yang sememangnya orang seni ini supaya tergerak hati untuk terlibat dalam pengeluaran skrip-skrip dramakah, *movie*kah dan sebagainya.

Saya lihat pada hari ini, drama-drama yang dilahirkan di TV masih banyak lagi yang perlu dipertingkatkan seperti mana banyak yang diperbahaskan di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya pihak kerajaan memberi pelbagai insentif kepada rakyat kita supaya mereka terlibat dalam pengeluaran skrip dan akhirnya dalam perfileman.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian di atas cadangan untuk insentif kewangan yang telah diumumkan baru-baru ini. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang.

11.57 pagi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00600, 04500 dan 05200, Maksud Pembangunan 44. Saya ingin membangkitkan isu pembangunan Penjara Pudu yang bakal dirobohkan dan tahanan reman dan banduan akan dipindahkan ke Semenyih dan tapak itu akan dibangunkan sebagai pusat komersial yang baru menandingi Times Square dan kompleks komersial mega yang lain.

Tuan Pengerusi, sebelum cadangan ini diteruskan oleh pemaju UDA, saya ingin membangkitkan di sini bahawa Penjara Pudu yang dibina pada tahun 1895, jika tidak silap saya, 110 tahun, adalah satu-satunya bangunan bersejarah di samping bangunan-bangunan lama di Kuala Lumpur. Sejak ia dibina sehingga sekarang, ia mencatatkan ribuan detik bersejarah dan menjadi satu monumen bersejarah negara.

Tuan Pengerusi, mengapa kerajaan mahu memadamkan monumen bersejarah negara dengan pembangunan kompleks komersial di atas tapak yang sama sekali akan memadamkan bukti sejarah. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya tapak Penjara Pudu kekal menjadi warisan sejarah untuk tatapan generasi Malaysia dan para pelancong pada masa hadapan. Jika cadangan ini tidak dapat dipertimbangkan, sekurang-kurangnya satu replika Penjara Pudu dibina di situ, di sudut tanah di situ sebagai satu tarikan pelancong.

Tuan Pengerusi, keduanya, berkenaan dengan pengumpulan bahan maklumat sejarah, saya difahamkan bahawa sejarah negara kita sedang disusun semula bagi memasukkan fakta-fakta yang tertinggal atau tidak betul, jika ada pihak mengatakan bahawa sejarah Malaysia sudah cukup lengkap. Oleh kerana itu, usaha pengumpulan maklumat baru bahan sejarah sememangnya dialu-alukan bagi membetulkan tanggapan dan perspektif sejarah yang mengelirukan dan kabur.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah aspek sumbangan pelbagai kaum dimuatkan dalam bahan sejarah negara seperti sejarah pelbagai kaum Cina dan India dalam mencorakkan sejarah dan tamadun Malaysia. Misalnya dalam mengumpulkan secara lisan daripada tokoh-tokoh berjasa kepada negara dari keturunan kaum Cina dan India, selain saya memahami pihak ARKIB ada

membuat dokumentasi lisan tokoh-tokoh keturunan Melayu supaya sejarah Malaysia dilihat dari perspektif lebih luas dan jelas.

Akhirnya, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, bahawa kawasan perkuburan Cina lapangan terbang lama diwartakan sebagai kawasan warisan bersejarah negara kerana di tempat perkuburan ini ada tokoh yang membangunkan Kuala Lumpur seperti Kapitan Yap Ah Loy dan tokoh-tokoh Cina yang lain yang dikuburkan di sini. Ini, secara yang sangatlah dihargai dan haruslah dipertahankan dan diwartakan kerana kawasan perkuburan sebagai kawasan warisan bersejarah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

12.02 tgh.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam membahaskan Maksud Pembangunan 44 dan juga Butiran 050000 yang berhubung kait dengan Muzium dan Entikuiti dan di bawah itu ada hubung kait juga dengan Butiran 050100 – Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat, Butiran 050200 – Pengurusan Muzium.

Tuan Pengerusi, muzium merupakan satu agensi ataupun satu tempat yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara. Kemudahan prasarana ini harus dan perlu digunakan dengan sepenuhnya untuk menarik perhatian para pengunjung rakyat Malaysia yang muda dan juga pelancong dari luar negara untuk memahami nilai-nilai budaya dan juga sejarah pembangunan Malaysia.

Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan dengan muzium-muzium di negara-negara lain, memang tidak dinafikan bahawa muzium di negara kita itu memang ada kemajuan. Memang ada mencapai kemajuan. Tetapi cuma, masih mempunyai ruang yang perlu dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, ini adalah kerana saya lihat bahawa apabila budak-budak sekolah kita terutamanya melawat ke muzium-muzium negara kita, mereka perlu diberi peluang untuk menghayati segala nilai yang tersirat ataupun yang tersurat di dalam muzium. Dengan itu, muzium boleh dijadikan sebagai satu pusat maklumat dan gedung ilmu pengetahuan yang boleh mencorakkan pemikiran positif rakyat kita. Saya hendak memberi sedikit cadangan agar muzium-muzium di negara kita itu dapat dipertingkatkan lagi.

Kalau kita lihat muzium di luar negara, secara persembahannya adalah begitu, dengan izin, interactive dari segi sound effect, dari segi motion, dari segi lighting effect dapat menarik perhatian pelancong-pelancong yang melawat ke muzium-muzium itu. Di negara kita pula saya rasa, gerai-gerai perlu dilihat agar ditambahkan dengan adanya persembahan yang interactive supaya jangan hanya apabila budak-budak sekolah melawat ke muzium, hanya hendak membaca tulisan yang diletakkan ke atas sesuatu bahan itu dan kadang-kadang mereka tidak dapat menghayati, apakah benda itu dapat merangsang pemikiran kita.

Dengan itulah saya cadangkan agar pihak kerajaan dapat mengkaji apakah mekanisme ataupun peralatan yang dapat ditokok tambahan ke atas muzium-muzium itu supaya ia menjadi lebih interactive, lebih menarik kepada pelawat-pelawat khususnya bagi budak-budak sekolah kita yang sering melawat muzium sebagai salah satu acara cuti sekolah mereka.

Tuan Pengerusi, muzium dan juga entikuiti ini juga, kita mengharapkan apabila pelawat datang melawat ke Malaysia dan melawat ke muzium, mereka dapat memahami sejarah dan tamadun pembangunan negara Malaysia. Saya ingin meminta pihak kerajaan supaya mengkaji pengisiannya di muzium ini dapat menggambarkan ciri-ciri tamadun baru Malaysia, dengan izin, modern civilization of Malaysian society yang menggambarkan kemajmukan, kepelbagaian masyarakat Malaysia. Inilah salah satu cara kita untuk mempromosikan masyarakat kita, negara kita kepada pelancong-pelancong di luar negara. Itu sahaja yang saya hendak sampaikan.

Sebelum saya habiskan perbahasan saya berkaitan dengan muzium ini, ada rakan-rakan dalam Dewan ini membangkitkan bahawa, di tempat-tempat pelancongan pihak kerajaan ataupun pihak majlis tempatan akan mengutip wang apabila hendak masuk ke bilik air, 10 sen atau 20 sen. Tetapi, dua minggu yang lepas, pada 12 November, saya bercuti dengan keluarga saya di Sarawak, saya telah melawat ke Muzium Teknologi di Bandar Kuching. Saya rasa ini sikap dan juga dari segi sikap pentadbiran dan pengurusan pihak muzium. Pelawat-pelawat diberitahu bahawa bilik air tidak payah bayar tetapi ditutup.

Muzium itu tutup pukul 5.00 petang tetapi bilik air kenapa ditutup, dikunci pukul 4.30 petang dan bersama-sama saya adalah pelawat-pelawat dari luar negeri. Kita rasa, mungkin dari segi sikaplah, pentadbiran dan pengurusan patut perlu membetulkan lagi keadaan itu supaya jangan menyinggung perasaan pelancong-

pelancong dari luar negeri. Apatah lagi bagi kita dalam Malaysia. Tidak payah bayar pun, mungkin pihak muzium kata, "Ooh, takut orang mengotorkan muzium, mengotorkan tandas supaya kurangkan, tidak payah ramai orang digaji untuk membersihkan." Mungkin ini salah satu cara, saya tidak tahulah. Tetapi, saya minta pihak kerajaan dapat memberi perhatian kepada perkara-perkara yang kecil ini supaya tidak menjejaskan imej negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis.

12.07 tgh.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon membincangkan Bekalan 44 Butiran 03000 – Kebudayaan. Tuan Pengerusi, bila kita menyatakan kebudayaan, ia meliputi pelbagai aspek. Dari segi bahasa, cara hidup, amalan yang dibuat oleh sesuatu bangsa atau sesuatu masyarakat itu.

Jadi, pada suatu masa dahulu kita telah mendengar, telah dinyatakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan tetapi selepas itu perkara itu sejuk. Saya harap dengan adanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dihidupkan semula dan arah tujuhnya diperjelaskan dan sebagainya. Seperti yang saya katakan tadi, oleh kerana bahasa juga termasuk dalam cara hidup dan kebudayaan, saya menyarankan agar Dewan Bahasa dan Pustaka itu diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, tidak lagi di bawah Kementerian Pelajaran.

Kalau dahulu, mungkin diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran kerana pada masa itu tidak ada satu kementerian yang khusus untuk menjaga kebudayaan dan warisan ini. Ini kerana, bagi saya bahasa sangat penting dan bahasa merupakan pewujudan atau penyambung warisan sesuatu bangsa. Jadi, oleh kerana itu pengekal bahasa itu sangat penting. Kalau kita lihat sekarang ini, betul ada Ahli Parlimen daripada pembangkang yang mengatakan bahasa itu dinamik dan kita boleh tokok tambah dan sebagainya.

Tetapi sebenarnya kalau kita membuat sesuatu istilah dan sebagainya, asas-asas utama bagaimana istilah itu dibuat haruslah diturut. Jadi, kita tidak mahu nanti, kerana saya juga berkata begitu kerana pada suatu masa dahulu ada seorang pelawat yang datang ke sini, kata dia, "Mudah sahaja hendak bercakap bahasa Melayu,

tambah atau tukar bahasa Inggeris itu. Kalau yang beberapa bahasa itu, "intention" jadi "intensi" "tion" tukar kepada "si", mudah sahaja dia cakap. Jadi, kita tidak hendak begitu. Jadi kita harapkan kalau diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, saya rasa bahasa itu akan lebih terpelihara dan sebagainya.

Saya juga hendak bercakap tentang pembangunan kebudayaan dan kesenian. Kalau sekarang ini di peringkat kementerian kita ada agensi pelaksanaannya dan saya percaya di peringkat negeri juga ada agensi pelaksanaannya tetapi kalau kita lihat di peringkat daerah tidak ada langsung. Jadi, kadang-kadang penggiat-penggiat seni dan kebudayaan di peringkat daerah tidak tahu ke mana mereka hendak tuju dan kepada siapa mereka hendak kemukakan, mungkin dari segi bantuan dan sebagainya, kerana tidak ada satu badan khusus yang menjaga atau mengawal tentang kebudayaan, kesenian dan warisan ini di peringkat daerah.

Kalau kita lihat di Kementerian Belia dan Sukan sekarang ini ada terdapat Pejabat Belia dan Sukan, kalau satu masa dulu Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadi sekarang ini hanya tinggal Pejabat Belia dan Sukan - kebudayaannya tidak ada. Siapakah yang hendak lihat sedangkan di peringkat bawah inilah sebenarnya yang banyak warisan dan kebudayaan. Sebagai contohnya, kalau saya tengok dalam kawasan Parlimen saya di Lipis, sebagai sebuah bekas ibu negeri Pahang, banyak warisan kebudayaan di sana dan dari segi keseniannya ada banyak tetapi tidak dari segi kesenian dan makanan, warisannya banyak tetapi tidak ada siapa yang hendak mengawalnya.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gerik bangun.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Sila.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ini perkara yang menarik, saya pun ada soalan yang sama. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Lipis kalau kita cadangkan hal urusan kebudayaan, kesenian ini mungkin diserapkan di bawah Pejabat Penerangan Daerah ataupun di Pejabat Belia dan Sukan untuk menjimatkan kos kerana ini cukup penting saya kira. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Sebenarnya bagi saya, bila kita memikirkan tentang kebudayaan, oleh kerana ia perkara yang penting, kita jangan fikirkan tentang kos kerana kos ini mungkin dari

segi *tangiblenya*. Itu betullah, kita terpaksa membayar gaji dan sebagainya tetapi kos *intangible* yang perlu ada, di mana kita dapat mengekalkan warisan dan kebudayaan kita itu, itu yang penting.

Jadi, sebab itu saya minta supaya satu jabatan yang khusus di peringkat daerah, bukan diletakkan di bawah Jabatan Penerangan kerana Jabatan Penerangan pun banyak perkara yang perlu dibuat. Jabatan Belia dan Sukan, rasa saya isu-isu belia dan sukan pun banyak, tidak bertanggung oleh mereka, jadi kita mesti ada satu jabatan khusus yang menjurus untuk menjaga hal-hal kebudayaan, terutamanya di peringkat daerah.

Saya juga hendak memperkatakan tentang kajian, tadi saya memperkatakan Butiran 04600 – Kajian Pengumpulan Maklumat Bahan-bahan Sejarah Negara. Jadi dengan adanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, saya bagi contohnya, saya katakan tadi di Pahang, di Lipis sendiri bahkan di sana ada sebuah rumah yang dikatakan sebagai rumah di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dilahirkan – rumah bekas Menteri Besar yang lalu tetapi sekarang ini dalam keadaan yang sangat uzur kerana tidak ada siapa yang hendak mengambil tahu tentangnya. Begitu juga ada sebuah rumah yang dibuat tanpa menggunakan paku dan satu masa dahulu telah dijadikan sebagai anak angkat kepada saya pun tidak tahu kepada badan mana, tetapi selepas itu mungkin kerana sudah tidak ada bajet dan tidak tahu siapa yang hendak menjaganya maka ia ditinggalkan. Begitulah dan banyak lagi.

Bagi saya ada tempat-tempatnya, contohnya lombong emas di Raub. Kita boleh menjadikannya sebagai "*Living Museum*" kerana di situ jugalah kalau kita lihat mengapa British hendak sangat datang ke Pahang, satu daripada sebabnya ialah kerana di Raub itu ada lombong emas. Mereka tidak boleh hendak pergi ke Pekan kerana pada masa itu ditentang oleh kumpulan Mat Kilau, Tok Bahaman dan sebagainya, jadi sebab itu mereka pergi ke Raub. Sebab itu kalau kita lihat jalan raya yang dibuat itu dibina dari Kuala Kubu Bharu hingga ke Raub, tidak dibuat terus ke Kuantan kerana mereka hendak mengaut sumber kekayaan ekonomi yang ada di Raub pada masa itu kerana saya melihat macam di Australia, di Hill, ada sebuah lombong emas yang telah lama yang telah dijadikan "*living museum*" – segala kegiatannya dipamerkan semula, dan rasanya situ merupakan satu daripada tarikan

bagaimana kita melihat bahawa Malaysia ini sebenarnya mempunyai banyak warisan yang boleh kita ketengahkan. Jadi, setakat itu dahulu, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, untuk membolehkan lebih ramai yang berucap, saya minta Yang Berhormat kemaskan ucapan supaya boleh dihabiskan dalam tempoh lebih kurang lima minit. Saya bagi Yang Berhormat bagi Tebrau dulu.

12.16 tgh.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap sedikit sahaja, saya hendak sentuh Butiran 030100 dan Butiran 030200 tentang Dasar-dasar Kebudayaan dan Kesenian, Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian.

Kita sering kali mendengar bahawa kepelbagaian budaya kita merupakan satu kekuatan kepada negara kita. Walau bagaimanapun, nampaknya ciri-ciri kepelbagaian, kekuatan itu belum lagi dieksploitasikan dengan secara penuhnya untuk membantu meningkatkan integrasi nasional. Saya rasa kementerian perlu memikir dan menyediakan program budaya, kebudayaan yang bertujuan untuk menerap dan menggabung-jalinkan budaya berbagai-bagai bangsa demi peningkatan integrasi nasional. Orang kata, tak kenal maka tak cinta.

Jadi, kita perlu mengambil usaha untuk memperkenalkan budaya sesuatu bangsa itu kepada bangsa yang lain. Saya tidak mencadangkan asimilasi budaya kerana sebenarnya sebarang usaha dan percubaan asimilasi tidak akan berjaya kerana perasaan sentimen dan punca budaya serta sentimen budaya manusia itu amat kuat dan sukar dilepaskan. Hanya proses penerapan dan menggabung-jalinkan budaya boleh menyenangkan hati pelbagai kaum supaya rakyat tidak bimbang dan sangka buruk bahawa budaya masing-masing tidak akan terancam.

Saya mencadangkan kementerian menyediakan program-program untuk menyebarkan budaya setiap kaum di negara kita kepada kaum yang lain. Semoga dengan cara itu akan muncul satu budaya Malaysia yang mengandungi ciri-ciri budaya yang menarik dan bernilai, yang boleh diterima oleh setiap kaum di negara ini. Bentuk budaya yang boleh diterap dan digabung-jalinkan boleh dibuat dalam bentuk tarian, akrobatik, nyanyian, makanan, pakaian ataupun cara hidup ataupun sastera dan seni.

Saya harap satu budaya Malaysia dengan usaha kita dalam jangka masa yang panjang satu budaya Malaysia akan wujud kelak tanpa paksa dan sebarang niat atau usaha asimilasi. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kudat.

12.20 tgh.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa bagi beberapa butiran khususnya 030000 – Kebudayaan.

Saya ingin merujuk khusus kepada dasar dan perhubungan antarabangsa, kerana saya melihat aspek kebudayaan ini adalah merupakan satu aspek yang penting untuk membolehkan masyarakat antarabangsa mengenali negara kita melalui mengeratkan perhubungan dan persefahaman serta kerjasama dua hala di antara negara luar dan mewujudkan kerjasama dari aspek kebudayaan.

Saya melihat aspek kebudayaan ini adalah merupakan satu perkara yang harus diberikan penekanan khususnya di dalam hubungan antarabangsa, kerana seperti mana yang sering dijelaskan bahawa, tidak kenal maka tidak cinta. Untuk membolehkan masyarakat antarabangsa mengenali Malaysia, maka suatu usaha haruslah dibuat bagaimana untuk memperkenalkan kebudayaan Malaysia di luar negara, dan beberapa tahun yang lalu telah ada usaha dibuat melalui Kementerian Pelancongan, tetapi saya tidak tahu sama ada berikutan perceraian antara Kementerian Kebudayaan dan Kementerian Pelancongan, usaha-usaha serupa ini masih lagi diteruskan?

Pada masa lalu, kita sering mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang membolehkan kita memperkenalkan kebudayaan Malaysia kepada masyarakat-masyarakat asing dan ini telah menimbulkan suatu perasaan kepercayaan dan juga menimbulkan suatu peluang bagi masyarakat asing untuk mengenali Malaysia dengan lebih dekat lebih-lebih lagi kalau kita lihat akhir-akhir ini wujud beberapa tanggapan buruk khususnya mengenai agama Islam dan agama adalah merupakan sebahagian daripada kebudayaan. Dengan adanya pendedahan-pendedahan yang meluas kepada masyarakat antarabangsa, maka kepercayaan dan pengetahuan tentang sesuatu latar belakang kebudayaan sesebuah negara, khususnya negara kita akan

dapat kita perkenalkan dan kita mantapkan, dan ini membolehkan mereka lebih mempercayai kita dan ini akan menjamin wujudnya keamanan di dalam dunia ini.

Perkara yang kedua, yang saya ingin bangkitkan ialah soal arkib memorial. Seperti mana yang kita tahu bahawa arkib memorial adalah merupakan suatu khazanah sejarah yang penting untuk membolehkan masyarakat dan generasi yang akan datang mengenali sejarah negara kita, dan kita telah dapat melihat di dalam tamadun negara-negara besar dan negara-negara yang telah melalui tamadun yang begitu lama seperti Tamadun Cina, Tamadun Babylon dan juga Tamadun India serta banyak lagi tamadun yang lain. Kita telah melihat bahawa aspek persejarahan dan juga memorial ini adalah merupakan suatu aspek yang sering ditekankan. Kalau kita pergi ke negeri China, kita dapati banyak memorial dan tinggalan sejarah yang menjadi kebanggaan generasi masa kini bagi negara tersebut.

Demikian juga di Malaysia, kita harus melihat dan mengkaji sejarah kita dan menyediakan satu memorial. Kita harus bersedia untuk berbelanja untuk menyediakan memorial-memorial ini dan kita telah ada memorial seperti Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Razak, Memorial Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn, tetapi kita harus perluaskan lagi memorial ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa di dalam pembentukan Kerajaan Malaysia misalnya, banyak pihak yang terlibat dan pemimpin-pemimpin utama yang terlibat di dalam pembentukan Malaysia. Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 misalnya adalah merupakan satu aspek sejarah yang begitu penting di dalam sejarah negara kita. Ramai mereka yang terlibat khususnya pemimpin dari Sabah dan Sarawak.

Di dalam aspek ini, saya ingin menekankan seorang tokoh yang begitu penting di dalam pembentukan Malaysia iaitu *predecessor* saya iaitu, Allahyarham Tun Mustapha, iaitu seorang anak kelahiran Kudat yang telah bertanggungjawab dalam usaha untuk bersama-sama membentuk Persekutuan Malaysia. Kalau kita melihat sejarah pembentukan Malaysia, kita dapat melihat bahawa beliau adalah satu-satunya pemimpin yang tidak mempunyai sedikit *reservation* dalam usaha untuk Sabah menyertai Malaysia dan beliau adalah merupakan *prime mover* di dalam pembentukan Malaysia dan sewajarnya orang yang seperti beliau, yang telah banyak berjasa kepada Malaysia ini diberikan satu penghormatan yang sewajarnya. Kalau saya melihat misalnya di Kota Kinabalu, rumah beliau sendiri tidak diselenggarakan dengan betul. Jadi, saya minta supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

mengambil alih rumah beliau dan diberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada beliau untuk menempatkan segala khazanah pengorbanan dan juga sumbangan beliau di dalam pembentukan Malaysia.

Jadi saya minta supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melihat tokoh-tokoh yang seperti ini. Memang ramai lagi tokoh-tokoh yang terlibat dan telah pun disebutkan tadi khususnya dari bangsa-bangsa yang lain tetapi di dalam soal ini, saya minta supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melihat seorang tokoh yang banyak berjasa. Tidak perlu saya lanjutkan tentang sumbangan beliau kerana semua mengetahuinya. Kalau tidak ada beliau, mungkin tidak ada Malaysia hari ini.

Aspek yang ketiga yang ingin saya melihat juga adalah tentang warisan. Seperti mana kementerian ini diwujudkan ialah untuk mengekalkan warisan negara kita dan kita berbangga dengan kementerian ini supaya banyak warisan bangsa kita dapat dikekalkan. Saya dapat melihat misalnya, saya pergi ke Pulau Pinang dan Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang bersejarah kerana banyak daripada warisan-warisan khususnya bangunan-bangunannya yang masih menarik dan boleh diperbaiki untuk dijadikan sebagai warisan negara. Tetapi kalau saya melihat setelah 20 tahun dan beberapa tahun saya kembali ke sana, saya lihat bahawa tidak ada banyak perubahan dan tidak ada satu pun usaha-usaha yang begitu bersungguh-sungguh daripada kementerian atau kerajaan untuk melihat supaya warisan khazanah negara ini dapat dilihat dan dihayati oleh masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

Jadi, kita mahu bangunan-bangunan yang begitu lama, yang sudah begitu usang, yang kita lihat sebagai sesuatu yang begitu menyakitkan mata dapat misalnya kerajaan mengambil inisiatif-inisiatif tertentu untuk memperbaiki dan juga mengekalkan struktur dan memperbaiki rupa bangunan-bangunan tersebut....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri:supaya ianya menjadi suatu warisan yang berharga kepada kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerlun.

12.27 tgh.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030200 – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Bagi saya, inilah kementerian yang cukup istimewa sebagai penawar hati kepada kita semua kerana

tidak ada yang tidak elok kepada kementerian ini, semuanya yang indah-indah, berpakaian cara budaya yang dapat diterima oleh mata dan kalau berpantun, macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sedap tetapi 'peluk biawak' itu kita tidak sedap dengarlah, [*Ketawa*] pantunnya sedap.

Cuma butiran ini – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian cuma saya hendak tambah 'hingga ke akar umbi'. Maknanya perkembangan budaya dan seni, kita tidak dapat tentukan di mana-mana; ia ada di kampung sehinggalah ke bandar-bandar. Jadi, kalau saya katakan pembangunan budaya dan seni ini hingga ke akar umbi, kita melihat banyak aset seni dan budaya di kampung-kampung ataupun di kawasan-kawasan kita semua. Tetapi kadang-kadang apabila kita naik taraf hendak dibawa ke Kuala Lumpur ataupun hendak dibawa ke taraf yang lebih tinggi, mereka ini tercicir. Ada seorang ahli budaya di kawasan saya buta huruf. Masa saya menjadi EXCO Pelancongan Kebudayaan dan Belia Sukan dahulu, pernah menawarkannya untuk ke sebuah hotel di Langkawi, bermain seruling. Oleh kerana pakaiannya hanya kain pelikat ataupun kain batik dan diminta untuk dia pakai seluar panjang untuk bagi elok, dia tinggalkan. Dia tidak mahu bekerja di hotel berkenaan dan balik ke kampung.

Jadi, maksud saya di sini, pembangunan ini harus berada di kampung-kampung sebab saya juga tidak bersetuju bila disebut kementerian ini kementerian baru. Baru bagi kita, kita tidak mahu sebut sebab sebagai satu permulaan. Baru atau lama, yang penting bagi kita ialah fungsi dan tugas. Walaupun baru tetapi pengalaman Menteri kita tahu dan semua warga kementerian, di mana perhatian harus diberi kepada kawasan-kawasan. Kalaulah hari ini kita hendak menunggu kementerian ini dalam usia yang agak lama ataupun matang, itu kementerian, tetapi peranan Menteri dan sebagainya boleh melaksanakan bila-bila masa.

Saya mencadangkan dalam kita berpolemik pada hari ini dengan kementerian ini, kita juga menunggu di kampung apakah orang-orang kampung pun hendak melihat apakah sebenarnya fungsi kementerian ini? Kalaulah ada di kepala kementerian terutamanya Menteri, saya juga mencadangkan satu tempat yang khusus di Parlimen-parlimen kalau boleh ataupun di daerah-daerah misalnya diwujudkan katalah nama Astaka P. Ramleekah, Teratap Seni Parlimen Jerlunkah, ataupun Anjung Seni Parlimen Kota Baharukah, supaya di situ orang boleh nampak segala kegiatan.

Kalaulah diadakan satu pertandingan ataupun pameran koleksi warisan kalangan kampung-kampung daripada JKK. Kedah ada 2,100 JKK, jadi mereka akan

mengeluarkan segala gobek, orang Kedah kata 'gobek', ataupun bekas sirih, talam, keris dan sebagainya. Kita boleh lihat 2,100 macam warisan di situ tetapi di mana saya hendak buat? Adakah saya hendak buat di Dewan Seri Negeri Wisma Darul Aman? Ini saya katakan *upgrading*, kita bawa ke situ, orang kampung tidak boleh bawa, tidak boleh masuk sebab dia hendak pergi dengan selipar dia, itu pun budaya dia. Bagi kasut yang lebih sikit tidak boleh, ini dia gigit kaki dan dia hendak melihat pun dengan cara dia, dia hendak lihat dengan minum kopi 'O' dia, dia hendak melihat juga suasana yang lain, kawan-kawan dia yang lain.

Kalaulah ada satu tempat yang mungkin dicadangkan oleh kementerian, kita balik mungkin tahun depan, yang penting bagi kita hendak lihat *sign-board* "Teratap Seni P. Ramlee Parlimen Jerlun", naik *signboard* katalah 20 kaki x 20 kaki di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jadi, pengisian itu lambat sedikit tidak mengapa dan balai itu mungkin kita menampakkan ciri-ciri kebudayaannya. Mungkin di tempat saya dekat dengan Thailand, dia adalah macam-macam seni dan di situ kita boleh latih mungkin ada pertandingan melukis potret pemimpin-pemimpin, Yang Berhormat Pak Lah kah, kita bagikan di situ. Tetapi komponen pewujudan aktiviti tadi dengan gendang kelingnya ada, mungkin malam itu dengan berendoinya ada, mungkin juga dengan boriannya ada, mungkin dengan dikir barat kita boleh jemput datang ke situ. Kemeriahan nampak di situ. Ini adalah saya nampak dari segi tema pelaksanaan kementerian ini supaya di samping kita memikirkan perkara-perkara yang cukup-cukup terbaik dalam kementerian untuk dilaksanakan di peringkat nasional, kita juga akan memeriahkan di peringkat-peringkat yang lebih terdekat di akar umbi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Ariffin: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan jugalah di sini, kementerian juga mengadakan beberapa pegawai-pegawai tertentu di peringkat-peringkat Parlimen, supaya mereka juga menjadi penggerak seni, budaya dan warisan. Mereka juga boleh berjalan ke sana sini dan mungkin pada satu masa dekat-dekat dengan pilihan raya, kita cuma dapat menghimpun orang-orang kita di balai seni berkenaan hanya melihat persembahan-persembahan, kita bagi pembangkang-pembangkang berceramah macam tadi itu dengan nada mereka yang tinggi tetapi kosong. Tetapi kita mengisi dengan penuh adab dan sopan dengan mengambil kira mereka di bawah tadi dan mereka ini apabila kita beri keutamaan seolah-olah kita nampak kita sayang kepada mereka dan mereka

pun kadang-kadang terdiri dari golongan, kadang-kadang orang seni ini di peringkat kampung itu orang-orang yang kurang berada. Apabila kita bagi perhatian macam ini mungkin mereka juga akan memberi sokongan kepada kita.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

12.36 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030100 Dasar-dasar Baru Kebudayaan dan Kesenian dan juga 040000 Arkib Negara.

Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan tentang Dasar-dasar Baru Kebudayaan dan Kesenian. Saya yakin dan percaya bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini amat runsing dan risau mengenai keadaan ataupun gejala sosial yang sedang melanda belia-belia kita. Saya tidak mahu sebarang dasar-dasar baru yang sudah tentu akan melibatkan hiburan, yang melibatkan masa depan anak-anak muda kita ini terabai dan kementerian tidak mengambil suatu tindakan yang proaktif, yang progresif ke arah membentuk minda dan tingkah laku mereka bagi kita menyalurkan kepada mereka input-input yang positif ke arah kita melahirkan kepimpinan untuk masa depan negara.

Tuan Pengerusi, saya juga tidak mahu bahawa segala nasihat, segala dasar yang akan dibuat oleh kementerian ini hanya bersifat suatu pandangan yang tidak ada nilai undang-undang, tidak ada nilai untuk dipertimbangkan oleh kementerian-kementerian yang terlibat. Kita semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini merasa cukup bimbang tentang apa yang pernah kita sebut bersama dalam Dewan ini sama ada dari pihak pembangkang ataupun wakil-wakil kerajaan tentang bagaimana sebagai contohnya media kita, televisyen kita yang mempamerkan tentang betapa buruknya akhlak dan perilaku rancangan-rancangan seperti Akademi Fantasia, seperti Malaysian Idol dan seumpamanya.

Saya cukup bimbang kalau apa yang berlaku dalam kes sebagai contoh, Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah Kementerian Pelajaran, yang memberikan nasihat, yang memberikan pandangan, pakar-pakar mereka bertungkus-lumus

mengadakan sesi-sesi perbincangan untuk meninggikan martabat dan meninggikan nilai Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia tetapi pandangan itu sekadar bagai angin yang lalu yang tidak pernah diberikan perhatian oleh RTM yang masih kekal menggunakan perkataan 'infotainment'. Jadi saya mengharapkan bahawa dasar-dasar baru ini akan didengari, inilah tujuannya saya rasa kementerian ini dikekalkan dan diberikan nilai tambah, yang diberikan martabat supaya masa depan kesenian dan kebudayaan kita terus berada dalam acuan kita sendiri.

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya galeri Parlimen Malaysia ini sebagaimana saya melawat galeri Parlimen di Britain di mana saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya tokoh-tokoh kemerdekaan kita, tokoh-tokoh yang awal yang berjuang untuk menentang penjajah dalam negara kita seperti Tok Gajah, seperti Tok Janggut, seperti Tok Naning dan tokoh-tokoh kontemporari seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi, Profesor Dzulkafli Muhamad dan Datuk Maharajalela, Leftenan Adnan, mereka semua apa salahnya potret mereka itu kita paparkan di galeri Parlimen ini sebagaimana saya melihat di Parlimen Britain, mereka sejak awal lagi, tokoh-tokoh awal mereka diberikan penghormatan dengan potret-potret mereka diberikan keistimewaan untuk menghiasi galeri-galeri. Ini bagi saya sudah tentu akan memperlihatkan kesungguhan kita dan betapa seriusnya komitmen kita untuk melihat tokoh-tokoh yang kita anggap pejuang awal kemerdekaan ini diberikan tempat supaya sejarah mereka diberikan perhatian oleh anak-anak muda yang ada pada hari ini.

Ketiga, juga menyentuh tentang Arkib Negara dan Butiran 040300 tentang Arkib Memorial. Saya juga ingin meminta supaya kementerian ini mengambil suatu perhatian terhadap nilai-nilai sejarah dalam peranan para-para ulama dan peranan para-para budayawan pada waktu itu untuk melahirkan apa yang saya sebut sebagai hiburan alternatif yang saya rasa kementerian ini boleh mengambil dan menggali khazanah yang banyak ini supaya hiburan kontemporari yang ada pada hari ini yang ada di antaranya yang menyalahi ataupun merosakkan gejala sosial anak muda kita ini dapat kita berikan satu input baru dan nafas baru yang sesuai dengan kebudayaan kita dan tidak bertentangan dengan dasar Islam yang kita perjuangkan.

Tokoh-tokoh seperti Hamzah Fansuri, yang kaya dengan sastera, bahasa yang kita anggap yang mengandungi ajaran-ajaran tasauif yang tinggi, syair-syair yang indah, karya-karya seperti Sheikh Nuruddin Al-annuri, saya rasa harus diketengahkan

dan kalau boleh kementerian ini mencadangkan supaya hasil kesenian ini dapat dijelmakan dalam bentuk yang lebih menarik yang sudah tentu saya rasa boleh membantu ke arah usaha kita untuk melihat bahawa segala keindahan nilai-nilai estetika yang terdapat dapat dalam karya-karya agung ini tidak terus tenggelam ditinggal zaman.

Jadi saya mengharapkan supaya kementerian ini dapat mengambil suatu inisiatif yang lebih baik ke arah kita bersama menyelesaikan apa yang dikatakan suatu dasar yang akan melibatkan kesenian dan kebudayaan yang mesti memberikan manfaat kepada warganegara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

12.40 tgh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri kerana dapat bersama. Saya minta izin di Dewan yang mulia ini untuk memperkatakan dalam masa yang sesingkat mungkin, semaksimum hasilnya, insya-Allah.

Saya akan sama-sama membincangkan B.44, P.44 khususnya kepada 030000, 030100 – Dasar Kebudayaan dan Kesenian dan 030200 – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kebudayaan dan kesenian tidak dapat dipisahkan dalam hidup kita. Kalau kita melihat dalam *'Ad'din'* itu sendiri, Islam *is a way of life*, dalam itu ada kebudayaan dan kesenian. Kalau kita melihat daripada sejak dahulu sampai sekarang ini, walau dimana pun kita sudah pun *establishkan* Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, kita tambah lagi Warisan, ini adalah mencakupi semua aspek yang saya rasa kita tidak boleh pisahkan dalam hidup kita kebudayaan dan kesenian ini.

Kalau kebudayaan ditakrifkan sebagai satu cara hidup yang komprehensif, maka seni ialah ciptaan yang menyenangkan, *by example* dengan izin sebagai contoh. Kita melihat tok-tok guru zaman dahulu dia suka memelihara burung merbuk, saya panggil di Kelantan iaitu burung ketitir. Kalau dia angguk, burung itu di tepi rumah atau menggunakan buluh, dia suka dengan suara burung, sehingga mereka balik dari pondok, balik dari mengajar, dia akan mendengar suara burung, dia tidak dengar benda yang lain.

Ertinya suatu seni yang menyenangkan kepada mereka ialah suara burung itu dan dia masih memelihara buluh di belakang rumah yang bergesel bunyinya macam muzik. Ertinya seni muzik ialah seni suara itu penting kepada hidup manusia sama ada dia martabat tok guru atau martabat awam dan sebagainya. Maka dengan sebab itu bagi saya, seni-seni budaya ini harus dimartabatkan.

Kalau Aishah sendiri pun dalam waktu perang untuk menghiburkan, dipanggil sahabat untuk menyanyi, minta maaf Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak ada. Pasir Mas dia tahu bab-bab ini. Dia panggil sahabat supaya menyanyi, menghiburkan hati. Yang kita sebut hari ini Nasyid itu sendiri ialah nyanyi iaitu seni suara. Saya hendak tambahkan lagi selain daripada seni suara ialah seni pertahanan diri. Kalau di Kelantan itu ada seni silat, seni *boxing*, seni khat, *why not* kita pertahankan ini.

Ini boleh merubah sikap masyarakat atau remaja yang duduk bergelumang dengan najis-najis dadah ataupun nilai-nilai yang negatif tadi kepada nilai yang baik. Saya menyokong kepada Yang Berhormat Menteri supaya *diupgrad*kan lagi. Jangan fikir wang, bagi saya wang itu *money is nothing*. Kalau kita habiskan RM50 juta untuk dadah dengan tidak fasal-fasal dia mencari hal, kita beri jamuan dia ubat dia, pekerja untuk jaga dia, *why not* kita jaga sebelum remaja ini terjebak dengan gejala-gejala negatif. Kita perhebatkan seni budaya ini. Ini suatu pandangan yang baik dan tidak bercanggah dengan Islam.

Oleh kerana kita tidak menghalusi dalam Al-Quran itu sendiri, kalau kita melihat Tuan Pengerusi ada empat atau lima isi kandungan Al-Quran ada disebut bagaimana hendak mewujudkan nilai akhlak, seni budaya yang murni di kalangan insan ini. Sebab itu saya tengok pada zaman Andalusia, zaman mana pun perkembangan Islam ini, seni budaya tidak diketepikan.

Sebagaimana kita tengok semasa Al-Makmun, pemerintah Islam yang begitu unggul, kenapa diwujudkan suatu perpustakaan, hari ini kita berbincang soal Perpustakaan Negara ataupun Dewan Bahasa sudah ada zaman itu kerana dengan ilmu-ilmu dan *knowledge* inilah boleh merubah masyarakat ke arah budaya seni yang baik dan membezakan nilai-nilai yang tidak baik dengan nilai-nilai yang baik.

Sebelum saya akhiri ucapan, sebelum saya menyokong belanjawan ini, saya hendak supaya Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan cubalah kita perhaluskan nilai-nilai budaya yang divedok

dari luar negara, daripada negara-negara asing perlu kita memberi nilai sepatutnya sebelum kita dapat menyatukan kepada nilai budaya kita.

Yang kedua, kita hendak supaya mempertahankan nilai budaya kita yang cukup halus ini, saya cukup bersetujulah menjadi suatu objektif kementerian, memastikan kebudayaan, kesenian warisan bangsa mendapat perlindungan dan pemeliharaan sewajarnya agar ianya tidak dicemari.

Saya rasa dengan ini sahajalah kalau kita dapat memupuk kesenian, kebudayaan dalam negara kita, insya-Allah gejala negatif di kalangan remaja, soal perpaduan kaum integrasi nasional tidak akan berbangkit dan lebih menguntungkan kita dan lebih memanfaatkan kepada ummah, negara dan bangsa kita. Inilah maksud Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barangkali negara Gemilang, Cemerlang dan Terbilang.

Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

12.46 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan khusus kepada Yang Berhormat Dato' Menteri. Sabak Bernam ingin membangkitkan beberapa perkara yang khusus. Yang pertama, kita ingin menyokong sepenuhnya cadangan supaya seorang Pegawai Kebudayaan diwujudkan di setiap daerah kerana apabila dipisahkan Pegawai Kebudayaan, Kementerian Belia dan Sukan tempoh hari maka terdapat suatu kekosongan *vacuum* yang cukup jelas yang telah menyebabkan antara lain persatuan-persatuan sejarah khususnya mati.

Oleh kerana itu, dengan adanya seorang pegawai yang khusus, maka kita yakin bahawa perkembangan aktiviti seni di peringkat daerah dan di kampung-kampung akan dapat diperkembangkan. Dalam konteks ini, kita ingin mencadangkan supaya pegawai yang ingin dilantik itu haruslah pegawai yang benar-benar tahu mengenai seni dan sejarah. Saya ingin terus mencadangkan supaya guru-guru sejarah khususnya yang baru pencen, yang bertenaga, boleh dilantik ataupun dipilih untuk menjadi pegawai ini mungkin dengan seorang pegawai pembantu kerana di tiap-tiap daerah Yang Berhormat Menteri sebenarnya kalau di Sabak Bernam, kita sudah ada lama persatuan sejarah di situ, tetapi nampaknya dia 'hidup segan mati tak mahu'.

Yang paling sedih saya hendak masuk perkara yang kedua ialah tentang penulisan sejarah. Pada tahun lepas Duli Yang Maha Mulia Sultan telah meninjau

melawat Sabak Bernam, apabila Pegawai Daerah memberikan taklimat, asal usul Sabak Bernam sebenarnya Sabak Bernam ini asalnya ialah 'Sahabat Berenam'. Tetapi apabila taklimat diberikan pada tahun yang lepas, bertukar pula kepada 'Tapak Terendam'. Kaitannya ialah Yang Berhormat Menteri, persatuan-persatuan sejarah ataupun penulisan-penulisan sejarah ini yang nampaknya kurang diambil perhatian.

Oleh kerana itu, Sabak Bernam ingin mencadangkan mungkin di bawah 050100 ataupun 040100 di bawah Muzium ataupun Arkib di bawah *Research* dan Penerbitan supaya peruntukan khas diberikan untuk penulisan sejarah. Sehubungan ini, saya dapati Muzium Negeri Selangor khususnya Muzium Sultan Alam Shah sejak dua tahun yang lepas tidak ada peruntukan diberikan untuk *research* dan ini sangat merugikan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri kerana kesan *archeology* sejarah khususnya di tempat-tempat yang bersejarah sebenarnya tidak dapat diteruskan penulisannya bukan kajiannya. Tetapi nampaknya kajian sejak empat atau lima tahun yang lepas telah dilakukan terhadap tempat-tempat bersejarah seperti Jugra, Bukit Malawati, Sungai Lang di Kuala Langat dan beberapa tempat lagi tetapi yang penting sekali ialah setelah *research* ataupun kajian dibuat, tidak ada peruntukan untuk penerbitannya.

Jadi, oleh kerana itu Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya peruntukan khusus kepada penulisan ini harus diberikan.

Akhir sekali Sabak Bernam ingin menyokong supaya sejarah Pasir Salak itu wajar difilemkan. Saya ingin menyambung dari sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Larut, sebenarnya satu usaha iaitu satu peruntukan daripada Kerajaan Negeri Perak, saya difahamkan, telah pun disediakan tetapi perkara ini telah tergendala dan yang agak menyedihkan, kalau boleh dicampurtangani perkara ini kerana kepentingannya. Ia ada konflik tentang mereka yang berkepentingan untuk menerbitkan filem ini. Jadi, kita berharap Yang Berhormat Menteri boleh campur tangan sebagai orang tengah kerana peristiwa Pasir Salak ini boleh menunjukkan tentang kesan ataupun implikasi penjajahan yang telah membangkitkan semangat kebangsaan rakyat di negara ini. Ini wajar di ditonjolkan di kalangan rakyat. Terima kasih dan Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan.

12.51 tgh.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya juga ingin terlibat sama di dalam membahaskan P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya akan membangkitkan Butiran 01400, 03202, 08100 dan juga 05000 kalau mempunyai masa.

Satu, Akademi Seni Kebangsaan, ada tiga perkara yang perlu kita tekankan di sini untuk memantapkan lagi Akademi Seni Kebangsaan ini. Satu perkara yang perlu kita lihat kalau ia menjadi satu pusat latihan yang berprestij, iaitu kita kena menekankan mengenai dengan sumber manusia, tenaga pengajar dan tenaga pelatihnya apabila mereka yang mengajar, melatih dan mengasuh yang bakal menjadi warisan para cendekiawan negara, betul-betul dengan mempunyai kewibawaan mereka dalam memberi asas-asas ataupun dari segi memberi satu laluan ataupun satu aliran yang amat mantap dan kental, iaitu perkara yang penting sekali ialah sumber manusia kita seperti yang dikatakan tadi - para tenaga pengajar.

Yang kedua, kita perlu lihat dari segi infrastruktur dan *facilities* Akademi Seni Kebangsaan ini. Biar pun Akademi Seni Kebangsaan ini baru diwujudkan tetapi saya pasti dengan para warga kerja dan banyak pakar yang ada di dalam kementerian, saya pasti Akademi Seni Kebangsaan ini akan menjadi satu kebanggaan negara iaitu menjadi satu institusi ataupun akademi elit kebangsaan kita.

Saya mencadangkan di sini untuk akademi kalau bolehlah, iaitu Akademi Seni Kebangsaan ini dicadangkan nama yang baru iaitu Akademi Diraja Seni Kebangsaan. Saya rasa itu akan memantapkan lagi, umpamanya beberapa akademi ataupun *society* di negara-negara seperti Eropah ataupun London selalu menggunakan *The Royal Society of Performing Arts* ataupun *The Royal Society Institute* atau sebagainya.

Perkara yang ketiga, saya lihat daripada segi kurikulum dan *syllabus* yang perlu juga dimantapkan dalam menjadikannya sebagai dengan izin, *the world class standard* iaitu saya percaya seni-seni produksi filem, seni-seni produksi televisyen, seni-seni produksi mengenai dengan tradisi dan sebagainya harus diperkenalkan lagi. Saya percaya akademi akan dapat memberi satu pulangan yang memuaskan dan membanggakan kepada negara.

Oleh yang demikian saya mengharapkan, ataupun Dewan yang mulia ini mengharapkan supaya kementerian ini ada mempunyai satu visi dan misi yang kental. Satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini ialah Butiran 032002 - Sabah, Kota

Kinabalu iaitu peruntukan di bawah bangunan pejabat cawangannya sebagaimana yang telah disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa Sabah memangnya mempunyai terlalu banyak sekali dan perlu diberi satu penekanan ataupun satu peruntukan yang saya rasa boleh dibanggakan oleh rakyat Sabah. Umpamanya di tempat saya di kawasan Pensiangan, Sabah, ia mempunyai tokoh-tokoh seperti *rebellion* 1915 yang menentang British di mana suku kaum Murut yang tidak begitu yakin dan tidak begitu mempercayai pemerintahan British pada masa tersebut, ini juga boleh dijadikan satu warisan kepada kita.

Perkara yang keempat, saya juga ingin menyentuh mengenai FINAS – Peningkatan Alat Pasca Produksi - Butiran 0800. Saya difahamkan FINAS ini telah mengadakan satu Peningkatan Alat Pasca Produksi mereka. Saya mengharapkan peralatan-peralatan yang telah pun diminta, yang menelan belanja yang agak banyak dapat diguna pakai dengan sepenuhnya – kadar optimum, bukan sekadar untuk dibuat sebagai satu muzium *piece* sahaja ataupun digunakan sebagai satu peralatan pameran sahaja, tetapi digunakan oleh para penerbit dan para direktor yang akan mengeluarkan filem-filem mereka.

Satu perkara lagi yang perlu kita lihat ialah dari segi perolehan alat latihan bagi wilayah dan juga perolehan alat dan kelengkapan *studio sound stage*. Saya difahamkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Gulung? Ya. Sedikit lagi. Saya difahamkan bahawa Akademi Seni Kebangsaan ini memerlukan peralatan-peralatan seumpama ini. Saya pasti ini dapat digabungkan ataupun dicantumkan bersama supaya kelengkapan peralatan ini dapat diguna sama. Saya bimbang kalau terlalu banyak peralatan ini diletakkan di beberapa buah tempat ataupun di beberapa institusi penggunaan peralatan ini tidak akan dapat digunakan secara lebih optimum. Dengan itu saya menyokong.

12. 56 tgh.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan bagi Butiran 03000 – Kebudayaan, Butiran 030200 – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian.

Tuan Pengerusi, negara kita amat kaya dengan bahan ataupun sumber kebudayaan yang terdiri daripada kebudayaan pelbagai bangsa dan juga pelbagai negeri yang ada di Malaysia ini; contohnya bangsa Melayu dengan kebudayaannya, bangsa Cina dengan kebudayaannya, India juga dengan kebudayaannya dan lain-lain bangsa dan juga kaum di Malaysia ini seperti Kadazan, Iban dan sebagainya.

Bagi kebudayaan negeri, contohnya di Kelantan dengan kebudayaannya yang begitu banyak seperti silat, bermain gasing, wau bulan, tarian tradisional dan lain-lain sudah pasti ini memberi sumber kepada budaya negara kita yang sudah pasti dapat memberi satu inspirasi, satu sumbangan kebudayaan kepada rakyat negara kita.

Di sini kerajaan perlu mengambil satu jalan khusus untuk membangunkan kebudayaan negara kita ini supaya tidak luput ditelan zaman. Kita tahu bahawa berbagai-bagai bangsa di dalam negara kita ini mempunyai berbagai-bagai kesenian dan kebudayaan dan saya menyerulah kepada kementerian supaya memberi tumpuan khusus untuk membangunkan kebudayaan yang sedia ada di dalam negara kita ini dengan tidak mengambil satu pendekatan mengimport budaya-budaya dari luar untuk ditonton di dalam negara kita, yang sudah pasti akan merosakkan kebudayaan negara kita dan menyisihkan lagi perkembangan budaya di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada kementerian supaya mengambil satu pendekatan, supaya budaya-budaya di peringkat negeri dan juga bangsa di negara kita ini diberi tumpuan sehingga ke peringkat bawah, di mana pembangunannya perlu dimulakan, contohnya di peringkat sekolah di mana kebudayaan ini perlu diterapkan di peringkat sekolah supaya anak-anak kita dan murid-murid sekolah dapat belajar dan mengenali kebudayaan negara kita yang begitu banyak dan mempunyai nilai yang tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung Yang Berhormat?

Ir. Shaari bin Hassan: Tuan Pengerusi, bagi Butiran 04000 – Arkib Negara, saya pasti banyak kesan sejarah negara kita perlu dipelihara dan kerajaan perlu memastikan memorial negara kita ini dipelihara dengan baik sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, dan dengan pemeliharaan memorial ini sudah pasti dapat memberi kenangan dan juga memberi sejarah kepada rakyat negara kita, supaya kita dapat mempelajari kesusahan dan juga perjuangan masyarakat lampau. Untuk itu saya menyokong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Waktu sekarang sudah jam 1.00 tengah hari.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Kepala Bekalan B-44 dan Kepala Pembangunan P-44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sekarang perbahasan disambung semula. Putatan.

2.33 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi saya ingin turut berbahas bagi Maksud Pembangunan 44, Butiran 05200 - Pemuliharaan Monumen dan Tapak Bersejarah yang berperuntukan RM630 ribu lebih. Terutama sekali saya ingin turut nasihat Tuan Pengerusi, pagi tadi dan saya berucap terima kasih kepada Dato, Menteri kerana Dato' Menteri berada bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini dari pagi tadi.

Saya ingin berbahas pendek sahaja, yang tepat tetapi bisa saya memilih antara cili padi atau lada buntal. Cili padi yang baik yang lebih bisa *[Ketawa]*. Dalam butiran ini ada kena mengena dengan kawasan saya, saya ingin pendekkan sebagaimana yang saya katakan tadi, mengharapkan kementerian mewujudkan benda-benda seperti tapak-tapak yang dimaksudkan di sini yang boleh dipasarkan kepada para pelancong kita .

Di antara benda-benda *lack of interest among other things*, dengan izin, membuat satu kreativiti kepada tapak-tapak yang *berimpression* yang *impressive* dan *attractive*, dengan izin. Satu daripada tempat yang saya akan maksudkan di sini adalah tempat kita lihat di kawasan saya sendiri iaitu berlegenda, cultural *village* yang tugu-tugu, monumen-monumennya malangnya diambil daripada negara luar seperti

Bali, yang bukannya asal daripada kreativiti tempatan. Jadi, ini saya harap kementerian dapat memantau pengusaha-pengusaha tapak-tapak yang bersejarah seperti di sini.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kudat, bagi Tauran dan bagi Kubang Kerian berkenaan dengan tempat-tempat tokoh-tokoh yang membina Malaysia, yang menubuhkan Malaysia, antara lain tapak di kawasan saya Tuan Pengerusi, adalah tempat monumen Tun Mustapha yang juga tapak perjuangan yang dulu dinyatakan sebagai pemberontak Mat Salleh semasa saya di darjah enam, sejarah darjah enam yang menyatakan bahawa Mat Salleh ini seorang pemberontak orang-orang British, tetapi pada kita beliau ialah kita punya hero yang melawan para penjajah yang menjajah negara kita pada ketika itu.

Jadi, tapak bersejarah di kawasan saya di Pulau Gaya yang dinyatakan dalam buku sejarah itu bahawa kedai-kedai yang dibina oleh British ini di bakar oleh pemberontak Mat Salleh ketika itu, sebenarnya melawan kepada pentadbiran British tidak ada lagi kenampakan, tapaknya pun orang tempatan tidak tahu di mana tempat kedai itu.

Jadi, itulah antara lain yang seharusnya diselidiki dan dibangunkan oleh kementerian dan juga tapak-tapak yang lain seperti *double six* tragedi di mana pemimpin-pemimpin negara kita yang jatuh daripada kemalangan kapal terbang di Sembulan hanya tapaknya macam itu *light house*, yang mana batu-batu kerang di kumpul menjadi *lihgt house*, jadi *impressnya* teruk sekali, jadi tidak cantik, jadi pengunjung-pengunjung ke tempat ini selalunya bergambar, jadi *the back ground is terrible, it doesn't look nice at all*, dengan izin. Jadi sekarang tapak yang asalnya itu di air, sekarang sudah ditimbus, jadi sekarang sudah menjadi hutan belukar.

Jadi, baru-baru ini Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah membersihkan tetapi wajahnya itu teruk sekali. Jadi, begitu juga dengan memorial di Bitagas di mana pemimpin-pemimpin tempatan yang ditembak oleh orang-orang Jepun semasa pemerintah Jepun, kebanyakan daripada *plate-plate* yang *metal copper* itu dicuri, *vandelize by uncall for drugs addit* yang selalu melawat tempat itu dengan tidak dijemput. Jadi itulah satu daripada yang saya ingin menarik perhatian daripada kementerian untuk memberi pemantauan dengan mencadang untuk menambahkan peruntukan untuk memulihkan tempat-tempat ini, Yang Berhormat Menteri.

Jadi, akhir sekali saya ingin membangkitkan Butiran 03202 - Arkib Negara di Sabah, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah perkembangan projek ini dan bila agaknya ianya siap. Jadi itu sahaja saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Minta Ledang.

14.40 petang

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima Kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada Butiran 20000 Bekalan dan Pembangunan sekali gus. Pertamanya Tuan Pengerusi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya memisahkan Kementerian Pelancongan dengan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan. Jadi kita telah pun wujudkan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan. Maknanya kebudayaan berdiri atas kebudayaan, dia bukan berdiri atas pelancongan.

Bila ada pemisahan, saya yakin kementerian ini dapat lebih menonjolkan seni budaya, seni warisan yang mencerminkan nilai-nilai murni dan asas serta budaya negara Malaysia. Sedangkan, Tuan Pengerusi, saya walaupun bukan orang seni, tetapi dapat merasai dan menilai serba sedikit tentang seni yang berasaskan daripada filem. Sahabat saya tadi daripada Grik menyatakan saya belum menonton filem PGL. Saya telah pun menonton walaupun gambarnya bergoyang-goyang. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Apa yang goyang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Fahamlah tu. Tetapi saya yakin, Tuan Pengerusi, dan Tuan Pengerusi mungkin bersetuju dengan saya bahawa dalam 10 tahun akan datang, nilai PGL, nilai filem Puteri Gunung Ledang tidak akan sama dengan nilai filem-filem P. Ramlee. Nilai filem P. Ramlee sekarang masih lagi kekal, diminati oleh semua lapisan masyarakat, oleh semua lapisan bangsa tidak kira Melayu, Cina atau India juga lapisan muda mudi di kalangan kanak-kanak sampailah ke orang tua kerana ada perbezaan yang sangat ketara antara dua generasi filem tersebut.

Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kementerian ini mempunyai peranan untuk melihat semula nilai filem-filem semasa yang saya fikir tidak mempunyai *[Disampuk]*...Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat ingin mengatakan atau bersetuju dengan saya

selain daripada nilai Puteri Gunung Ledang ini, 10 tahun akan datang filem-filem P. Ramlee lebih baik termasuk pelakon-pelakonnya seperti Ahmad Nisfu, Aziz Satar, S. Shamsuddin ataupun M. Zain. Terima Kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya rasa setuju sebab saya melihat bahawa apabila sesebuah filem diterbitkan ia mesti mengandungi unsur daya penarik. Sekiranya ada unsur tersebut dalam bentuk apa sekalipun Insya-Allah, Tuan Pengerusi, nilai-nilai murni yang cuba ditonjolkan oleh filem-filem itu, lebih-lebih lagi yang berasaskan budaya dan seni akan dapat dijiwai dan diresapi oleh masyarakat.

Kedua, Tuan Pengerusi, tentang saya datang daripada negeri Johor, bukan saya hendak menonjolkan imej Johor, tetapi Tuan Pengerusi, Johor telahpun berjaya membangunkan Zapin. Johor telah berjaya membangunkan seni Ghazal. 90% sekolah-sekolah di negeri Johor, sama ada sekolah rendah, sekolah menengah termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan telahpun sedia ada kumpulan Zapin masing-masing yang tidak berlaku mungkin di tempat-tempat lain, saya yakin.

Maknanya, Tuan Pengerusi, apabila sesuatu *effort*, satu daya usaha itu diberikan tahap yang tinggi dengan pemahaman, dengan penghayatan pengamalan termasuk bengkel dan sebagainya, akhirnya seluruh rakyat Johor telahpun menghayati tentang seni Zapin walaupun seni Zapin itu dahulu dikatakan ada porak- poronda antara perempuan, tetapi sekarang kita bergerak ke arah memisahkan antara lelaki dengan perempuan. Zapin ini asalnya dimainkan, dipraktikkan di surau-surau, di masjid zaman dahulu. Dengan gerak seni yang halus, dengan gerak jasmani fizikal yang tampan, akhirnya telah melahirkan generasi yang benar-benar sihat. Tetapi pada masa yang sama juga ada seni-seni murni di dalamnya.

Ketiga, Tuan Pengerusi, tentang di Muar sudah ditubuhkan Muzium Tun Dr Ismail, tetapi sampai sekarang kami di Muar termasuk di Ledang masih tertanya-tanya tentang di daerah Muar. Maaf, masih tertanya tentang *progress* atau kemajuan penubuhan muzium tersebut.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya yakin juga kementerian ini melalui berbagai-bagai-bagai cara cuba mengadunkan antara Islam Hadhari yang berasaskan kepada seni dan budaya kita. Insya-Allah saya yakin kementerian ada rancangan tersendiri tetapi pada peringkat awal kita juga ingin mengetahui supaya setiap dasar baru yang diperkenalkan tidak akan menjejaskan usaha kita keseluruhannya. Sekian, Tuan Pengerusi saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Tanjong

14.46 petang

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberi kesempatan ini untuk memberi sedikit pandangan di bawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan. Khususnya ingin saya menyentuh tentang usaha kementerian dalam mengumpul dan memelihara khazanah dan warisan negara, di mana saya ingin tahu dari kementerian yang baru ini apakah strategi-strategi yang akan digubalkan untuk mencapai tujuan mengumpul dan memelihara khazanah dan warisan negara. Saya mendapati dalam buku Bajet Persekutuan ini di bawah kementerian ini atas urusan mengumpul dan memelihara khazanah dan warisan negara, nampaknya tidak ada apa-apa butir yang kita boleh hayati dan tinjau untuk mengetahui apakah sebenarnya yang dilakukan oleh kementerian dari segi ini.

Saya dapat lihat, Tuan Pengerusi, bahawa kementerian yang baru ini masih belum dapat menunjukkan prestasi khususnya dalam segi pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara khususnya *living heritage* di dalam negara ini dan negeri-negeri seperti Pulau Pinang. Pertamanya, saya ingin Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah kementerian mempunyai kuasa perundangan untuk memantau apa yang berlaku di peringkat negeri, di mana kita selalu mendengar dan membaca ada kes-kes di mana nasihat dan arahan dari kementerian sama ada dari Jabatan Muzium Dan Antikuiti dan sebagainya.

Arahan dari kementerian ini misalnya di dalam satu kes negeri Pulau Pinang bahawa perlunya mengenalpastikan satu masyarakat tempatan dan persekitarannya sebagai satu tapak warisan. Itu satu nasihat dan arahan daripada kementerian kepada kerajaan negeri. Tetapi akhirnya kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan telah membuat satu keputusan untuk tidak menghiraukan arahan dan nasihat kementerian. Jadi saya merasa kecewa dari segi ini walaupun kementerian menganggap dan berpandangan dan membuat satu keputusan bahawa masyarakat itu boleh ditakrifkan sebagai satu tapak warisan, tetapi ada percanggahan dari pihak kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Berhubung dengan perundangan untuk melindungi dan memelihara tempat dan bangunan warisan, Tuan Pengerusi, saya berharap kementerian boleh mempercepatkan proses penggubalan akta yang baru ini yang sepatutnya sudah pun dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun yang lepas di bawah pindaan

kepada akta kerajaan tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang saya rasa dinanti-nantikan supaya dapat dengan akta yang baru ini memberi kesan perundangan untuk memastikan warisan negara kita dapat dipertahankan. Dan bukan yang berlaku sekarang mahupun di negeri Pulau Pinang ataupun di bandar-bandar yang lain seperti Batu Gajah, di Taiping, di Melaka di mana bangunan-bangunan yang mempunyai nilai warisan dan sejarah dirobuhkan.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian akan mengadakan *public hearing* untuk mendapat input dan maklum balas daripada pihak-pihak yang terlibat dalam akta ini atau menerima *impact* daripada penguatkuasaan undang-undang warisan di negara ini. Akta warisan yang baru ini perlu disegerakan kerana ada pihak kerajaan negeri dan PBT yang mungkin telah dan akan mengambil tindakan yang mungkin menjejaskan usaha untuk memelihara warisan di negeri masing-masing.

Padi tadi, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pun memberi satu contoh di Penjara Pudu, di mana pihak kerajaan dalam membuat perjanjian dengan pihak swasta tidak mengambil kias tentang nilai sejarah dan bangunan tersebut. Jadi, dengan akta ini saya berharap pihak Kerajaan Pusat, mahupun kerajaan negeri dan PBT dapat mematuhi akta yang dapat melindungi dan memelihara warisan di negeri masing-masing.

Contohnya di negeri Pulau Pinang baru-baru ini, kerajaan negeri telah mengubahsuaikan panduan *planning* di Georgetown, di mana keluasan zon warisan di Georgetown diperkecilkan atas desakan-desakan dari pihak pemaju perumahan. Saya ingin tahu apakah pendirian kementerian atas perkembangan seperti ini? Apakah kementerian masih bercadang dalam akta yang baru ini untuk mewujudkan tabung warisan, di mana tabung ini amatlah diperlukan dan dialu-alukan untuk menjayakan usaha pemeliharaan zon dan bangunan warisan di negara ini.

Saya menyeru kementerian untuk memberi peruntukan juga kepada pertubuhan-pertubuhan yang ingin menjalankan kerja-kerja pemulihan untuk menjaga nilai-nilai seni dan *architecture* yang ada pada bangunan-bangunan warisan mereka. Lebih-lebih lagi dengan lulusnya akta ini, setelah dikenal pasti oleh kementerian bahawa sesebuah bangunan itu adalah bangunan warisan patutlah pihak-pihak pemilik ini digalakkan ataupun diberi peruntukan untuk tujuan memelihara bangunan warisan mereka.

Saya ingin tahu apakah kementerian juga bercadang melihat tanah-tanah perkuburan sama ada Cina, Islam ataupun India yang mempunyai nilai-nilai sejarah seperti Tapak Warisan Negara. Kita melihat definisi warisan dengan seluas-luasnya. Contohnya di Bukit Cina, di negeri Melaka adalah satu tanda penjalinan hubungan baik Kerajaan Negeri Melaka dengan negara China sejak 600 tahun dahulu. Dalam segi ini, saya melihat bahawa memang patutlah diikhtiarkan sebagai satu tapak warisan untuk dijagai.

Akhirnya, saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah bantuan yang akan diberikan oleh kementerian ini kepada kerajaan-kerajaan negeri Melaka dan negeri Pulau Pinang dalam usaha kedua-dua negeri ini, baru-baru ini, memohon kepada UNESCO untuk disenaraikan sebagai *heritage cities*. Apakah kemajuan setakat ini dan apakah kementerian juga mengambil berat tentang permohonan dari negeri Melaka dan negeri Pulau Pinang kepada UNESCO. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini sudah 21 orang Ahli menyertai perbahasan, kalau dapat saya hendakkan seorang lagi untuk bercakap.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

2.54 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan sebentar tadi. Saya rujuk terus kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Saya melihat kepada bawah Butiran 030100, 030200. Saya melihat bahawa negara kita walaupun sudah lama mengecapi kemerdekaan, tetapi saya melihat bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini masih mencari takrif, definisi sebenar tentang apakah kebudayaan dan apakah kesenian. Kerana rata-rata yang kita lihat iaitu apabila disebut kesenian, yang terpampang di hadapan kita iaitu tari-menari, yang kita lihat iaitu nyanyian, yang kita lihat iaitu hiburan. Itu kebudayaan pada pandangan kita setakat ini. Sedangkan kebudayaan dalam bentuk yang luas sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Al-Quran Al-Karim dalam surah Al-Ashr, surah pendek tetapi ia memuatkan segala aktiviti manusia. Dan, aktiviti manusia itulah yang dinamakan kebudayaan, pada pandangan saya.

[Membaca sepotong ayat] Ayat ini merangkumi walaupun pendek. Kata Imam Syafie, kalaulah Al-Quran ini hanya dengan “*Wal Asyri*” itu sudah cukup dan sudah benar bagi memandu manusia di antara dua alam, dunia dan akhirat. Barangkali itulah disebut budaya. Bagi pandangan saya budaya, iaitu terdiri daripada dua perkataan iaitu “budi dan daya”, bagi melahirkan suatu tindak balas yang baik, yang boleh diwarisi oleh umat manusia seluruhnya iaitu budaya yang baik, iaitu amalan soleh. Saya menunjukan ucapan saya ini kepada sahabat-sahabat saya yang beragama Islam, yang tidak bertentangan dengan sahabat-sahabat yang bukan beragama Islam kerana kita mahu kepada suatu anjakan, satu ketetapan yang baik kerana budaya inilah sebenarnya akan menggambarkan suatu warisan kepada anak-anak kita kemudian daripadanya.

Ilmu pengetahuan misalnya, budaya, seni, apa sahaja yang boleh memanfaatkan manusia yang hidup di atas muka bumi ini merupakan budaya dan seni. Jadi, mengapa kita masih lagi terbawa-bawa dengan budaya-budaya yang liar, budaya-budaya yang tidak membina akhlak. Akhlak itu budaya sebenarnya, kita lupa hari ini. Kita bercakap tentang itu, tentang ini, bagus, bukan tidak bagus tetapi kita lupa bahawa akhlak itu budaya. Bagaimana runtuhnya akhlak di kalangan anak muda kita sekarang ini?. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sekejap tadi. Dia mengatakan bahawa terlalu banyak wang kita dibelanjakan untuk pemulihan mereka yang terlibat dengan dadah dan sebagainya.

Biar matilah dia orang itu, tidak guna sudah. Bukan saya apa-apa – tidak , pengalaman saya, di kampung saya, masuk hari ini, masuk tiga bulan, balik dua hari elok, tiga hari sudah, masuk lagi. Duit kerajaan banyak, duit kerajaan sudah berbilion-bilion habis kerana hendak pulih yang ini. Lebih baik duit itu kita gunakan kepada yang lain, kita berilah rawatan-rawatan semampu yang boleh, biarkanlah orang itu, golah hendak pergi mana-mana pun, tidak ada guna sudah, tidak jadi apa sudah. Lebih baik kita pulih yang anak-anak kita tadi, kerana budaya ini, akhlak itu budaya, tatasusila itu budaya, tingkah laku itu budaya, pembelajaran itu budaya, teknologi budaya, sains budaya, apa sahaja yang boleh kita manfaatkan untuk kehidupan kita sehingga kita tidak terjebak dengan perbuatan-perbuatan yang dimurkai oleh Allah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Assalamualaikum.

Tuan Haji Ismail bin Noh:dan sekali gus... ada masa lagi Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jerai ini, saya semangat dengan dia. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sahabat saya. Saya tertarik tentang ungkapan Yang Berhormat tentang budaya, tatasusila kerana dalam ajaran Islam kita, manusia yang akhlak baik, budaya baik, budi pekerti baik itu adalah manusia yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya selain daripada pihak kerajaan untuk memantau dan mengawal budaya yang keluar daripada tatasusila manusia dan juga ajaran Islam ini, keluarga dan ibu bapa itu memainkan peranan yang cukup penting untuk memastikan – kerana anak-anak ini adalah amanah Allah S.W.T. kepada ibu dan bapa.

Jadi, selain daripada kerajaan menolong membendung, apakah kita lupa bahawa tanggungjawab ibu bapa juga harus kita pertikaikan seandainya berlaku sesuatu gejala buruk kepada anak-anak bangsa kita, bangsa Malaysia di negara kita ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bersetuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai sebentar tadi bahawa gandingan di antara ibu bapa, masyarakat, media massa, kerajaan adalah gandingan yang paling baik untuk melahirkan satu budaya yang baik. Sekiranya cacat di sana, ibu bapakah cacat, ataupun ibu bapa elok tetapi masyarakat cacat, akhlak cacat. Kalau masyarakat elok tetapi di pihak media massanya, radionya, televisyennya, surat khabarnya tidak elok. Kerana itulah bagi saya bahawa kita kena membudayakan surat khabar kita, mesti dibudayakan dengan budaya yang baik.

Jangan muka surat pertama itu elok, muka surat yang kedua itu elok, muka surat yang kelima dan yang keenam itu penuh dengan budaya-budaya yang tidak elok. Begitu juga dengan televisyen, kita hendak membudayakan dengan budaya yang baik sebab itulah Islam ini Yang Berhormat Jerai dia tidak sebut Islam Hadhari, dia sebut Islam Hadhara Islamiah, dia tidak sebut Islam Ikhrisodhi dia sebut Thisod Islami kerana apa mesti disandarkan kepada Islam, ekonomi Islam, pendidikan Islam.

Dia tidak kata Islam pendidikan, kalau Islam pendidikan ertinya Islam itu akan mengikut bagaimana pendidikan semasa yang dikehendaki. Begitu juga kalau disebut

bahawa Islam ekonomi bahawa Islam akan mengikuti kehendak ekonomi semasa. Kalau riba' berlaku dia akan mengikuti riba' kerana itulah kita mempertahankan bahawa tidak berlaku Islam Hadhari, kita hendak niat. Hadharah Islamiah, Hadharah itu mesti mengikut kaca mata Islam, mengikut skop *standard* yang dikehendaki Islam.

Begitu juga masalah yang kita bincangkan pada petang ini iaitu masalah budaya, kita hendak budaya Islam bukan Islam budaya, tidak. Kalau Islam budaya ini boleh, berjoget pun boleh, menari pun boleh, minum pun boleh kerana budaya pada masa itu tetapi kita hendak budaya Islam. *[Sambil menyebut dalam bahasa Arab]* Dia tidak kata bahawa Islam *[Menyebut dalam bahasa Arab]* tidak ada, Yang Berhormat Pasir Puteh tadi, boleh perbetulkan apa yang saya sebutkan ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Apa yang kita hendak sekarang ini Tuan Pengerusi iaitu kita mahu bahawa segenap budaya kita ini adalah budaya yang dapat melahirkan suatu masyarakat dan bangsa yang mencerminkan negara kita. Walaupun dia orang pun tidak kira bukan masalah bangsa kerana bangsa ini adalah anak Adam, saya anak Adam, sahabat saya sebelah saya pun anak cucu Adam, sebelah saya pun anak cucu Adam kita ini adalah satu darah, satu keturunan, satu manusia.

Jadi tidak ada sebab mengapa kita tidak membuat kebajikan dan kebaikan. Kerana itu Allah SWT menyebut apa sahaja baik budaya, baik ekonomi atau apa, mesti berteraskan kepada jasad iaitu pembalasan dunia dan akhirat. Kepada penggiat-penggiat seni saya sebutkan di sini, hendak seni-senilah tetapi kena takutkan akhirat, takut kepada api neraka akhirat. Mesti tetap, hendak bergiat-giatlah tidak ada apa, hendak bergiat seni, hendak bergiat di atas, hendak terjun turun, hendak merangkak, hendak melompat lagi tetapi kena ingat di akhirat ini ada api neraka. Saya tekankan di sini kerana ini masa saya...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta laluan sedikit ya!

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak ada, saya bimbang takut giat-giat akhir sekali giat bangsa. Kita tidak untung sahabat-sahabat dan saudara-saudara Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat..

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri Yang Berhormat, boleh beri laluan?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada masa lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya beri sedikit.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Insya-Allah, masa AlwaqtuKhazar! Time is gold kita hargai. Yang Berhormat Pasir Mas tadi fasal dia sebut nama saya tadi mengenai dengan Hadharah Islamiah dengan Islam Hadhari. Sebenarnya kalau kita mengaji tinggi walaupun Yang Berhormat di Iraq dan saya di Mesir, sama sahaja. Hadharah Islamiah ertinya kita membicarakan tentang Tamadun Islam zaman-zaman lampau menjadikan satu kesan sejarah budaya kepada kita hari ini tetapi kita sebut hari ini Islam Hadhari ialah mengembalikan tamadun, sifat dan mauduk. Ertinya mengembalikan tamadun di era global itu tidak menjadi satu kesalahan. Sebenarnya kalau kita melihat dalam pepatah Arab kalau tidak silap saya, kalau silap Yang Berhormat Pasir Mas tegurlah kerana lebih arif [*Sambil menyebut sepotong ayat dalam bahasa Arab*] Tidaklah pemuda kalau dia bangga dengan hak yang lama-lama tetapi hari ini dia tidak berjaya..*[sambil menyebut lagi sepotong ayat dalam bahasa Arab]* ialah pemuda yang sebenarnya ialah dia sanggup mengambil iktibar daripada budaya yang lepas dan dia melaksanakan pada zaman era global ini, boleh bersaing dengan bangsa-bangsa maju di dunia. Terima kasih, setuju atau tidak?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Setuju setengah dan tidak setuju setengah [*Ketawa*] Kerana tidak ada dalam istilah ulama-ulama, Imam Shafie, Imam Hanafi, imam-imam. Ulama-ulama besar tidak pernah meletakkan bahasa begini. Saya tahu dan saya faham maksud itu yang dikehendaki tetapi dari segi pengertian bahasa itu, cuba kita dengar Bahasa Malaysia. Lutut manusia, kita tidak kata manusia lutut, kepala manusia, kita tidak kata manusia kepala. Apabila kita kata manusia kepala ertinya manusia itu hanyalah kepala sahaja, betulkah begitu? Saya faham dan saya baca artikel-artikel yang ditulis oleh profesor universiti, saya baca dan saya terdedah dengan pembacaan juga. Saya tahu apakah maksud yang dikehendaki oleh kerajaan tetapi apa yang disebut tadi saya bimbang pada masa hadapan seperti 30 tahun atau 50 tahun nanti kalau tidak Islam Hadhari itu tidak Islam. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat yang setengahnya dan tidak setuju adalah setengahnya.

Apa yang saya hendak tekankan di sini bahawa kita penggiat seni, apakah, satu perkara kita kena ingat iaitu akhirat yang kita baca dalam sembahyang, kita solat, sembahyang itu sendiri dan budaya sebenarnya. Sembahyang itu sendiri budaya yang orang tinggal sekarang ini. Sebahagian besar daripada masyarakat Melayu kita ini sudah tinggal sembahyang. Saya berani kata begitu misalnya kalau ada main bola di

Stadium Bukit Jalil, bola jam berapa? Masuk stadium jam berapa? Ada orang azan, ada orang iqamah, ada? Saya tengok dalam televisyen daripada awal pukul 4.00 sampai pukul 8.00 malam dalam televisyen. Sedangkan Allah SWT menyebut *[Sambil menyebut sepotong ayat A-Quran]* Akan datang satu generasi yang mungkin menimbulkan budaya, budaya apa? Budaya ikut hawa nafsu, tinggal sembahyang dan nanti kita lihat akan dicampakkan ke dalam neraka Ghaiya. Neraka Ghaiya ini Tuan Pengerusi, neraka-neraka lain menangis kerana panas neraka Ghaiya ini. *[Sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran]* Mengapa kamu masuk ke neraka Syaqaq? *[Menyebut lagi sepotong ayat Al-Quran]* ..kerana budaya sembahyang sudah mereka tinggalkan. Kita bimbang anak-anak kita ini sudah meninggalkan budaya ini, budaya sembahyang tinggal, budaya puasa tinggal, budaya taat kepada ibu bapa sudah tinggal. Yang seni-seni ini tidak mahu tinggal.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum Ustaz.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertamanya Yang Berhormat ada bercakap fasal bola, saya hendak memaklumkan Kedah kalau orang Perlis 4hb ini ya...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tolong doakan beri Kedah menang ya. Cuma satu sahaja Yang Berhormat, sembahyang ini saya kurang arif dan Yang Berhormat belajar sampai ke Iraq. Pertamanya saya hendak tanya, adakah disebabkan oleh budaya Islam itu tidak kukuh di Iraq akhirnya Iraq hari ini berada di bawah lutut orang-orang Yahudi, itu satu.

Yang keduanya sembahyang ini, Yang Berhormat, contohnya, fasal orang Kedah, orang Perlis hendak datang ke Kuala Lumpur, jadi apabila sembahyang kita boleh cantumkan antara Maghrib dengan Isyak'..

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jamak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak begitukah Pasir Mas?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dan Insya-Allah kita akan beritahu dan saya bersetuju juga kadang-kadang kita minta juga kementerian-

kementerian kalau waktu azan itu, kalau boleh kita buat di seluruh jabatan-jabatan kerajaan kalau masuk waktu sahaja semua azan berkumandang, tidak kiralah Jabatan Perdana Menteri, di Parlimen sendiri pun suara azan itu berkumandang menandakan masuk waktu azan dan kita hormati pada waktu itu dan selepas itu kita pergilah sembahyang sama ada ada waktu dan ketika.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Pasir Mas, setuju atau tidak kalau boleh kita jamakkan?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya setuju apa yang dibangkitkan oleh Jerai tadi, saya setuju. Kalau di stadium itu sebelum solat, solatlah, azan sembahyang di situ. Saya tidak bimbang kepada orang Kedah datang sini tetapi saya bimbang anak-anak muda di Kuala Lumpur yang tidak boleh jamak sembahyang, yang datang daripada Kedah berapa juta orang, takkanlah sampai 10,000 orang daripada Kedah? Ada, yang ramai itu adalah daripada Kuala Lumpur, yang Kuala Lumpurlah kita bimbangnya.

Saya tidak menuduh tetapi saya menekankan bahawa budaya sembahyang itu sendiri. Saya pergi ke Sudan, saya ingat bagaimana Sudan menjadikan budaya sembahyang dia, betul, jadi sungguh. Di mana di hadapan-hadapan kedainya apabila azan itu, semua orang berhenti. Semua kegiatan di bandar Sudan ataupun di bandar Saudi, di Mekah, Madinah, di Riyal apabila azan berkumandang kegiatannya berhenti sekejap. Orang-orang lain pun iaitu orang bukan Islam pun menghormati, dia dapati orang Putih menjadi disiplin, orang Eropah menjadi disiplin, tinggal lagi orang Islam kita berdisiplin, tidak ada. Apabila azan dia duduk cari tempat, cari bakul dia duduk sekejap di situ, dia tahu 10 minit, for Muslim prayer, untuk orang Islam sembahyang, dia sembahyang dan dia berhenti. Dia tidak sembahyang tetapi dia berhenti, dia menghormati, dia tahu budaya kita ini budaya Islam, berhenti.

Jadi yang tadi Yang Berhormat daripada Jerai sebut tadi bahawa bagaimana dengan Iraq boleh kukuh begitu? Memang betul, saya tinggal di Iraq lagi lima tahun, mula-mula saya first time menjejakkan kaki di bumi Iraq tahun 1972, saya cukup-cukup kesal, saya melihat ramai tidak berpuasa. Saya hampir-hampir menangis, saya dididik dalam pondok, umur 7, 8 tahun sudah berpuasa semua orang lain pun kalah. Pergi ke sana melihat ramai orang tidak berpuasa, menangis saya, itulah kesannya yang Allah S.W.T. kenakan kepada mereka. Di hadapan rumah saya ini di Waziriah, di depan itu ada kelab, belum Maghrib lagi sudah mabuk.

Siapa dia mereka? Orang Islam, Muslim [*Bertutur dalam bahasa Arab*] tidak tahu sembahyang, tidak tahu puasa. Akhir sekali Allah S.W.T. kufurkan mereka. Sekarang ini tahulah apa yang laknat Allah S.W.T. Allah S.W.T. tidak bagi laknat kepada kita serta-merta. Kita melakukan dosa hari ini atau berzina hari ini Allah tidak bagi dosa hari ini terus tetapi 30 tahun lagi, 40 tahun lagi kena itu, kena ini barulah kita rasa, Allah, apa yang Allah S.W.T. kenakan, padahal 50 tahun, 40 tahun kita lupa kepada apa yang telah kita lakukan.

Oleh sebab itulah saya sebutkan tadi bahawa penggiat-penggiat seni hendak giat, giatlah tetapi kena ingat bahawa kita akan mati. Apabila mati kita akan masuk kubur. Kita orang Islam yakin dan percaya bahawa kita akan diseksa oleh Allah, kita akan ditanya oleh Allah. RM5, RM10, RM100, RM1,000, apalah kalau hendak dibandingkan dengan balasan Allah di akhirat tidak terbalas. Hendak kita rasa dengan balasan Allah S.W.T. di akhirat kita dapat RM1,000 dengan begini, begini kerana itulah dalam Islam tidak ada budaya rasuah, dalam Islam tidak ada budaya zina, dalam Islam tidak ada budaya minum arak, dalam Islam tidak ada budaya menipu.

Dalam Islam tidak ada dan dalam manusia sendiri pun tidak ada kerana manusia ini bermula daripada Adam a.s dan Nabi Adam a.s adalah manusia yang sebaik-baik manusia dan kita adalah daripada keturunan mereka maka hendaklah kita jadikan budaya kita iaitu (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*). Sekianlah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat saya rasa memadailah perbincangan kita setakat itu. Sekarang ini saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan.

3.11 ptg.

Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saudara-saudari Ahli-ahli Dewan yang mulia di atas penglibatan dan juga sumbangan buah fikiran dalam membincangkan peruntukan bagi Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan.

Oleh kerana didapati menerusi catatan saya, 19 orang yang berbincang dan tiga orang yang mencelah, kesemuanya bercerita fasal budaya, fasal seni dan fasal warisan dan diakhiri oleh Pasir Mas yang katanya kita masih mencari-cari terma dan definisi budaya.

Tuan Pengerusi, jadi kalau hendak dikatakan budaya atau kebudayaan sebagai suatu tajuk, ia adalah tajuk yang sangat luas. Kebudayaan, kesenian, dan warisan seperti tungku tiga sejerangan atau tali tiga sepilin. Jika tali itu dua dipilin tidak begitu kuat tetapi kalau tiga elemennya tentu lebih kuat. Tungku tiga sejerangan pun sedemikian. Kalau dua tungku tidak terjerang kawah dengan masakan kita.

Justeru dikatakan bahawa kerajaan tidak tahu tentang definisi kebudayaan, Pasir Mas saya fikir kena balik ke Iraq dan cari balik sama ada Kerajaan Malaysia sudah tahu atau tidak tentang definisi kebudayaan. Tahun 1971 kita sudah buat definisi itu menerusi Kongres Kebudayaan Nasional dan kebudayaan nasional bererti bahawa perlakuan budaya kita berasas kepada seni budaya dan warisan rakyat rantau ini, Islam menjadi integral di dalamnya dan di samping itu ia menerima hakikat bahawa kepentingan semua kaum adalah terkandung di dalamnya.

Ketiga-tiga ini sudah diterima oleh negara. Merdeka sudah kita 47 tahun tinggal lagi seperti saya nyatakan kepada rakan-rakan yang cintakan kebudayaan membilang dari satu bertanya khabar dengan salam, kalau dilipat sekecil kuku, kalau di bentang seluas alam. Budaya ini adalah soal besar dan soal yang meluas. Jadi saya cuba untuk di samping menyatakan semula pendirian kerajaan, Tuan Pengerusi kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat saya cuba nanti untuk menghuraikan rasa dan sentimen yang berasaskan kepada tungku dan tali tadi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Minta maaf. Saya tidak menuduh bahawa Kerajaan Malaysia tidak mengetahui ataupun jahil tetapi tinggal lagi saya katakan Kerajaan Malaysia masih mencari, barangkali dalam ucapan saya masih mencari itu ertinya bahawa kita tidak ada suatu takrif yang konkrit. Dalam bahasa Arabnya iaitu (*Bercakap dalam bahasa Arab*) Saya tidak bercadang untuk pergi ke Iraq Yang Berhormat Menteri sekarang ini.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kalau saya pergi pun merbahaya. Saya tengok dalam kaca TV sebentar tadi penyembelihan berlaku. Dalam internet saya tengok di atas Parlimen tadi, dan kita takut untuk pergi ke sana. Saya tidak bercadang untuk pergi ke sana. Tinggal lagi saya menyebut bahawa Kerajaan Malaysia mencari ertinya bahawa takrif yang kita buat tahun 1970 itu takrif yang tidak konkrit. Ertinya boleh

masuk lagi dengan budaya, budaya, budaya sehingga budaya kita renggang, terbuka, terbuka, terbuka. Contohnya Yang Berhormat Menteri iaitu tulisan jawi.

Tulisan jawi adalah suatu seni budaya peninggalan datuk nenek kita yang kita warisi daripada berabad-abad lamanya yang dibawa begitu jauh kemudian kita jawikan dia. Kita jawakan dan jawikan menjadi huruf kita, menjadi hak kita. Tetapi sekarang ini kita boleh hilang Datuk. Saya buat sedikit *checking* ke sekolah menengah di kampung saya. Ada pelajar dalam 20 orang didapati mereka sudah tidak menguasai tulisan jawi. Kesan daripada itu bila mereka baca taklik kahwin. Taklik kahwin ini Datuk bila kita kahwin ia ada taklik kahwin. Imam menghulurkan kepadanya supaya dia baca tetapi dia kata tidak boleh baca tulisan jawi dan meminta tulisan rumi. Begitu sekali anak kita. Ini agama ini. Bila saya tanya tahu atau tidak.....

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Pengerusi, pandangan saya di samping bernilainya pandangan itu seperti satu khutbah tambahan jadi saya minta *ruling* daripada Tuan Pengerusi sama ada itu hendak dilanjutkan atau kita terus menjawab seperti yang diperlukan.

Beberapa Ahli: Menjawab.

Tuan Pengerusi: Jawab.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Pengerusi. rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mulakan dengan mengulas pandangan daripada Yang Berhormat bagi Gerik yang ingin mengetahui secara dasar dan juga pelaksanaan tentang filem-filem yang telah disajikan oleh pelbagai pihak khususnya syarikat-syarikat perfileman. Sekali gus saya juga rangkul pandangan Yang Berhormat bagi Larut yang juga menyentuh tentang perkara yang sama.

Mulai tahun 1999 hingga ke tahun 2003, 71 filem telah dikeluarkan oleh pelbagai pihak dan keadaan yang telah wujud ialah semenjak dua tahun setengah *rent* filem-filem tempatan itu mendapat tempat bukan sahaja di pawagam tetapi juga di kalangan pekan-pekan yang mempunyai sumber hiburan kurang.

Secara rumusan boleh dikatakan bahawa pengiktirafan kepada pelakon-pelakon kita juga sudah mulai cemerlang. Misalnya di Fukuoka pada bulan September, kita telah beroleh kejayaan menerusi penggondolan kedudukan pelakon terbaik dan juga penggambaran bagi filem-filem kita yang telah ditayangkan bagi pertandingan yang berkenaan. Maya Karin misalnya telah beroleh tempat yang paling

istimewa sebagai pelakon. Ini menunjukkan bahawa sumbangan FINAS dan juga pengeluar filem-filem tanah air sudah meningkat.

Tentang filem PGL (Puteri Gunung Ledang) yang dikatakan kenapa ianya merentas kos sehingga sampai ke RM20 juta. Kementerian tidak dapat menjawab soalan ini kerana pengeluarnya adalah pihak swasta. Mereka suka membelanjakan wang yang sebanyak ini sedangkan kalau mengikut perhitungan FINAS satu filem cereka boleh dikeluarkan dalam kadar RM1.2 juta ataupun RM1.1 juta bagi satu filem cereka. Dengan yang demikian, kalau RM20 juta mungkin 10 atau 15 filem boleh dikeluarkan, tetapi ini adalah perhitungan yang dibuat oleh syarikat yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, filem ini mendapat perhatian dunia dan di Venice, ia telah mendapat *Special Mention*, dengan izin, dan juga di Itali ia telah merupakan satu pojokan daripada *entertainment world* yang disajikan oleh pihak-pihak berkenaan. Juga kita akan cuba sedaya-upaya membantu FINAS dalam zaman akan datang supaya keadaan pemprosesan dan pasca produksi dapat kita bantu mereka.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Datuk Menteri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bisa saya minta penjelasan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tentang filem Puteri Gunung Ledang ini, saya ucapkan tahniahlah kepada syarikat yang telah berjaya. Tetapi adakah pihak kementerian juga memastikan bahawa isi ceritanya itu zaman purba dan sebagainya, tetapi saya dapat lihat juga penerbangan antara hero dengan heroin ini terbang dari Jawa sampai ke Malaysia dan sebagainya, dan cara-cara di istana raja-raja kita itu. Yang raja itu, tidak bolehkah cari yang hak gigi elok sedikitkah, *[Ketawa]* macam manakah? Yalah, sesuai dengan martabat raja itu. *[Disampuk]*

Jadi, adakah pihak kementerian melihat skrip-skrip ini dan diajukan kepada kementerian ataupun FINAS sebelum ia ditayangkan? Kerana saya tahu mutu itu bagus, suara-suara pun saya dengar okey, tetapi itulah ada sedikit anggapan yang kadang-kadang agak begitu *slow* dan ini apabila kita hantar ke luar negara, macam di Paris tadi, dialihbahasakan kepada bahasa Perancis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apakah penjelasan yang dikehendaki?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Penjelasan saya, Tuan Pengerusi, *[Ketawa]* adakah itu cara Hang Tuah bercinta *[Ketawa]* pada satu ketika dahulu? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, cara mereka berasmara pada zaman silam tidak ada seorang pun yang tahu. Jadi, pembikin filem ini tentulah seperti orang yang mimpi dalam air juga yakni selain daripada berenang, mereka cuba minum air yang berkenaan. Tinggal lagi cara pembentangannya, tekniknya dan juga jalan dialognya, kementerian ini tidak campur tangan sebab kita mahu orang-orang yang mengendalikan seni sinematografi menjalankan tugasnya mengikut cita rasa masing-masing.

Tinggal lagi kita akan cuba dari segi skrip yakni memberi kemudahan dan juga bimbingan yang lebih agar filem-filem akan datang, mutu ceritanya dapat disertai bersama dalam minat dan juga pergaulan masyarakat sekitar kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya izinkan saya menjawab berhubung dengan budaya yang berada di sekolah, ajaran seni budaya di sekolah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Boleh minta penjelasan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...yang juga dibentangkan dan dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mempertikaikan tentang filem Puteri Gunung Ledang dan syarikat yang terlibat. Cuma saya ingin tahu, sekiranya kalau tidak ada keuntungan kepada syarikat ini, akhirnya esok beban akan datang balik kepada kerajaan oleh kerana adanya RM50 juta yang disediakan oleh FINAS untuk membantu membiayai mana-mana *producer* filem termasuk Yang Berhormat bagi Jerai pun hendak buat satu lagi filem, Puteri Gunung Jerai, umpamanya. *[Disampuk]*

Saya memang tahu bahawa ianya tidak membabitkan pihak kerajaan tetapi katakanlah pengeluar filem ini atau syarikat ini menghadapi masalah di kemudian hari bersabit dengan kos yang telah dibelanjakan untuk menerbitkan satu filem yang memakan sampai RM20 juta, itu yang saya maksudkan, dan adakah pihak FINAS terutamanya akan membuat pemantauan di masa akan datang, memberi bimbingan dan garis panduan supaya tidak timbul hal nanti ada syarikat-syarikat pengeluar filem sebagaimana yang diharapkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas

tadi tentang budaya dan kesenian yang ingin kita lihat, gulung tikar, dan akhirnya masalah atau beban mereka berbalik kepada kerajaan. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, pembikinan filem ini adalah semata-mata dilaksanakan oleh syarikat. FINAS tidak terlibat langsung dan tidak ada kemungkinan bahawa syarikat ini akan menuntut apa-apa daripada kerajaan. Tinggal lagi oleh kerana inilah pertama kali filem sebegini besar kosnya dibuat, maka ia akan menjadi satu huraian yang mesti dibuat iaitu filem ini mungkin dilaksanakan atas perasaan atau aspirasi orang yang membuatnya, bukan mungkin untuk keuntungan tetapi untuk mengisi salah satu cita rasa famili, hubungan insan dan sebagainya. Jika filem ini berasas kepada perkiraan perniagaan, tentunya ia tidak sampai ke tahap yang berkenaan.

Setakat itulah yang dapat saya huraikan. Insya-Allah, kita akan cuba membimbing dan memberitahu pengusaha-pengusaha filem, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terhadap *viability* atau daya hidup sesuatu projek tersebut.

Seterusnya saya pergi kepada pandangan yang dikemukakan berhubung dengan filem Pasir Salak, juga daripada Yang Berhormat bagi Larut, yang menanyakan apakah keadaannya dan apakah yang harus dilaksanakan. Menurut butiran yang saya terima ialah bahawa pembiayaan telah dibuat untuk filem ini oleh beberapa pihak tetapi pada satu perenggan, ianya telah aral oleh kerana pengurusan dan juga pembiayaan itu tidak menepati objektif asal.

Walau bagaimanapun, dari segi ceritanya, ia harus digalakkan dan kementerian akan menyusul perkara ini untuk disoal dan disiasat apakah ia *viable* atau berdaya hidup untuk dijadikan filem cereka terus-menerus. Lantaran Yang Berhormat Senator baru itu iaitu Dato' Jins Shamsuddin sendiri terlibat, saya tidak keberatan untuk mendapatkan butiran lanjut daripada beliau.

Tentang Jalur Gemilang, siapakah penciptanya, soal ini adalah soal yang amat rumit dan tidak dapat dijawab sekadar untuk melepaskan suatu jawapan bagi umum. Harus kita ketahui bahawa Sansakar Merah Putih iaitu bendera Indonesia sendiri tidak dapat orang mencari siapa penciptanya, tetapi pada tahun 1946, UMNO mendapati bahawa ianya harus dijadikan sebagai perbandingan yang baik. Maka diletakkan keris bersilang di tengah dengan garisan bulatan berkenaan. Selain itu, ianya boleh mirip balik kepada bendera atau Sansakar Merah Putih.

Kepada bendera kita iaitu Jalur Gemilang, terma ini dibuat baru lagi. Nama asalnya ialah Bendera Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu dan sebelumnya ialah Persekutuan Tanah-tanah Melayu Bersekutu, juga dengan bendera Tanah Melayu Bukan Bersekutu. Pada tahun 1948 diwujudkan bendera *The Federation of Malaya* ataupun Persekutuan Tanah Melayu. Apabila kita mengalami dan menerima Malaysia pada tahun 1963, maka bilangan jalur dan juga bintangnya ditambah. Tetapi, malang sekali mereka yang mencatatkan lukisan asal tidak ada disimpan oleh mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bimbang tentang lambakan filem-filem luar dan kebimbangan ini memang berasas pada hakikatnya, di mana negara memerlukan suatu panduan yang boleh diketengahkan untuk dicerakin dan ditentukan masa hadapan tentang penghormatan yang diberi kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan berbanding dengan yang datang dari luar. Tidak dapat kita halang oleh kerana, dengan adanya WTO (*World Trade Organization*) serta dengan piagam-piagam baru, maka filem-filem tersebut boleh diimport. Perkataannya “boleh diimport”, dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh kementerian-kementerian berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan hanya berurusan tentang penayangannya dan juga Kementerian Dalam Negeri tentang penapisan ceritanya. Kesemua pihak itu menjalankan tugas dan didapati bahawa filem-filem tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan dalam mengusahakan peranan masing-masing. Tetapi, memang ada didapati bahawa beberapa adegan filem luaran itu lepas daripada pandangan ataupun suntikan (*editing*) daripada Lembaga Penapisan Filem sedangkan ada adegan-adegan tempatan kita yang tidak sepatutnya dipotong, tetapi mengalami potongan gunting juga daripada pihak berkenaan.

Oleh kerana hal ini adalah hal yang merupakan perbandingan nilai, maka kementerian telah pun dan sedang mengemukakan pandangan kepada pihak-pihak lain supaya pandangan kementerian ini diambil kira dalam menentukan kedudukan filem-filem luaran dan juga filem-filem tempatan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Bergantung kepada Tuan Pengerusi, berapa celahan boleh diterima, saya menerima arahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa berucap berapa lama?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Bergantung kepada berapa ramai yang mencelah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Setengah jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jimatkan masa untuk kita semualah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru lima minit. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Saya hendak mencelah sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hendak kemukakan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak masuk mencelah sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak masuk apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Ini, saya hendak tanya ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan dia, penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya yang pertamanya, Tuan Pengerusi, saya *admire* Menteri kita ini. Bahasa-bahasa yang digunakan itu....

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: *[Senyum]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya bukan berucap. Saya mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah berucap, terus masuk, terus masuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bahasa yang cukup, kadang-kadang saya sendiri pun sedang mempelajari. Tadi apa?

Seorang Ahli: Keceringan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Keceringan dan sebagainya. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sekarang ini ada tiga kementerian. Ini, yang masalah kami sebagai Ahli Parlimen dan juga masyarakat umum. Yang pertamanya Menteri Multimedia.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara dasar. Tidak perlu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya. Ini, saya hendak masuk fasal filem ini. Kementerian Multimedia dan Komunikasi fasal air dan api, kemudian Kementerian Penerangan, kemudian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan.....

Seorang Ahli: Warisan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Warisan. Jadi, ketiga-tiga ini terbabit dalam perfileman. Yang itu sangkut sedikit, yang ini sangkut sedikit. Jadi, tidak bolehkah pihak Jemaah Menteri dan sebagainya, dalam Mesyuarat Kabinet, selesaikan satu. Ini, kadang-kadang bila saya minta penyelesaian pada Menteri Kebudayaan, dia kata yang ini hak Kementerian Multimedia dan Komunikasi pula kata yang ini Kementerian Penerangan. Jadi, kita pun tidak tahu, celaru habis. Jadi, bolehkah tidak boleh pihak Dato.....

Seorang Ahli: Boleh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:supaya memperbincangkan dalam Kabinet, pastikan. Benda ini serius. Kalau kita biar, benda ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak sampai lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak sampai. Dia memang, bahasa dia macam itu Tuan Pengerusi, dia hendak sampai ke hujung dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri tahu jawab, Menteri faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri tahu masalah ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Jadi fasal apa Tuan Pengerusi, kita tengok macam filem-filem yang masuk mai, yang tadi Yang Berhormat

Menteri terlepas, kita tengok filem-filem Bombay, filem-filem Hindustan ini teruk. Teruk, Yang Berhormat Menteri! Dia peluk itu kita sampai “naik karan”. Yang kita tengok pun “naik karan”, tambahlah depa.

Beberapa Ahli: [*Senyum*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Begitu juga filem-filem Melayu kita kadang-kadang. Depa bukan suami isteri. Tidak begitu Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:....tetapi dia orang berpeluk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat. Bukan minta penjelasan, macam sudah berucap. Jika hendak berbuat demikian dahulu, Yang Berhormat jadi Speaker. [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebab itu, saya kata jangan ikut apa saya buat. Ikut Peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Sila Jelebu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai dan terima kasih Tuan Pengerusi. Berita yang baik ialah sebagai reaksi kepada celahan itu, Dasar Perfileman Negara kita yang baru sedang kita sediakan iaitu seboleh mungkin kuasa pelaksana dan kuasa penentuan *enforcement* akan disatukan. Di samping itu, latihan bagi para pegawai berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang berkaitan filem juga akan diselaraskan dan dikoordinasi dengan semua peruntukan yang baru. Undang-undang FINAS, undang-undang lembaga yang berkaitan dengan penapisan juga akan di masuk kira dalam perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada kesangsian berkaitan dengan tiadanya muzium filem yang dibangkitkan oleh Gerik dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita saya menyatakan bahawa FINAS sedang menguruskan perkara ini di mana akan dimuatkan secara awalan dahulu suatu muzium filem di rumahnya sendiri iaitu di dalam premis yang ditentukan sebagai sesuai untuk muzium filem di tanah air kita.

Pada tahun hadapan, kita akan mengadakan Festival Filem Asia Pasifik di Kuala Lumpur dan dijangka pembesar-pembesar filem di luar negara akan turut serta

dan pembuat-pembuat filem serta pengeluar-pengeluar filem di tanah air juga akan berpeluang untuk mengalami bukan sahaja dari segi teknik tetapi dari segi pemasaran filem-filem Melayu pun dapat kita ketengahkan, Insya-Allah.

Dari persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tuan, penyelidikan kebudayaan, sukacita saya memaklumkan bahawa program ini baru dimulakan iaitu dengan suatu kerjasama dengan beberapa pihak di universiti menerbitkan kisah perjuangan nasionalisme di tanah air dan ini sekali gus akan dapat menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan kesangsian mengapa Mat Salleh di Sabah misalnya, tidak dapat dimuatkan, mengapa Allahyarham Tun Mustapha tidak dapat kita nukilkan dari segi perjuangan dan juga sumbangannya serta pejuang-pejuang kita yang lain.

Pertama, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengadakan sumber penyelidikannya. Kedua, Arkib Negara akan membantu usaha ini supaya mempertingkatkan lagi persejarahan dan pengetahuan kita berkaitan dengan sejarah serta warisan tanah air. Berfikir oleh kita bahawa penting bagi Ahli-ahli Yang Berhormat memaklumkan kepada kementerian ini sekiranya ada artifak di daerah masing-masing atau di kawasan masing-masing yang perlu bagi kementerian menyelidik dan menentukan statusnya.

Silalah tulis terus kepada saya dan saya akan cuba membuat penyelidikan tentang fakta yang dikemukakan kepada kementerian itu. Misalnya di Lenggong, kita dapati artifak *The Perak Man* dan ini telah pun diletakkan sebagai satu fakta sejarah dan arkeologi bahawa *The Perak Man* wujud sekitar 200,000 tahun dahulu dan dalam satu peralihan zaman, ianya telah menempatkan Lenggong Perak misalnya sebagai tempat persinggahan tamadun yang tertentu.

Jadi, kita telah menulis kepada Kerajaan Negeri Perak dan alhamdulillah Kerajaan Negeri Perak bersetuju supaya kawasan itu kita rezabkan sebagai kawasan warisan pengkajian arkeologi bagi tanah air kita. Mungkin di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat lain, dapat kita sama-sama programkan hal ini dan kita akan cuba membentangkan keperluan itu bagi dipenuhi mengikut nilai warisan berkenaan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Kebetulan saya hendak berucap tadi, tapi ramai yang hendak berucap, jadi saya terpaksa buat penjelasan sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kinabatangankah itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kinabatangan. Dia “batang” sangat itu. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai senarai warisan *World Heritage List* di Malaysia ini, mempunyai dua tapak. Yang pertamanya, *Kinabalu Park* dan juga *Gunung Mulu National Park* yang disenaraikan di dalam *World Heritage List*.

Di Malaysia ini mempunyai dua tapak, yang pertamanya *Kinabalu Park* dan juga *Gunung Mulu National Park* yang disenaraikan di dalam *World Heritage List*. Apakah dasar kementerian mengenai usaha untuk mengenal pasti tapak-tapak yang boleh menjadi warisan di UNESCO sebab kita nampak di India ada 26, di China sahaja ada 30 yang saya percaya akan bertambah lagi, dan Indonesia, kalau tidak silap saya, ada empat dan sebagainya, dan kita hanya ada dua sejak tahun 2000. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita dapat mengenal pasti termasuk mungkin Perak menjadi satu tapak dan itu satu cara untuk memelihara tapak-tapak warisan kita.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Sukacita saya memaklumkan iaitu Pulau Pinang dan Melaka sedang diteliti semula oleh pihak berkuasa kebudayaan di UNESCO dan kemungkinan pihak yang berkenaan itu akan memaklumkan semula kepada kerajaan kita kedudukan kedua-dua negeri ini berhubung secara spesifik kepada bangunan-bangunan dan juga artifak yang ada yang dapat kita lihat.

Ketiga ialah tentang Kraf Malaysia juga, telah kita kemukakan khususnya berhubung dengan kraf Orang Asli yang begitu hebat mendapat perhatian UNESCO. Tetapi sukacita saya memaklumkan juga bahawa kita tidak harus terus-menerus menerima apa yang UNESCO sebut atau tentukan sama sekali oleh kerana ada beberapa peruntukan di bawah penentuan UNESCO bahawa jika kita tidak dipenuhi maka kita akan mengalami kerugian. Jadi pihak kami di kementerian akan cuba meneliti terlebih dahulu syarat-syarat tambahan ini. Jika ia tidak membebankan atau merugikan, kita akan terima tetapi jika ia merugikan nanti kita akan cuba membuat

representasi atau perwakilan kepada mereka supaya mereka datang betul-betul melihat keadaan di tanah air.

Berhubung dengan penyelidikan tadi yang sempat saya huraikan, kita akan terus membukukan penyelidikan-penyelidikan yang mempunyai mutu menerusi pengertian akademik dan juga dari segi pengertian kebudayaan, kesenian dan warisan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Berhubung dengan cabaran-cabaran pada tahun-tahun yang mendatang, khususnya ketakutan yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, perasaan ini memang sama-sama kita layani iaitu pancaran dari satelit, hubungan menerusi internet ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: komputer dan sebagainya. *[Memberi isyarat tangan supaya menunggu sebentar]* Kita tidak dapat menyatakan secara khusus bahawa kita akan tangkis kesemuanya itu dalam sekali gus, tetapi jika Malaysia dan rakyat mempunyai cita rasa dan juga jati diri yang kental, kita akan dapat menahan budaya dan seni kita untuk dijadikan warisan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hutan merupakan satu warisan khazanah yang perlu dipelihara. Walaupun ada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha kementerian seperti yang dikatakan tadi, untuk memastikan supaya khazanah peninggalan penempatan Orang-orang Asli yang meninggalkan pelbagai budaya warisan yang begitu kaya yang semakin dicabar dan mungkin akan pupus oleh kerana penerokaan hutan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: dan bagaimana ini

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:.... hutan ini seperti di Pahang, di Cameron Highlands, di Bukit Larut, dapat dipelihara melalui kementerian, melalui sumber undang-undang.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih. Tuan Pengerusi, secara ringkas, saya bolehlah menjawab kesangsian itu, iaitu *national parks* ataupun tempat awam yang telah diwartakan sebagai taman, berada di bawah undang-undang khusus dan undang-undang itu dikawal selia oleh jabatan-jabatan lain. Namun, kementerian ini boleh menyuarakannya dalam perbincangan dan juga hubungan intra jabatan yang ada. Pandangan itu adalah pandangan membina – *Templer Park* misalnya, ataupun Taman Negara adalah terletak di bawah kawal selia yang berkenaan di samping tanggungjawab yang ada pada Jabatan Perhutanan masing-masing.

Tentang budi bahasa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, kekotorannya yang telah dapat kita lihat, cara-cara kita telah hakis dalam beberapa nilai, kementerian telah pun mengumumkan kempen “Budi Bahasa Dan Nilai-Nilai Murni” yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Januari. Ini bermakna kita akan berbalik ke pangkal jalan, mencari cara-cara dan jalan keluar bagaimana perlakuan yang kasar yang ada pada masyarakat dapat kita atasi dengan penggantian yang lemah lembut, tetapi ini seronok disebut tetapi untuk melaksanakannya cukup sukar. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran dan kementerian ini khususnya akan bekerjasama bagaimana untuk menjayakan kempen tersebut.

Dari layanan yang diberi oleh kaunter perkhidmatan sampailah kepada Pejabat Tanah dan juga kepada Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran dan lain-lain hinggalah ke kampung dan juga cara-cara kita menjawab telefon, cara kita melayani pelanggan dan sebagainya, termasuk di dalam kempen tersebut. Juga ini mungkin berbunyi lucu bahkan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat jua akan dijemput untuk menjayakan program ini di kawasan dan juga di negeri masing-masing.

Tentang pendidikan seni, ianya harus kita fahami menerusi konteks membudayakan seni dan merakyatkan seni. Kita terima hakikat bahawa setakat ini kebanyakan program seni dan budaya kita adalah tertumpu di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di Pulau Pinang dan di bandar-bandar besar. Mulai tahun hadapan, menerusi program-program meriwayatkan seni dan budaya, kita akan bawa program-program itu ke kampung-kampung baru, ke daerah-daerah. Tetapi di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan kesal kerana Jabatan Kebudayaan belum lagi wujud di daerah-daerah, ini akan kita sahut secara positif di dalam pelaksanaan

apabila JPA meluluskan program mewujudkan jabatan itu di peringkat negeri dahulu dan juga kemudian di daerah-daerah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah Yang Berhormat?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Boleh tahan Tuan Pengerusi sebab orang ramai ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkan kita habiskan soalan yang dikemukakan sebentar tadi semasa mereka berucap. Jadi kurangkan membenarkan penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Kalau Tuan Pengerusi kurangkan, saya boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang sukalah kalau Yang Berhormat boleh berbuat begitu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya faham sebab kita sudah lama suai kenal kesukaan Tuan Pengerusi, memang kita faham, insya-Allah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong pun seorang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, dia bagi kepada saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi dia?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: *[Menganggukkan kepala]*

Tuan Lim Kit Siang: Kawan lama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, kawan lama.

Tuan Lim Kit Siang: Kawan lama ini, dan saya tidak mahu cakap memuji, mengucapkan tahniah oleh kerana datang ke sini, patut datang sini, patutlah datang sini dan saya harap ini satu kelaziman biasa kepada semua menteri sebagai standard baru untuk datang sendiri *[Disampuk]* untuk jawab, bertanggungjawab mengenai kementerian masing-masing.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sangat baik, Saya harap inilah standard yang baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini mana satu butiran?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, itu satu standard yang baru, semua butiran ada, semua butiran, standard yang baru, semua menteri datang sendiri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata mengenai masalah pengotoran bahasa dan patut balik ke pangkal jalan, di mana satu kempen besar-besaran yang akan dilancarkan pada bulan Januari oleh Yang Amat Berhormat PM, adakah ini bererti kementerian Yang Berhormat sudah mengadakan satu senarai bahasa-bahasa atau perkataan-perkataan di mana sepatutnya diperbetulkan supaya boleh menjadi satu panduan kepada orang ramai?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Pembudayaan bahasa adalah tanggungjawab kementerian ini dan bahasa rojak yang disebut-sebut itu merupakan salah satu daripada pewarnaan yang negatif. Kementerian ini memang akan berusaha mencari jalan bagaimana Bahasa Kebangsaan kita tidak dicemari menerusi proses yang tidak diingini. Setakat itu dapat saya nyatakan dahulu oleh kerana program-program untuk memperhebatkan, memperkasakan bahasa kita sedang dijalankan antara kementerian ini dengan Dewan Bahasa dan Pustaka serta beberapa universiti tempatan dan kita akan umumkan nanti panduan-panduan yang boleh kita guna pakai semasa kita memperkayakan bahasa tersebut.

Tuan Pengerusi, izinkan saya secara ringkas ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Kinabatangan, terima kasih.

Tuan Jimmy Donald: Sri Aman dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, *[Ketawa]* Saya cuma hendak tanya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri tidak nampak Sri Aman, Sri Aman sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Oh, tidak nampak ya? Mungkin dia ada ilmu ghaib la, tidak nampak. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya cuma ingin menyatakan hasrat yang begitu senang hati sebab kementerian Yang Berhormat telah meminta JPA untuk pengwujudan jawatan-jawatan peringkat negeri dan pegawai di daerah-daerah. Jadi, saya harap daerah Kinabatangan tidak ketinggalan supaya diperuntukkan satu jawatan yang telah dirancang oleh Yang Berhormat Menteri. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menyuarakan hasrat beliau supaya sesuatu dilakukan kepada Penjara Pudu dari segi warisan. Oleh kerana UDA sudah pun melaksanakan transaksinya lebih awal lagi daripada berkuat kuasanya kuasa-kuasa di bawah kementerian ini, kita akan menyusul perkara ini, bagaimana misalnya artifak Pudu itu tidak hilang apabila pembangunannya berlaku. Salah satu daripada langkah-langkah yang dikemukakan ialah supaya sekurang-kurangnya satu sudut ataupun pintu gerbangnya dapat kita kekalkan untuk mengimbas kembali sejarah yang berkaitan dengan institusi incarceration, dengan izin yang telah masyhur itu.

Yang Berhormat bagi Lipis telah mengemukakan Dasar Kebudayaan.....

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kalau begitu..

Tuan Fong Kui Lun: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Akhir sekalilah, sebab Tuan Pengerusi sudah pandang serong kepada saya, lama sangat katanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Fong Kui Lun: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana Penjara Pudu adalah satu tapak bersejarah dan dibina pada tahun 1895, tapak itu boleh digantikan di banyak tempat seperti di Jalan Imbi ada 105 ekar tanah kosong iaitu bekas kuarters kerajaan. Saya hendak mencadangkan di sini bahawa tapak itu ditukar ke Jalan Imbi yang seluas 105 ekar iaitu bekas tapak rumah pegawai kerajaan digantikan dengan tapak penjara itu dan dipertahankan tapak ini menjadi suatu tapak yang bersejarah bagi negara. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Tetapi seperti yang saya maklumkan tadi, langkah yang tidak mengecewakan kita ialah untuk menentukan supaya imej di pintu gerbang itu tidak hilang dan kementerian akan cuba melambangkan sekurang-kurangnya seperti yang berada di London iaitu suatu lambang dinyatakan di situ tentang sejarah ringkas dan juga sejarah penempatan kepada jadual yang berkenaan dalam Pudu sejarahnya.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya menimbulkan tentang muzium di Sarawak dan salah satu daripada masalah yang ditimbulkan ialah pengurusan muzium serta katanya, bagaimana peningkatan dapat dilakukan dari segi exhibition ataupun persembahan.

Kita telah meminta Ketua Pengarah Muzium dan Jabatan Antikuiti, agar meningkatkan seni pemberagaan ataupun penentuan kepada orang ramai dari segi artifak dan juga kaedah perlampuan (lighting) yang ada serta kemudahan-kemudahan lain. Semoga dengan peningkatan bekalan-bekalan tersebut akan dapat diperlihatkan tingkatan di muzium ni lebih baik. Tetapi di samping itu satu seruan kepada anak-anak sekolah dan juga orang ramai ialah pentingnya bagi kita untuk melawat muzium kita sendiri terlebih dahulu dan dalam rangka kita bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, kita akan cuba dalam program melancong tempat sendiri untuk melibatkan lawatan ke muzium-muzium kita.

Yang Berhormat bagi Tebrau bertanya tentang masalah kepelbagaian budaya, katanya belum maksimum. Saya dan rakan-rakan di kementerian sentiasa menyatakan bahawa dasar kebudayaan kita bukan hanya *ethnocentric*, tetapi pelbagai kaum. Justeru kita sentiasa menentukan program-program yang boleh dijayakan secara bersama dan melibatkan pelbagai kaum. Sebagai contoh, kaum-kaum Cina di Melaka dan persejarahannya juga harus kita pameran semula untuk dimengertikan sebagai sumbangan sejarah tempatan dan juga penglibatan nation building atau bina bangsa seperti yang diperlukan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Budaya setiap kaum perlu juga kita pacu dan kaum-kaum India, Cina serta kaum-kaum bumiputera kita di Sabah dan Sarawak, penentuan dan juga persembahannya dari semua aspek seni dan budaya

akan kita susul supaya kita tidak ketinggalan dalam memperagakan apa yang tinggi nilainya dari segi ketiga-tiga aspek.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Pengerusi, jawapan kepada Lipis tergantung, tidak habis.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sebab hendak pergi, Yang Berhormat sudah berdiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila duduklah Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Jadi sekarang yang tergantung itu saya potong talinya supaya jatuh. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Lipis juga inginkan satu penjelasan berhubung dengan *living museum*. Katanya, lombong emas yang ada di Raub elok digembleng supaya imbasan yang lama itu dapat kita hidupkan semula. Hal ini perlu kami kaji semula oleh kerana di Sungai Lembing sudah sedia ada satu muzium dan muzium itu akan kita lihat dari segi lawatan yang dibuat atau ziarahan yang dibuat dan kedua, dari segi artifak yang perlu ditokok atau diperbaiki.

Selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Lipis juga menyatakan tentang tiadanya pelaksanaan yang sempurna di daerah-daerah berkaitan dengan program-program jabatan seperti katanya, pada satu ketika dahulu di mana kebudayaan, belia dan sukan disatukan. Hal ini telah saya jawab sedikit tadi, cuma kita perlu mengemukakan kepada pihak yang berkenaan di atas perlunya program-program pembinaan kebudayaan, seni dan warisan ini diperhebat di peringkat daerah. Tetapi tadi juga saya telah menyatakan bahawa merakyatkan seni budaya sedang berjalan dan sebagai contoh, pada 4 Disember, kita akan membawa seni ke pangkuan rakyat di kawasan Chini, di Pahang.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kudat mengemukakan dasar perhubungan antarabangsa....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya fikir sudah dijawab tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah dijawab.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tadi Yang Berhormat Menteri, tentang dasar kebudayaan tadi tiba-tiba tergantung.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Itu saya rangkulkan apabila saya merumuskan tentang Dasar Kebudayaan, Dasar Seni dan Dasar Warisan sebab ada enam pihak yang menyoal perkara tersebut dan saya bercadang untuk merangkumnya dalam satu reaksi kemudian.

Tuan Pengerusi, tentang persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat, sila perluaskan pembentukan dan juga peranan yang terkandung bagi negara kita yakni Malaysia; Sabah dan Sarawak dan untuk mempertimbangkan Rumah Tun Mustapha misalnya di Kota Kinabalu. Oleh kerana heritage atau warisan tidak tertera sebagai perkara khusus di bawah senarai bersama, melainkan hanya kebudayaan ataupun culture, maka kita akan berunding terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri Sabah dan mendapatkan pandangan mereka terhadap isu yang dikemukakan ini.

Tetapi sebagai reaksi yang spontan, pandangan ini adalah membina dan harus kita pertimbangkan dalam konteks sejarah dan juga sumbangan beliau itu kepada negara. Jerlun meminta supaya budaya di kampung tidak tercicir. Saya sekaligus balik seruan tadi supaya sekiranya ada amalan seni dan budaya di kampung-kampung yang tertinggal yang harus kita belai bersama dan majukan senarai ini boleh kita kemukakan dan jayakan kemudian. Tentang gelanggang dan teratak atau anjung seri yang boleh kita bina, ini adalah kos yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi jika kita buat sambutan bahawa setiap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: daerah harus kita bina satu gelanggang atau satu teratak. Buat permulaan kita akan selesaikan terlebih dahulu teratak besar di negeri masing-masing sebelum kita pergi ke kawasan-kawasan lain tetapi sekiranya kos sesuatu itu tidak begitu tinggi kita akan cuba melihat dari segi keperluan sesuatu daerah yang besar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan rumah di Kedah, saya tidak tahu sama ada kementerian telah ambil ingatan atau tidak, rumah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj di Jalan Putera, di situlah juga perbincangan penamatan konfrontasi tetapi rumah itu sekarang ini agak ketinggalan begitu sahaja, jadi saya menyarankan bahawa kementerian mengambil satu inisiatif kerana Almarhum adalah bapa kemerdekaan dan

itulah satu-satunya warisan yang ditinggalkan oleh Almarhum bahkan dia tidak ada harta habis kerana perjuangan.

Yang kedua Datuk, saya minta Datuk kaji balik Gunung Jerai. Fasal perkataan Malaya, "malai" itu adalah perkataan India dan di situ tersebutnya "malai" apabila pedagang-pedagang India nampak Gunung Jerai itu, jadi ada signifikan dia Dato' Menteri, kalau boleh dikaji balik supaya Gunung Jerai jadi satu tarikan, Yang Berhormat Kepong boleh pergi dan semua orang boleh pergi tengok, ini betul bukan saya hendak bohong, tidak. Ini perkataan yang disebut oleh orang India, barang kali Yang Berhormat Cameron Highlands...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Pengerusi, pandangan itu saya fikir membina tetapi rumah Tunku itu sebenarnya dalam proses kita untuk baik pulih dan apabila siap kita akan jemput pembesar-pembesar negeri turut bersama khususnya Duli Yang Maha Mulia Sultan. Tentang Gunung Jerai, insya-Allah, kita akan lakukan pemeriksaan dan penelitian dari segi sejarah sama ada istilah yang disebut itu kena ataupun sebaliknya dan saya mencatatnya untuk tindakan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya secara ringkas juga untuk memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Pasir Puteh, dasar kebudayaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Kepong duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Gunung Jerai jual 1,200 meter sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah jawab. Jadi Yang Berhormat tidak bersetujulah?

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat, ini penjelasan, Tuan Pengerusi dengan ringkas sahaja. Adakah Yang Berhormat akan mengkaji kerana Yang Berhormat Jerai ini, di dalam Bujang Valley itu banyak lebih kurang 50 buah kuil Hindu di situ sejak abad ke enam lagi dan pihak Jerai tidak begitu seronoklah dengan itu *relic* Hindu. Kalau kita memperhatikan ucapan dia, memanglah tidak begitu kosmopolitan. Kita berharaplah Yang Berhormat dapat perhatian mengenai Jerai.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Insya-Allah. Terima kasih. Pandangan Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang menyuarakan tentang perasaan beliau berkaitan dasar kebudayaan dan juga pembangunan kebudayaan dan seni amat dihargai, insya Allah, kementerian ini walaupun baru dari segi nama tetapi budaya sebenarnya sudah amat usang begitu juga seni dan warisan. Apa yang tertinggal sekarang ialah penguatkuasaan di bawah satu undang-undang yang komprehensif berkaitan dengan undang-undang warisan. Undang-undang ini adalah dalam proses kita mengemaskan untuk pindaan yang menyeluruh dan kita hanya akan ada satu undang-undang berkaitan dengan preservasi artifak budaya, artifak seni yang tergolong bukan sahaja dalam warisan yang tampak tetapi juga warisan yang tidak tampak atau *intangible heritage*. Setakat ini yang telah dilakukan oleh kementerian dan dengan panduan dari pelbagai pihak ialah kita akan memaklumkan cadangan-cadangan pindaan yang berkenaan tetapi secara am bolehlah saya sebut iaitu Akta ini akan mengandungi kuasa-kuasa bersama dengan negeri oleh sebab warisan merupakan perkara yang sama-sama ditadbir oleh Persekutuan dan Negeri.

Kedua, menentukan senarai apa yang dianggap sebagai warisan di tempat-tempat serta di negeri-negeri tertentu. Mengadakan dananya yang diwajibkan di bawah undang-undang dan seterusnya untuk menokok ataupun mengeluarkan daripada senarai-senarai tertentu warisan-warisan yang asas yang perlu diteruskan atau sebaliknya. Selain itu artifak bawah laut dan juga artifak alam sekitar juga akan dimasukkan ke dalamnya. Mereka yang memunahkan atau memusnahkan artifak-artifak warisan, juga akan terkandung di dalam peruntukan-peruntukan tersebut.

Yang Berhormat Pasir Puteh berkata *money is nothing*, dengan izin. Sebenarnya *money is everything* kepada kementerian. Jadi lagi banyak peruntukan kita perolehi lagilah meluas peluang yang boleh kita sebarkan untuk rakyat jelata.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam di atas pandangan-pandangan beliau dan kesangsiannya bilakah pegawai kebudayaan itu untuk diuruskan telah pun saya jawab sebentar tadi. Tentang *research* atau penyelidikan budaya dan di atas salah takrif cerita tentang Sabak Bernam dari Sahabat Berenam kepada Tapak Berendam, ini juga adalah sesuatu yang berlaku di kawasan-kawasan lain. Sayangnya banyak kisah dan cerita asal usul daerah kita dibuat oleh Inggeris dan banyak tersimpan di *Public Record Office* di Surrey, London dan saya sendiri ada melihat beberapa pensejarahan khususnya tentang Kuala Lumpur, Kuala Selangor dan

tempat-tempat di Negeri Sembilan serta di merata kawasan unggul yang dahulunya diduduki oleh orang Inggeris.

Saya telah memberi pandangan kepada pihak-pihak berkenaan supaya dokumen-dokumen yang ada di sana dapat kita salin dan menokok tambah kepada pensejarahan di tanah air dan Persatuan Sejarah Malaysia juga akan kita bawa untuk menentukan kesahihan sesuatu penyelidikan tersebut.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini penyelidikan di negeri-negeri juga akan kita perhebatkan dari segi asal usul sesuatu peristiwa perjuangan, tempat dan juga seni dan kebudayaan yang kita amalkan. Dari Pensiangan, berhubung dengan ASK, teguran ahli Yang Berhormat saya akan cuba atasi malah sebahagian daripadanya ada jawapan pada saya petang ini iaitu untuk menggabungkan lagi tenaga pengajar di ASK iaitu Akademik Seni Kebangsaan melahirkan seniman-seniman dan budayawan kita akan datang, latihan pelbagai bentuk dan juga rangsangan untuk pelatih-pelatih dan kita akan wujudkan Skim Pengiktirafan Akreditasi kepada ASK agar ia menjadi sumber kepada latihan seni budaya di tanah air yang boleh kita banggakan. Sekali lagi saya menyatakan penglibatan pelbagai kaum dalam urusan ini akan kita pastikan supaya pembentukan budaya Malaysia itu dapat kita rangkul aspirasi dalam pembinaan bangsa seperti yang disebut selalu oleh para pemimpin dan kita di Dewan ini.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah kuarir tentang impak budaya luar dan amalan tradisi yang berkurangan serta apa yang telah kita nyatakan sebagai import budaya setakat ini. Kementerian tidak ada jawapan kepada semua ini tetapi balik kepada asas perkiraan jika orang Malaysia atau warga Malaysia sendiri tahu jati dirinya, mereka tidak akan begitu mudah untuk menerima nilai-nilai curang seperti yang telah diduga itu.

Arkib Negara akan terus memainkan peranan dan salah satu daripadanya ialah untuk mengadakan rundingan dengan pihak Muzium Perjuangan Demokrasi Malaysia dan insya-Allah pihak Parlimen Malaysia akan kita rundingi sebelum pameran ini dapat kita laksanakan.

Ada tiga lagi, Tuan Pengerusi, setelah itu saya akan rangkul kesemua untuk penghujung kesimpulannya.

Yang Berhormat bagi Putatan bangkit tentang tokoh-tokoh penting tadi, kita akan melaksanakan mengikut keperluan dan juga persetujuan Kerajaan Negeri Sabah

tetapi walaupun Sabah saya sebut, Sarawak pun termasuk dan negeri-negeri lain pun sedemikian juga.

Tentang Arkib Negara, kosnya ialah RM25 juta bagi Sabah dan bangunan ini telah menelan belanja sebanyak sedemikian dan setakat ini RM15.6 juta sudah pun dibayar. Insya-Allah ia akan siap mengikut tempoh dan ia akan memberi satu sumber yang besar kepada negeri Sabah sendiri.

Yang Berhormat bagi Ledang menyatakan bahawa nilai-nilai filem sekarang dalam keadaan tandat tanya dan nilai-nilai filem semasa harus dipertingkatkan. Sebahagian daripada persoalan ini telah sempat saya jawab cuma dalam menyimpulkan soal dasar, Dasar Filem Nasional atau Dasar Filem Negara akan kita bentangkan ke Kabinet tidak berapa lama lagi dengan mengambil kira semua masalah yang timbul. Tetapi pada masa ini tabung pembikinan atau pengeluaran filem telah pun disediakan dan tabung ini bukannya dipantau atau ditentukan hanya oleh FINAS, tetapi ia adalah diurus oleh sebuah bank tempatan dan bank itu akan berurusan dengan dana itu secara yang profesional dan mereka yang tidak mematuhi syarat, mereka terpaksa mengatasinya mengikut penentuan yang dibuat oleh bank tersebut.

Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanjong di atas pandangan-pandangan mengenai *living heritage*, dengan izin, dan juga kuasa-kuasa yang beliau nyatakan perlu ada pada undang-undang yang sedang ditaja dan dirumuskan oleh kementerian ini. Saya sendiri akan melihat dengan nyata dan jelas apa yang harus kita laksanakan di bawah akta ini supaya kita tidak lagi banyak kali mengungkai dan meminda selain itu kemudiannya merasakan dukacita. Kami juga akan meneliti peruntukan-peruntukan yang diwajibkan oleh UNESCO supaya hajat kita, Malaysia, terserlah sebagai artifak warisan menjadi akhirnya.

Tentang pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang baru sekali dikemukakan tadi, saya menghargai pandangan-pandangan beliau tetapi beliau pun harus menyatakan dan menerima iaitu cetusan budaya adalah cetusan nurani manusia. Setiap yang indah dan yang bernilai dalam kehidupan harus kita hargai.

Bagi negeri Kelantan sendiri, amalan-amalan budaya seni dan warisan yang terlalu banyak di sana ada yang sudah pupus. Misalnya perusahaan perak dan perusahaan tembaga sudah menghilang. Kebolehan orang Melayu misalnya di Terengganu membina kapal layar terhad sekarang tetapi pada suatu ketika dahulu sangat masyhur dan meluas penjualan serta pasarannya.

Kementerian akan cuba membina dalam soal tersebut dan saya percaya jika wayang kulit sesuai dengan aliran kehendak warga kampung kita, kita hidupkan semula dan saya meyakini bahawa kementerian ini sekali-kali tidak mahu melakukan sesuatu yang sama ada babil ataupun yang tidak boleh kita laksanakan di sisi undang-undang.

Dengan itu saya mengumpulkan perasaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memainkan peranan memberi teguran kepada kami di kementerian ini. Oleh kerana sebagai kementerian yang belum setahun jagung, izinkan kami setahun dahulu tetapi program-program ini kami akan laksanakan mengikut keperluan kita sebagai membina negara kita. Kebudayaan kesenian harus menjadi daya dorong kepada kita. Ianya merupakan *psyche* membina kepada kita dan kita akan berilah tumpuan ini dan dengan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah kita akan berjaya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM234,923,200 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM234,923,200 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM102,941,200 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM102,941,200 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

Maksud B.45 [Jadual]**Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2005]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ledang, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya menghabiskan

Cik Fong Po Kuan: Aturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Aturan Mesyuarat.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, kami semua ahli dalam Dewan hendak tahu mengapa Menteri tidak hadir. Adakah Menteri ada minta MC atau Cuti Sakit sebab sebelum ini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah hadir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan hadir – bajet setahun sekali sahaja tetapi mengapa menteri tidak hadir. Kami pohon satu penjelasan. Kalau kita hendak jadikan *first world parliament*, menteri mesti hadir

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia Dan Sukan [Kota Raja]: *[Bangun]*
[Mengetuk pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: mengambil serius terhadap perbahasan dan lebih-lebih lagi ini ialah perbahasan bajet yang minta RM335 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Cik Fong Po Kuan: Ini pertama kali.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: bahawa menteri yang baru ini, Menteri Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bangun kerana Peraturan Mesyuarat.

Cik Fong Po Kuan: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, saya boleh terima..

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon satu penjelasan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Cik Fong Po Kuan: lain kali mana-mana menteri tidak hadir saya haraplah semua ahli boleh dimaklumkan sebab.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Peraturan Mesyuarat. Cukup. Cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: mengapa menteri tidak hadir. Apa urusan lagi penting daripada perbahasan bajet dalam Parlimen ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri tidak ada, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ada.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan berada di Singapura. Oleh itu beliau tidak dapat bersama. Ini adalah atas arahan kerajaan. Jadi di bawah Akta Fungsi Menteri, kita dapat melaksanakan tugas dengan perwakilan. Harap Ahli Yang Berhormat tidak berasa kecil hati di atas ketidakadaan beliau di Dewan yang mulia ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Tak apa, nanti kalau ada.....

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, ini notis telah diberi panjang. Sekurang-kurangnya Ahli di dalam Dewan diberitahu apa urusan di Singapura yang lagi penting daripada urusan di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat. Saya yakin nanti Setiausaha

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen akan memaklumkanlah, yang bertanggungjawab.

Cik Fong Po Kuan: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Baiklah Yang Berhormat bagi Ledang, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya menjurus kepada butiran, cuma saya hendak bertanya Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi dan saya tidak ke Johor Bahru hari ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hal Johor Bahru?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sebab ada jemputan daripada Kementerian Belia dan Sukan tentang taklimat pembangunan Pusat Komuniti Sukan di Johor Baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah itu berkaitan dengan butiran yang kita bangkitkan sekarang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Disampuk]* Tuan Pengerusi, saya mintalah supaya lain kali kalau dapat jemputan janganlah waktu semasa sidang Parlimen. Kalau tidak nanti semua MP daripada Johor tidak hadir pada hari ini. Sekian, terima kasih. Kalau boleh minta menteri yang berkaitan Parlimen pun hadir.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi pun tidak hadirkah? Tuan Pengerusi daripada Johor juga. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tentang apa? Apa taklimat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya ingat ada taklimat kementerian tentang Pusat Kementerian Sukan di Johor, semua Ahli Parlimen dijemput. Tuan Pengerusi pun daripada Johor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat cuba hendak katakan Yang Berhormat Menteri tidak dapat datang hari ini kerana ada taklimat di Johor Bahru.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, fasal kita ada Parlimen, Yang Berhormat Menteri panggil semua Ahli Parlimen di Johor pula, macam mana itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta cukuplah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan S. Vigneswaran]: Tuan Pengerusi.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Cukuplah. Teruskan Yang Berhormat bagi Ledang berucap. Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, Butiran P.00600 – Kompleks Sukan dan Stadium Negeri.

Tuan Pengerusi, saya pernah membangkitkan tentang pembangunan ataupun penyelenggaraan kompleks sukan terutamanya mengenai stadium di negeri-negeri. Saya ingin mengambil contoh Stadium Muar dalam daerah Muar. Stadium Muar terpaksa memberi perkhidmatan kepada empat kawasan Parlimen iaitu Parlimen Bakri, Parlimen Ledang, Parlimen Pagoh dan juga Parlimen Muar itu sendiri, tetapi sehingga sekarang, Parlimen Muar masih lagi dalam keadaan uzur seperti projek gajah putih. Walaupun ada jawapan daripada Kementerian Belia dan Sukan mengatakan bahawa stadium tersebut adalah di bawah pentadbiran kerajaan negeri tetapi seperti yang pernah saya beritahu ialah stadium tersebut perlukan pembelaan daripada Kementerian Belia dan Sukan di mana Kementerian Belia dan Sukan boleh menyalurkan peruntukan kepada stadium tersebut untuk dinaikkan taraf supaya *track* boleh digunakan semula dan permainan bola sepak boleh dipertingkatkan dengan keadaan yang lebih baik supaya sukan di daerah tersebut meningkat hari demi hari.

Saya percaya suasana yang sama yang saya sebutkan di sini juga berlaku di tempat-tempat lain seperti di negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan sebagainya. Ini bermakna Kementerian Belia dan Sukan harus menumpukan kepada perkara-perkara pembelaan – saya sebutkan di sini pembelaan kepada stadium-stadium di tempat-tempat lain yang lebih memerlukan dibela untuk mencungkil lebih ramai bakat-bakat yang terpendam di tempat-tempat lain.

Begitu juga dengan padang di mukim-mukim dan juga di kampung-kampung perlu juga diberi perhatian walaupun padang-padang tersebut mungkin pada anggapan mereka di bawah kerajaan negeri ataupun di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) tetapi sekiranya Kementerian Belia dan Sukan ada objektif untuk membangunkan atau mencungkil bakat-bakar baru, saya yakin, sekiranya ada pembelaan tersebut bakat-bakat baru daripada kampung-kampung, desa-desa dan mukim-mukim dapat dicungkil seberapa ramai supaya mutu sukan yang kita terima pada hari ini tidaklah pada satu tahap yang sangat – hendak sebut pun tidak sanggup, Tuan Pengerusi, sangat memalukan kerana kita gagal dan kita tidak mampu meraih pingat-pingat ataupun tempat-tempat yang baik dalam kejohanan-kejohanan yang penting, olahraga, bola sepak dan badminton. Dalam sukan Takraw yang dahulu kita pelopori pun telah diambil alih oleh negeri Siam ataupun negeri Thailand.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut pun sudah jeling saya. Dia pun bersetuju dengan saya, saya yakin. Dahulu dia pernah menjadi orang kuat bola sepak. Saya

yakin beliau pun merasa serba salah dengan mutu bola sepak dalam negara. Ini bermaknanya mesti ada satu usaha yang bersungguh-sungguh dari segi infrastruktur kemudahan sukan di peringkat bawah, di peringkat akar umbi supaya bakat-bakat baru dapat dibangunkan.

Perkara kedua ialah P 0 ...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ha, bolehlah. Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpujanglah kepada Yang Berhormat. 10 minit, baiklah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ha, silakan. 1 minit.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ledang. Saya berminat tadi mengenai di antara belia dan sukan. Memang tidak dinafikan bahawa 100% sukan yang memerlukan tenaga dan kudrat adalah di sumbang oleh golongan belia iaitu golongan yang di bawah umur 40 tahun bagi negara kita. Adakah Yang Berhormat bagi Ledang bersetuju bahawa penumpuan yang keterlaluan diberikan kepada sukan tidak seimbang dengan penumpuan yang diberikan kepada belia telah menyebabkan sukan kita tidak bermaya kerana pada saya, jika kita berikan tumpuan yang aktif kepada belia, maka belia tadi yang terlibat di dalam sukan akan memberikan satu produk ataupun satu tenaga yang begitu tinggi di bahagian sukan akan menyebabkan sukan di negara kita ini menjadi lebih cemerlang. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Bersetuju sangat Tuan Pengerusi, kerana saya lihat dalam Maksud Bekalan dan Pembangunan 45 tadi, perkara-perkara tersebut malahan sukan H20, Formula One, lumba bot dan termasuklah sukan bermotor tidak termasuk dalam tajuk objektif, tajuk pelanggan ataupun tajuk strategi Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Akhirnya, Tuan Pengerusi sedikit sahaja, tajuk P.01200. Di sini anggaran tahun 2005 ialah RM0. Saya rasa tidaklah perlu dibangkitkan atau dimasukkan ke dalam bajet. Sekian, saya menyokong.

4.26 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga terpanggil untuk sama-sama membincangkan B.45, Kementerian

Belia dan Sukan di bawah Butiran 020000, 020200 dan 020400. Sebelum itu saya tidak nampak langsung pegawai-pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan *[Disampuk]* kerana Parlimen ini penting. Kalau Parlimen ini tidak penting Ahli-ahli Parlimen ini bagaimana? Adakah Ahli Parlimen ini tidak berguna? Bagaimana Tuan Pengerusi? Bersetujukah Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan melibatkan sayalah. Teruskan sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak bertanya Tuan Pengerusi sebab kita membincangkan hendak meluluskan belanjawan termasuklah soal gaji, kenaikan pangkat dan sebagainya. Jadi, saya minta, saya merayulah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebab saya sendiri pun hendak menyarankan beberapa perkara untuk kebaikan kita semua tetapi pegawai-pegawai kerajaan yang lain saya minta tidak usah dengarlah pembangkang ini, kerjanya memang membangkang. Tidak ada satu pun yang baik.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Biarlah dia memekik. Pertama sekali saya hendak mengucapkan tahniahlah kepada sahabat saya daripada Kedah dan Perlis terutamanya Perlis yang telah mencipta sejarah selepas 81 tahun, Tuan Pengerusi, memasuki perlawanan akhir Piala Malaysia. 81 tahun! Sabarnya orang Perlis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya? Ya? Bangunlah, kalau hendak bertanya janganlah duduk. Nanti kalau saya bagi bahasa-bahasa yang tidak diperkenankan, marah! Bangun, minta izin.

Jadi mudah-mudahan perkembangan sukan kita ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kawan, kawan baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kawan, kawan. Bagi Jalan. Soalan, soalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya? Hendak bertanya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ha, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak bertanya apa? Saya pun belum bercakap apa lagi. Belum. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Satu sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, inilah Pas. Inilah pembangkang yang tidak tahu hujung pangkal sudah bangun hendak bertanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak benarkan katakan tidak benarkan. Teruskan ucapan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat sudah sebut tadi, tentang pegawai kerajaan tadi. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan, inilah kelemahan Barisan Nasional sekarang ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, tengok, tengok, belum baca lagi sudah marah. Nampak? Ha, Hari Raya yang baik ini, Yang Berhormat hendak bertanya tanyalah baik-baik. Sahabat, apa salahnya. Saya bagi. Bukan? Tidak ada masalah tetapi jangan ajak saya pergi ke Golok sudahlah. Sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan seolah-olah marah kepada kakitangan pegawai kerajaan yang kadangkala tidak hadir di Parlimen ini. Sebenarnya adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan, inilah kelemahan Kerajaan Barisan Nasional sekarang terutama sekali kelemahan Menterinya sendiri sehinggakan pegawainya sendirinya tidak hormat kepada Menteri.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, Astaghfirullah halazim, Yang Berhormat. Saya tidak marah, saya merayu minta kerjasama, sokongan.

Batu Gajah tolong diam sedikit, Batu Gajah. Ha, Batu Gajah sepatutnya tunjuk satu contoh yang baik. Saya tidak kata.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Batu Gajah....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jerai, sekejap Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Di akhirat, di akhirat kelak ...*[Ketawa]* **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, saya mintalah sahabat saya daripada pembangkang, saya tidak marah, bukan. Saya cuma hendak bercakap beberapa perkara supaya mendapat perhatian yang lebih serius terutama sekali soal perkembangan sukan negara kita pada hari ini di mana soal prestasi atlet – ahli sukan yang sejak akhir-akhir ini.....

Dato' Ghazali bin Ibrahim : *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Kedah, Kedah, Kedah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, sila. Ini Kedah, ya?
Sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Larut kerana memberi tahniah kepada Kedah dan Perlis kerana menang di dalam bola sepak. Bolehkah pihak FAM ataupun kementerian untuk menghormati Kedah dan Perlis, kita buat perlawanan bola sepak akhir di Batu Kawan tempat berkecuali sedikit untuk memberi Kedah, Perlis, Perak dan Penang dapat melihat perlawanan bola sepak peringkat akhir? Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersetuju tidak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, itu pandangan yang baik. Tetapi mungkin persatuan akan berbincang dengan kedua-dua pihak iaitu Perlis dan Kedah, di manakah gelanggang yang terbaik tetapi saya rasa kalau buat di Bukit Jalil lagi baik sebab itu stadium nasional yang boleh memuatkan hampir 100,000 orang. Jadi, saya rasa tunggulah keputusan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Jerai, sekejap Yang Berhormat. Kalau tidak saya tidak masuk lagi ini. Tiba-tiba habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dah masuk tidak boleh sudah, ini sebelum masuk ini, hendak tanya ini. *[Ketawa]*. Penjelasan Yang Berhormat. Saya tahniahlah orang bola yang terkenal. Jadi, kerana Kedah dan Perlis diisytiharkan akan masuk ke *final*, adakah Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen dan sebagai

Backbencher yang kuat untuk memastikan Ahli-ahli Parlimen ini diberi tiket percuma [*Ketawa*] untuk melihat bola. Ini kita hendak tengok kepimpinan, kewibawaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ketelusan Yang Berhormat sebagai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau untuk Yang Berhormat bagi Jerai, bolehlah, tidak ada masalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini masuk minit, ini, masuk minit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi, kalau untuk yang lain itu mungkin Kedah dan Perlis boleh berundinglah, kerana kita beri hak kepada Kedah dan Perlis tentang pengagihan tiket. Oleh kerana ia ditimbulkan sepatutnya saya tidak bercakap perkara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertama sekali saya hendak menyentuh tentang keadaan atlet yang perlu diberikan perhatian tentang masa depan mereka. Masalahnya ialah kadang-kadang atlet bimbang dengan masalah depan mereka, soal ganjaran. Cuma mereka perolehi sewaktu mereka berkhidmat, tetapi selepas berkhidmat mereka ini kadang-kadang contoh saya bagi apabila mereka mengalami kecederaan dan sudah tentu tidak boleh meneruskan karier masing-masing.

Oleh itu saya lihat sudah tiba masanya pihak Kementerian Belia dan Sukan atau Majlis Sukan Negara terutamanya memikirkan apakah kaedah yang terbaik supaya dapat satu skim, satu rancangan bagi atlet yang mengalami masalah apabila mereka cedera tidak dapat meneruskan karier masing-masing.

Saya suka mencadangkan supaya diwujudkan satu insurans sukan bagi setiap atlet sama ada mewakili negara di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat sekolah ataupun mana-mana kejohanan yang membabitkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat hendak tanya fasal apa ini? Saya bukan sebut fasal bola sepak, saya sebut atlet.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Gulung, gulung.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya tahu Yang Berhormat ini orang yang popular dalam arena bola sepak. Tadi, Yang Berhormat ada kata ganjaran, saya bagi satu senario. Mutu ataupun persembahan bola sepak negara kita ini semasa zaman Allahyarham Mokhtar Dahari.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya,ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Dan sebagainya, masa itu kita boleh *bit* dan sebagainya *anytime* dengan izin, tetapi sekarang ini kita ada semi pro dan profesional dan ganjaran yang bertambah dan sebagainya, mengapa mutu persembahan bola sepak negara ini masih merosot hari demi hari dan saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak tahu berapa kali Yang Berhormat turun melihat perlawanan bola sepak di stadium. Tetapi saya boleh jelaskan di sini bahawa industri bola sepak kita tidak semestinya dilihat apabila pasukan kebangsaan kita merosot, tidak ada pendapatan, satu dari sudut bekerja oleh pemain-pemain bola sepak pada hari ini. Kerana kalau Yang Berhormat lihat adanya Liga bola sepak pada hari ini begitu ramai pemain-pemain bola sepak yang telah memperolehi pendapatan yang tetap setiap bulan sebagai pemain profesional.

Ada negara-negara yang pasukan kebangsaan mereka begitu baik tetapi dari segi liga mereka, pemain-pemain mereka tidak boleh mendapat mata pencarian dalam negara tersebut, mereka terpaksa keluar ke negara lain umpamanya pemain-pemain Brazil, mereka terpaksa bergantung kepada liga di Italy, di Spain, di liga Inggeris dan sebagainya kerana di negara mereka, mereka tidak boleh mendapat satu mata pencarian yang secukupnya bahkan pernah berlaku dalam liga bola sepak di Argentina di mana ada kelab-kelab yang tidak dapat membiayai bayaran gaji dengan kelab-kelab mereka.

Jadi, kita mesti lihat walaupun kita akui bahawa prestasi pasukan kebangsaan kita agak merosot sebagaimana Yang Berhormat telah bandingkan, tetapi kita jangan lupa, pendapatan pemain-pemain kita sebagai pemain profesional berjalan terus.

Walaupun pada masa ini kita juga menghadapi masalah di mana penaja-penaja utama seperti Dunhill yang tidak akan dapat meneruskan memberi sumbangan

besar RM30 juta, RM40 juta setahun kepada Persatuan BolasepakMalaysia untuk meneruskan industri bola sepak kita. Jadi, yang ini kita boleh sembang di luar Yang Berhormat. Panjang ceritanya Yang Berhormat.

Saya seterusnya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang usaha menubuhkan Jawatankuasa Kabinet berhubung dengan sukan, apakah perkembangan selepas penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan ini kerana membabitkan boleh dikatakan semua kementerian yang ada dalam negara kita ini. Kemudian saya juga ingin melihat sejauh mana lawatan Yang Berhormat Menteri yang telah pergi ke Australia untuk meninjau pusat sukan di sana. Saya melihat kenapa tidak rombongan ataupun pegawai-pegawai kementerian inikutur juga melihat kemajuan negara-negara miskin, negara-negara yang tidak maju seperti Afrika yang telah berjaya, banyak negara tersebut yang berjaya sampai ke peringkat Olimpik, mesti ada sesuatu yang telah mereka lakukan untuk membawa kejayaan kepada mereka ini. Tadi, saya telah sebut tentang masalah kecederaan atlet dan juga ahli sukan yang lain, saya ingin ketengahkan perkara ini kerana saya bimbang atlet-atlet yang tidak meneruskan karier mereka kerana tidak ada satu insurans sukan bagi masa depan mereka dan saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengkaji perkara ini menimbang sehalus-halusnya tentang formula itu terserahlah kepada pihak kementerian untuk menjalankannya, kerana ini penting sudah tiba masanya kerana ada atlet dan ahli sukan apabila mereka tidak dapat meneruskan karier mereka, tidak ada orang yang hendak membiayai kos mereka untuk menjalani rawatan terutamanya di pusat-pusat rawatan swasta ataupun pakar swasta dengan kos yang begitu tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Gulung, gulung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oleh itu saya berharap dengan adanya skim ini setidaknya-tidaknya satu jaminan akan diberikan kepada para atlet kita dan ini sudah tentu ia akan menarik sebagai satu insentif pada mereka untuk terus berkhidmat dengan negara dan saya melihat supaya masalah atlet kita ini dengan pendekatan yang diperkenalkan oleh kementerian mestilah menjurus kepada tempoh *time frame*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Untuk meyakinkan masa depan atau juga rancangan-rancangan yang telah dan sedang dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya sudah banyak yang hendak saya sebutkan tadi, tetapi oleh kerana rakan-rakan tadi mencelah, insurans sukan ini amat penting supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan, saya harap tadi Yang Berhormat Menteri ada. Perkara ini kalau boleh dikaji sehalus-halusnya sebagai satu pendekatan, insentif untuk meyakinkan para atlet kita bagi meneruskan kesungguhan mereka mengembalikan balik imej martabat atlet kita di masa yang akan datang.

Akhir sekali saya berharap juga Kementerian Belia dan Sukan melihat apakah sudah tiba masanya Kementerian Belia dan Sukan ini dipisahkan, makna ada satu Kementerian Sukan sahaja dan satu Kementerian Belia, kerana saya lihat kadar penagihan dadah di kalangan belia-belia semakin meningkat. Oleh sebab itu kita juga mesti beri tumpuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pendekatan.

Seorang Ahli: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ke atas program-program belia dalam mengatasi masalah gejala sosial ini terutama masalah dadah.

Seorang Ahli: Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

4.38 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberikan saya keizinan untuk turut serta di dalam perbahasan berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya akan bercakap tentang Butiran 020300 - Penyelarasan Pembangunan Belia dan 020400 – Penyelarasan Rakan Muda....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Point of order, sekejap. Point of order Tuan Pengerusi, bolehkah kita bagi peluang kepada wakil-wakil rakyat yang belum bercakap dalam jawatankuasa yang sebentar tadi, yang sudah bercakap tadi bagi yang lain dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu terpulang kepada pengerusilah Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Kinabatangan. Yang tadi pun saya tidak bercakap. Jadi saya sengaja menunggu ruang untuk saya bercakap di dalam Kementerian Belia dan Sukan ini. Tuan Pengerusi. Kita dapati hari ini sahaja, satu soalan berkaitan dengan pembangunan belia telah pun dibangkitkan. Kita mendapati bahawa antara perkara yang menarik perhatian kita adalah berkenaan dengan umur belia.

Di dalam takrif Kementerian Belia kita, kaum belia di negara kita adalah berumur di antara 15 hingga 40 tahun. tetapi adakah sebenarnya hakikat pertubuhan-pertubuhan belia kita pada hari ini dipimpin oleh mereka yang di bawah umur 40 tahun? Tuan Pengerusi, kita bercakap tentang akta pertubuhan belia yang baru. Saya dengar tentang penggubalan akta ini telah 5 hingga ke 6 tahun, tetapi apakah keputusannya hingga ke hari ini? Ataupun ia hanya sekadar retorik sahaja? Marilah bersama-sama kita buktikan bahawa untuk kita memastikan yang belia kita pada hari ini boleh bersama-sama mewarisi keamanan ketenteraman negara pada hari ini di masa hadapan jika kita masih lagi mempunyai pemimpin-pemimpin belia yang telah separuh abad umur mereka yang tidak lagi mempunyai naluri-naluri belia, bagaimanakah kita inginkan negara kita ini mempunyai pelapis pemimpin yang bakal mewarisi negara di masa akan datang? Saranan saya kepada pihak kementerian, marilah kita bersama-sama melihat perkara ini. Kajian yang terperinci haruslah dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk melihat berapa banyakkah pertubuhan-pertubuhan belia hari ini yang dipimpin oleh mereka yang telahpun berumur melebihi 40 tahun.

Untuk makluman pihak kementerian, jika kita pergi ke negara luar kita akan mendapati bahawa pertubuhan belia di negara luar bukan lagi bercakap tentang pemimpin yang di bawah umur 40 tahun. Mereka telah satu langkah di hadapan kita ataupun mungkin beberapa langkah di hadapan kita kerana pemimpin pertubuhan belia di negara luar sekarang ini berumur kurang daripada 25 tahun. Jadi di manakah kedudukan kita di dalam erti kata memperkasakan belia kita pada hari ini? Harapan saya agar pihak kementerian memerhati dengan lebih dekat perkara ini, cepat-cepatlah gubal akta tersebut supaya boleh diperbincangkan di peringkat Dewan Rakyat ini untuk kita sama-sama merasa yakin tentang kepimpinan negara di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, kita juga sedar bahawa pada awal tahun 80-an, di mana kita mula mengenal pusat serenti. Pada ketika itu kita cuma ada 3 pusat serenti dan hari

ini, dalam jangka masa 2 dekad kita telah ada 48 pusat serenti. Dari 48 pusat serenti ini, kita dapati 95% daripada penghuni-penghuninya adalah dari golongan belia dan remaja. Dalam lain-lain perkataan 95% daripada penghuni-penghuni pusat serenti ini adalah mereka dari golongan belia bawah umur 40 tahun.

Apakah peranan kementerian memandangkan mereka ini adalah daripada golongan-golongan belia dan remaja? Adakah mereka ini dibiarkan? Adakah kerana sikap kementerian kepada golongan-golongan penghuni pusat serenti yang telah *graduate* ataupun telah habis tahanan mereka membiarkan mereka ini tidak mempunyai sebarang peranan dan tanggungjawab di dalam masyarakat telah menyebabkan pula 90% daripada mereka itu mengulangi kursus mereka ataupun tahanan mereka di pusat serenti kerana mengambil semula dadah?

Jadi inilah yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian supaya golongan-golongan belia yang menghuni pusat serenti ini mempunyai satu program selepas daripada mereka ditahan di pusat serenti supaya sekurang-kurangnya mereka akan dapat memenuhi masa mereka dan tindakan terjebak dalam penyalahgunaan dadah sekali lagi.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya bercakap tentang pentadbiran negeri di bawah Butiran 020600 adalah yang pertama sekali pihak kementerian di bawah Jabatan Belia dan Sukan perlu mempunyai satu program atau sistem bagaimana mereka boleh memantau kegiatan-kegiatan belia di peringkat pertubuhan-pertubuhan di negeri-negeri. Dengan lain-lain perkataan jika ada pelawat-pelawat dari luar negeri ataupun di kalangan kita di dalam negeri ingin melawat sesebuah negeri dan ingin melawat pertubuhan belia di peringkat negeri, mereka akan merujuk kepada kementerian ataupun Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan mereka boleh mengetahui apakah aktiviti-aktiviti yang sedang berlangsung di negeri-negeri. Sebagai contoh mereka mungkin dengan hanya menekan butang di komputer mereka akan dapat mengetahui apakah sebenarnya kegiatan-kegiatan belia yang sedang dan akan berlangsung di sesebuah negeri itu dan akan memudahkan mereka untuk mendekati lagi belia-belia di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya percaya apa yang telah saya sampaikan sebentar tadi sedikit sebanyak akan memberi ruang dan peluang kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan mereka kepada pelanggan-

pelanggan mereka iaitu warga belia di bawah umur 40 tahun. Saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.. Yusof bin Yacob]: Petra Jaya

16.46 petang

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan bercakap mengenai butiran 30100, 30200, iaitu berkaitan dengan Pentadbiran Latihan dan Latihan Kemahiran IKBN. Pertama sekali syarat ingin menyentuh IKBN. Kalau kita merujuk kepada butiran yang kita lihat dalam laporan ini, permohonan kalau berbanding dengan belia yang diberi latihan ialah kalau 2003 permohonan ialah pada kadar 20,000 manakala yang mendapat latihan hanya 2,900. 2004 permohonan dianggarkan 30,000 dan dianggarkan akan diberi latihan ialah 6,000. [*Pembesar suara berbunyi bising*] Saya rasa ada masalah sedikit speaker saya ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.. Yusof bin Yacob]: Ya, cakaplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tetapi Speaker tiada masalah. *Mike* ini sahaja. Jadi latihan merupakan sesuatu bidang yang harus kita beri tumpuan dalam kita membentuk objektif yang digariskan oleh kementerian ini iaitu untuk membina generasi belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan juga daya kepimpinan. Satu ialah pendidikan atau latihan dalam bentuk kemahiran, ilmu pengetahuan dan juga rohani atau sahsiah individu dalam kita menangani cabaran global pada masa akan datang.

Jadi satu saya ingin mengetahui daripada kementerian apakah bentuk latihan yang kita beri dalam mencapai daya tahan ataupun membina belia yang berkepimpinan dan berdaya saing pada masa depan. Kedua, bagaimana kita dapat melebarkan jumlah penyertaan belia-belia. Ketiga kayu ukur kejayaan dalam program-program yang kita laksanakan, dan berapa ramai bilangan pegawai-pegawai yang terlibat secara penuh masa dalam program-program kementerian. Sebab saya dapat tahu ada setengah-setengah tempat mengambil pegawai-pegawai secara kontra ataupun bila program dilaksanakan dan kita tindakan mempunyai pegawai sepenuh masa yang mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk membentuk belia-belia tersebut.

Begitu juga saya ingin mengetahui pendekatan kementerian mendekati belia-belia yang bermasalah seperti yang di sebut oleh rakan-rakan ahli Parlimen yang lain

tadi. Pertamanya belia-belie yang terlibat dalam kes dadah. Kedua yang terjebak dalam gejala sosial termasuk minum arak, menghidu gam dan sebagainya dan yang lebih penting ialah bagaimana kita hendak mendekati remaja-remaja yang terlibat dalam apa yang kita gelar 'mat motor'. Lumba haram ini begitu berleluasa di mana-mana tempat, di bandar dan sebagainya. Jadi apakah pendekatan kita buat? Belia yang bermasalah harus kita dekati sebab yang menghadiri kebanyakan latihan ialah mereka-mereka yang saya kira tidak mempunyai banyak masalah. Belia yang bermasalah ini yang harus kita beri tumpuan sebab kalau tidak maka kita melahirkan generasi yang bermasalah yang akan mendatangkan kesan sampingan pada negara kita dan masyarakat kita di mana sekarang ini di Petra Jaya sahaja saya kira begitu banyak masalah ini timbul. Tidak adakah pendekatan khusus oleh kementerian untuk mendekati masalah remaja-remaja ini?

Jadi, untuk itu saya ingin mengetahui lebih lanjut perancangan masa depan dan bagaimana kita hendak mendekati mereka ini. Apakah perancangan kementerian? Untuk itu saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

4.50 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020200, 020300. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat negara maju, industri sukan mereka telah komersialkan dengan hasrat iaitu ia akan dijadikan pendapatan untuk negara tersebut dan perkara ini telah saya bangkit beberapa kali. Kalau kita kaji dalam negara kita, sukan kita masih lagi di tahap hidup segan, mati pun tidak mahu. *[Ketawa]* Saya bukan menyalahkan kementerian, tetapi kementerian haruslah bertegas memanggil organisasi-organisasi sukan termasuk bola sepak, di mana wakil rakyat Larut, salah seorang Naibnya, juga perlu dipertanggungjawabkan terhadap kemunduran mutu bola sepak kita.

Dahulu negara kita dalam keadaan tidak begitu maju

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju Tuan Pengerusi, dan saya ingin bertanya dengan wakil rakyat daripada Kinabatangan. Selepas kembalinya ahli sukan, atlet kita daripada Athens, kita seolah-olah melihat bahawa dasar sukan kita ini terabara, tidak ada satu dasar yang boleh membawa atlet kepada pencapaian di peringkat Olimpik. Ini Menteri dia sendiri beritahu bahawa dia perlu melakukan banyak perkara untuk menentukan sukan itu sampai ke peringkat Olimpik. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa dasar ini perlu diperkukuhkan oleh kementerian?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran, rakan saya. Justeru selepas mungkin kedaifan kita di Athens, di mana kerajaan telah memutuskan dan telah membentuk satu jawatankuasa tertinggi di peringkat sukan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Pepatah Melayu memang tepat, "*Sudah terantuk baru tengadah*", Sudah kena baru hendak buat jawatankuasa. Berpuluh-puluh tahun dan saya berpendapat, Tuan Pengerusi, sudah tiba masanya kerajaan mencadangkan, dipecahkan dua entiti belia dan sukan ini, iaitu ada Menteri Belia, lain Menteri Sukan. Sebab kalau kita kaji, Yang Berhormat bagi Tangga Batu sendiri, kita melihat statistik negara kita, sukan kita tidak berjaya, belia lagi kita tidak berjaya. Sukan kita kalah, belia banyak penagih dadah.

Walaupun saya percaya, saya di sini selaku pemimpin belia dahulu, boleh dikira di tahap yang berjaya, tetapi saya kaji, kaji, kaji, satu orang berjaya, 2,000 orang tidak berjaya. Ini masalah besar. Jadi, kalau kita di antara dua ini, sukan tidak maju, belia pun gagal, baik kita pecahkan. Pepatah Melayu ada mengatakan, "*Kalau sesat di hujung jalan, kita balik ke pangkal jalan.*" Belum terlambat untuk kerajaan mengesyorkan, mencadangkan diwujudkan satu kementerian baru untuk memfokuskan, untuk menitik beratkan soal-soal belia, sebab belia ini generasi masa depan. Bagaimana negara kita diwarisi oleh belia-belia yang penagih dadah, yang tidak ada hala tuju dan sebagainya. Ini memudaratkan negara. Kita masih bersyukur[Ketawa]

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita masih bersyukur, masih ada belia yang masih boleh terhindar dari gejala negatif yang kita lihat. Persoalan yang kita hadapi, Tuan Pengerusi, di mana tidak boleh disalahkan juga belia-belia.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu banyak dasar, Yang Berhormat. Kepala berapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini bukan dasar, dalam ini ada Pembangunan Belia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Kinabatangan di bawah Butiran yang sama, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, jika kementerian hari ini, dia lebih memberikan tumpuan kepada sukan, tidak kepada pembangunan belia, sebab itulah berlaku masalah ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya tengok dua-dua tidak ada tumpuan, *[Ketawa]* sebab itu dua-dua kita gagal. Jadi, saya melihat, kalau kementerian belia ini ada Yang Berhormat bagi Tangga Batulah yang menjadi Menterinya. *[Ketawa]* Tidak salah. Betul, tidak salah, sebab kementerian ini tidak memfokuskan dua-dua. Dia fokus *on* 50:50. Jadi, biasanya 50:50 ini, kalau pun *share*, 50:50, main tipu punya. *[Ketawa]* Tidak ada lurus punya. Jadi, kita mahu kementerian memfokuskan, okey, belia adalah waris harta negara kita, sementara sukan adalah kegemilangan negara. Dua-dua perlu.

Jadi, saya rasa perlu diwujudkan satu kementerian yang baru untuk menitikberatkan masalah-masalah yang bertali arus ini, tidak berhenti-henti, berlaku terus masalah ini, Tuan Pengerusi. Jadi, apabila kita melihat industri sukan di negara. saya sukan ini tahun-tahun saya cakap. Dahulu cemerlang sekali, badminton nombor satu negara. Satu hari sahaja dia duduk di takhta itu, sampai ini tidak muncul-muncul. Kenapa, orang Melayu makan batukah? Orang kita Malaysia, tidak pandai makan vitamin dan sebagainya. Thailand pun kira mundur, boleh juga berjaya. China, jangan cakaplah. Jepun, jangan cakap tetapi di South Africa ini, makan pun tidak cukup, boleh masuk *final*, bola sepak menang Olimpik dan sebagainya. Cameroon, apa banding dengan negara kita? Dia punya atlet dalam perjalanan ke Athens pun masih mencuri makanan, pun menang. Kita punya, bawalah tukang masak, bawa semua. Kesianlah. Kalau 20 orang bertanding, kita nombor 20. *[Ketawa]*

Jadi, saya harap dengan difokuskan 16 sukan ini, kementerian dapat mengangkat ke arah memartabatkan sukan negara kita. Saya mahu tanya 16 sekolah dipilih, bagaimana cara pemilihan, kita tidak tahu dan kita tidak mahu tahu tetapi

apakah sekolah ini akan menambah masa bersekolah sebab mereka telah diangkat untuk dijadikan ibu kepada acara-acara sukan tersebut. Saya rasa bukan ini cara yang terbaik, Tuan Pengerusi, dan saya memang terus ingin mencadangkan di mana-mana forum supaya dua entiti kementerian ini diagihkan. Diwujudkan satu kementerian baru untuk memastikan supaya sukan kita maju, sebab sukan ini perlu, Tuan Pengerusi.

Macam bola sepak, saya katakan, tetapi sahabat saya, rakan saya, Yang Berhormat bagi Larut, dia keluar kalau kita sentuk soal bola sepak. Dia gatal kulitnya kalau kita sentuh fasal bola sepak ini. Saya pernah mencadangkan kalau mana-mana, mungkin juga kegagalan kita ini disebabkan oleh kepimpinan organisasi itu. Organisasi itu sudah tidak boleh memimpin tetapi ahli-ahli di bawah sokong juga. Jadi, alamatnya, dalam Al-Quran juga ada menyatakan bahawa sesuatu organisasi itu yang didukung oleh bukan yang wajar, organisasi itu akan jatuh. Tidak akan maju lagilah, sebab dia sudah lama bertapak di situ. Biasanya kalau pilihan raya pun, kalau ada calon baru, calon baru itu akan menang mudah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tetapi kalau calon yang sudah mahu kalah disorong juga, akhirnya kalah juga.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Pasir Mas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Masa tidak cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak ada maksud Quran jangan.....*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Masa tidak cukup. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mintalah....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak boleh buat

Datuk Bung Moktar bin Radin:supaya kementerian.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa yang buat-buat ini?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Mana ada maksud Quran macam itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Antara lain maksudnya disuruh kita – ahli dia kalau bukan ahli dia akan menuju kepada kehancuran. *[Disampuk]* Tidak ada? Cuba nafi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bukan maksud Quran itu? Itu maksud Hadis Nabi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: PAS ini memang banyak maksudnya. Itulah kalau kita buat maksud tidak jadi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dia tidak tahu

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak apalah, biarlah antara saya dengan Tuhan. Itu saya tanggunglah. Itu antara Yang Berhormat dengan Tuhan, Tuhan tanggung sendirilah. *[Ketawa]* Ini yang masalah, kita cakap salah, dia cakap sahaja betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Persoalannya sekarang, Tuan Pengerusi, kita memintalah serius betul kementerian menangani isu-isu seumpama ini. Sukan kita, *bowling* cemerlang, sekarang tidak begitu cemerlang. Di peringkat negeri saya memang Presiden sukan *bowling* negeri Sabah, saya melihat tidak ada sedikit pun sumbangan daripada kementerian. Terpaksa menanggung sendiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun Yang Berhormat. Hendak beri?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat, saya cuma kita orang Islam ini, kalau Hadis cakap Hadis, kalau Quran kita cakap Quran, itu biar betullah. Malu kepada orang bukan Islam. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, Hadislah Yang Berhormat. Kalau Hadis, Hadis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ia memang Hadis, tetapi ia ditujukan kepada kita. kalau bukan yang ahli, jangan bagi dia jadi pemimpin, itu ada, jangan pula kita nafikan.

Tuan Pengerusi, jadi untuk itu saya melihat kerajaan harus, walaupun Menteriya tidak ada tetapi wakilnya di sini ada. Saya percaya kakitangan kerajaan yang ada di sini pun, bukan yang sekadar untuk memberi jawapan manis di bibir sahaja.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin:kita percaya jawapan-jawapan yang diberi haruslah lebih tepat, sebab kita wakil-wakil rakyat sekarang dituntut untuk bekerja dan

lebih efisien. Jadi, kita bekerja dan mereka juga kena bekerja sebab ini tuntutan bersama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau kita yang bekerja tetapi mereka tidak bekerja, akhirnya tidak akan ada satu kemajuan yang kita boleh capai.

Jadi saya, Yang Berhormat, meminta sekali lagi supaya kerajaan lebih serius. Kementerian menitikberatkan dan saya ingin tahu bagaimana perkembangan sukan kita setelah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Pengerusi Jawatankuasa Sukan Tertinggi ini. Apa hasilnya yang kita perolehi setelah jawatankuasa ini diwujudkan. Saya mohon menyokong Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang.

5.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ambil Kepala B.04033, Penyelenggaraan Kompleks Pusat Rakan Muda di daerah-daerah. Saya ingin mendapat kepastian sebenarnya berapa daerah-daerah yang masih ada ataupun yang ada mempunyai kompleks pusat rakan muda ini kerana peruntukan RM1,200,000 saya anggap ini terlalu kecil. Jadi saya hendak dapat kepastian daripada Menteri supaya memberi penjelasan berapa sebenarnya jumlah itu kerana

Saya akan teruskan kepada 00100, 00600 dan 00200. Sebelum itu saya rasa dukacita sedikit kerana kali ini hanya 3 sahaja yang ada peruntukan daripada 10 kepala. Bermakna kita boleh bahasakannya tiga, iaitu seperti mana saya sebutkan tadi. Tahun lepas iaitu 2004 dahulu ada 6 daripada 10, jadi saya rasa perlu kita minta penjelasan daripada kementerian kenapakah dijadikan token sahaja, bermaknanya 7 token, tiga sahaja yang ada peruntukkan. Ini memberi peluang kita untuk memperbahaskan atau pertikaikan apa yang disebutkan di sini cukup-cukup sempit sekarang ini.

Walau bagaimanapun, daripada tiga kepala itu saya rasa ada perkara yang perlu saya sebutkan di sini iaitu program Rakan Muda dan Kompleks Sukan Negara. Saya ingin mengetahui dalam bab P.02044 itu Rakan Muda ada RM13 juta kesemuanya dan ini Program Rakan Muda dan Kompleks Sukan Negara ada hanya

RM17,400,000. Jadi dari segi itu saya ingin mengetahui sejauh manakah keberkesanan Program Rakan Muda ini yang rata-rata telah diketahui sebelum perkara ini menemui kegagalan yang teruk. Jadi saya ingin mendapat kepastian berapa peratuskah hasil daripada Program Rakan Muda yang telah dianjurkan oleh kerajaan pada tahun ini? Atau pun berbanding daripada tahun-tahun yang lepas berapa ramai wanita dan berapa ramai pula pemuda yang terlibat dengan program tersebut?

Kemudian saya ingin menyentuh pula berkenaan dengan kompleks sukan di stadium negeri-negeri. Sebanyak RM12 juta di sini ialah saya ingin mengetahui sebenarnya kompleks sukan di stadium negeri-negeri ini, daripada RM12 juta ini bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan kepada kita di sini negeri mana atau stadium manakah yang sebenarnya diagihkan? Adakah ia termasuk negeri seperti di Kelantan dan sebagainya?

Yang ketiganya ialah Institut Kemahiran Belia Negara. Ini juga menjadi satu persoalan yang timbul di merata-rata tempat kerana kemampuan dari segi tenaga yang ada di sini nampaknya tidak sebegitu ramai dan ini akan menjadi mangsa kepada belia-belia kita yang berada di institut tersebut dan berapa peratus sebenarnya belia-belia kita yang keluar daripada Institut Kemahiran Belia Negara ini yang mendapat pekerjaan yang sesuai yang boleh menampung hidup mereka itu sendiri. Kalau sekiranya dapat pihak kerajaan memberi penjelasan sedikit mengikut pemuda-pemuda daripada negeri-negeri yang telah lulus di Institut Kemahiran Belia ini untuk kita bandingkan negeri manakah sebenarnya ramai menghantarkan ataupun belia-belia yang sanggup memasuki lulus Institut Kemahiran Belia Negara ini?

Di akhir-akhir ini saya melihat belia kita terlalu manja kerana ini, barangkali oleh sebab pemimpin pertubuhan belia sekarang ini dipelopori oleh orang-orang politik. Kalau kita lihat dalam MAYC sendiri juga dipimpin oleh orang politik, belia 4B di pimpin oleh orang politik dan di akhir-akhir ini ada artis sendiri nampaknya telah pun diserapkan oleh tenaga politik. Ini menyebabkan belia-belia kita ini seolah-olahnya dibuat satu lorong supaya mereka ini mengikuti hala tuju pemimpin itu sendiri. Jadi kalau pemimpin hal-hal politik ini sudah tentulah pihak pemimpin belia itu akan berusaha sedaya upaya supaya belia-belia di bawah pentadbiran dia atau di bawah pimpinan dia supaya mirip kepada parti politik yang belia pegang. Jadi ini menyebabkan belia-belia ini makin lama makin cenderung kepada politik dan meninggalkan konsep sebenarnya kepimpinan belia yang sepatutnya belia itu berada.

Demikian juga kalau pemimpin belia itu seorang yang berada dalam parti pembangkang, barangkali mungkin juga dia membawa belia tersebut supaya pro kepada pembangkang. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan supaya pihak kerajaan, kalau pemimpin kerajaan memegang jawatan penting dalam belia sama ada MAYC ataupun 4B, janganlah keterlaluan terutama sekali sewaktu pemilihan. Saya melihat dalam pimpinan UMNO baru-baru ini, yang bertanding dan menang sebahagian besarnya, asalnya adalah pemimpin belia terutama sekali saya tengok daripada Naib Presiden umpamanya. Saya rasa pemimpin-pemimpin UMNO yang lain pun juga mengetahui kalau kita lihat latar belakang pemimpin UMNO yang menang baru-baru ini sebahagian besarnya asalnya dari pemimpin belia. Jadi belia-belia di bawah pimpinan mereka ini telah pun berada dalam gelanggang politik. So, apabila bosnya dahulu bertanding maka mereka ini semestinya akan menyokong. Oleh sebab itu saya harap supaya ini ikhlas sedikit. Soal belia, belia tetapi janganlah membuat belia itu ke arah cenderung kepada politik sehinggakan mereka ini meninggalkan tanggungjawab belia sendiri, sebagai seorang belia yang memerlukan, dan membimbing belia ini ke arah yang lebih banyak lagi, jangan sahaja ke arah politik sehingga kita melihat dalam belia sekarang ini kalau tidak silap saya hanya sekali sahaja belia Malaysia ini mendapat anugerah belia Komanwel ataupun Commonwealth Youth Service Award...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Jerai bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sewaktu itu Perdana Menteri kita sekarang ini menjadi Ketua Setiausaha di Kementerian Belia dan Sukan dan kemudian selepas itu hancur terus kita. Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih sahabat saya. Yang Berhormat kena faham Yang Berhormat dalam persatuan-persatuan belia ini pertamanya mereka menubuhkan cawangan-cawangan dan persatuan-persatuan belia. Dan dalam persatuan belia ini mereka ada demokrasi, ada pemilihan. Jadi tidak semestinya seorang pemimpin itu adalah tokoh politik memimpin persatuan. Mungkin secara kebetulan kerana dia terlibat dalam belia. Jadi kita terbuka, saya percaya belia ini bebas daripada fahaman politik tetapi kita juga tidak menafikan sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju dalam mana-mana negara yang demokrasi

ini rakyat harus memahami politik dan juga demokrasi dalam negara kita ini. Jadi dengan adanya persatuan belia mungkin mereka akan mempelajari tatasusila sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa ini dan menjadi seorang pemimpin yang berjaya di masa yang akan datang. Mungkin secara kebetulan pemimpin yang ada di negara kita ini melibatkan diri dalam belia. Macam Padang Terap sahabat saya dia adalah orang kuat MAYC kerana dia daripada bawah naik, naik sehingga sekarang iaitu di peringkat yang boleh dikatakan tertinggi dalam MAYC. Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Kalau kita lihat dalam belia yang lampau umpamanya, contohnya MAYC pernah dipegang oleh Sanusi Junid, 4B pernah dipegang oleh Haji Suhaimi. Waktu itu belia tidak bermasalah. Ada orang PAS dan ada orang UMNO bersama-sama dalam pergerakan belia. Saya juga pernah memimpin belia, saya juga pernah menjadi salah seorang yang berjaya dalam KBJ, saya juga pernah mendapat Anugerah Belia Komanwel, waktu itu. Tetapi pada waktu sekarang ini diskriminasi berlaku seolah-olah belia itu kalau pucuk pimpinan UMNO pegang lain-lain yang di bawah kalau boleh semua hendak diUMNOkan. Ini kita lihat sekarang ini dan nampak jelas sekarang dan belia-belia sudah nampak sekarang ini sebab itu sebahagian besar belia-belia sekarang ini tidak mahu berkecimpung dalam gerakan belia...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat, gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: ... oleh kerana ia dipolitikkan oleh pemimpin itu sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gulung? Jadi saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya melihat sedikit bagaimana kedudukan belia-belia sekarang ini, adakah perlu kita berikan kepada pemimpin politik untuk menerajui belia-belia dan juga persatuan-persatuan belia yang sangat kita sayang ini. Dan kalau boleh belia-belia ini jangan jadikan satu perkauman umpamanya dalam 4B dan MAYC. Saya rasa tidak ramai kaum-kaum yang lain berada bersama-sama walaupun dalam undang-undang penubuhannya tidak semestinya orang Melayu berada dalam bilik 4B, tidak semestinya orang Melayu berada dalam MAYC tetapi ruang tidak diberi kepada mereka ini.

Jadi saya mengharapkan sekali lagi supaya pihak kementerian mengambil perhatian yang berat kepada belia yang besar di dalam negara kita ini ialah iaitu belia MAYC dan belia 4B. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi lima minit. Jadi kemaskan ucapan Yang Berhormat. Saya bagi Ayer Hitam dahulu.

Seorang Ahli: Nasib baik dapat.

5.10 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin memfokuskan secara pendek sahaja, secara khusus kepada Butiran 020200 - Pembangunan Sukan. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Parlimen dari Johor terkilan kerana kami diundang untuk menghadiri satu taklimat yang amat penting iaitu pembinaan kompleks sukan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada hari ini jam 10.00 di Johor Bahru. Bukankah satu Malaysia tahu kita ini bermesyuarat di Dewan Rakyat. Adakah program ini diatur oleh pegawai semata-mata.....

Tuan Sa. Vigneswaran: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Dia belum jawab lagi Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya tahu tapi yang ini tidak ada dalam butiran. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, tadi perkara ini sudah bincang tetapi sekarang dia bincang balik. Menteri memang ada kerja. Kalau dia hendak saya boleh ucapkan sekarang. Saya tidak hendak surat khabar membesar-besarkan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Tidak apalah. Sila duduk.

Tuan Sa. Vigneswaran: Kalau dia hendak, saya boleh jawab sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Nanti bagi.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Biar saya cakap habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan dalam butiran yang seterusnya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Dalam butiran ini saya kata kalau buat kompleks sukan biarlah satu tarikh yang kita boleh bincang bersama-sama dan saya rasa semua Ahli.....

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, kalau yang dalam tadi butiran, kalau Tuan Pengerusi hendak bagi laluan you cakap fasal saya tidak hendak bangun berkali-kali. Dalam ini tidak ada butiran dia hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat. Teruskan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey. Kalau saya kata secara khusus Pembangunan Sukan, kompleks itu amat penting. Jadi, apa-apa cadangan untuk membina kompleks biarlah melibatkan wakil rakyat dan pilihlah waktu dan tempat yang sesuai supaya kita ini dapat berbincang. Itulah secara khusus saya rasa teguran ini yang kita hendak sampaikan secara ikhlas, mintalah pihak kementerian itu dapat menerima itu sebagai satu pandangan dan perasaan kita. Kita tahu ini mungkin dari kesilapan pegawai yang mengaturkan. Kita hendak memperbetulkan apa yang telah silap. Itu yang saya minta.

Kedua, saya minta IKBN ini, peruntukan yang begitu banyak di bawah Butiran 030200 dan saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya meneliti semula kursus yang ditawarkan di dalam IKBN kerana saya dapati banyak pertindihan di antara kursus yang dibekalkan oleh pihak kementerian ini bersama-sama dengan kursus yang dibekalkan di bawah Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Jadi sebab itulah saya minta supaya pihak kementerian untuk mengkaji semula jangan bertindih lagi kursus yang ditawarkan. Baru-baru ini saya mendapat khabar daripada orang Sarawak yang memberitahu saya bahawa satu kelengkapan IKBN sebanyak RM300,000 itu sudah hilang ke mana. Jadi saya tidak tahulah sama ada ini satu perkara yang betul ataupun masih dalam peringkat siasatan. Kalau ya, saya minta supaya kementerian mewujudkan satu budaya apakah perkakas yang dibeli dalam IKBN itu biarlah kita menjaganya dengan baik. Kalau ada sebarang penyelewengan di peringkat akar umbi biarlah kita siasat dan kita mahu supaya harta kerajaan ini dapat dijaga dengan baik dan ianya dapat digunakan sepenuhnya untuk tujuan latihan kepada belia.

Berbalik kepada soal yang pernah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tadi mengenai mereka yang mengambil dadah. Kita sebagai rakyat Malaysia melihat 20 tahun yang lalu kita cuma ada tiga buah pusat serenti di Malaysia. Kini telah meningkat kepada 48 buah pusat serenti. Kita dapati 85% daripada belia ini merupakan penghuni dalam pusat serenti.

Jadi, saya mintalah kepada Kementerian Belia dan Sukan melihat perkara ini. Kita perlu mengambil satu pendekatan. Ambil data-data yang lebih tepat dan kita mengumpul data-data ini supaya kita dapat membendung gejala ini kerana belia ini amat penting untuk kita jadikan mereka ini sebagai satu guna tenaga yang baik untuk kita memenuhi pasaran pekerjaan di Malaysia ini. Saya rasa Kementerian Belia dan Sukan kena bekerjasama dengan kementerian yang lain dalam konteks ini.

Satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai penyelarasan Rakan Muda ini. Ini adalah satu perkara yang baik. Rancangan yang telah diperkenalkan oleh kementerian memang satu aktiviti yang baik dan apa yang saya minta di sini Rakan Muda dapat kita jaga dan patut menyusup ke kumpulan-kumpulan pemuda yang tertakluk penubuhannya di bawah satu *parent body* dan ianya sentiasa wujud.

Sebenarnya dalam masyarakat Cina banyak persatuan berdaftar. Kemudian sudah berdaftar itu mereka ada satu kumpulan belia atau kumpulan pemuda. Jadi saya minta supaya sumbangan ataupun peruntukan yang diberikan itu biarlah kita merangkumi mereka juga kerana mereka juga sering menganjurkan aktiviti. Maka kita juga kena menjaga dan kalau boleh diserapkan di bawah rancangan Rakan Muda. Saya rasa ini adalah satu cara yang baik dapat kita membangunkan belia secara total.

Dengan itu saya mohon menyokong dan saya minta pihak kementerian supaya melihat teguran ini secara positif. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai. Jerai kena jangan banyak bunga dengan daun. Minta buah sahaja.

5.16 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tidak banyak daun - kepanasan, Tuan Pengerusi. Daun itu tempat kita berteduh, Tuan Pengerusi. Terima

kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang Butiran 010000 dan 028300 - Pembangunan Belia. Pertamanya saya hendak tahu daripada Kementerian Belia dan Sukan, berapa ramai belia yang ada dalam negara kita ini. Kemudian saya hendak minta pecahan lelaki berapa dan perempuan berapa.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Jerai juga belia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh jangan kacau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya belia dewasa. Sudah *matured* sudah. Sudah baligh sudah. Jadi belia ini, Tuan Pengerusi, saya bercakap ini fasal belia inilah yang akan mencorakkan negara kita. Tidak begitu, Kepong? Tadi Kepong tidur sahaja. Tidur dalam Parlimen mana boleh, *point of order*.

Jadi, belia-belia ini harus kita ada modul untuk bagaimanakah kita hendak mencorakkan supaya mereka tidak jadi manusia yang liar dan tidak dapat dikawal. Malah semua agama termasuk agama Islam, Buddha, India dan sebagainya ingin melihat umatnya ataupun penganutnya itu menjadi seorang manusia yang baik.

Sekarang ini Alhamdulillah, peruntukan yang diberi bagi saya walaupun tidak cukup untuk pembangunan belia dan hari ini kita ada Kem Khidmat Negara. Di sini kita ambil belia-belia negara kita. Kita bagi kursus selama tiga bulan. Selepas ini apakah Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh ambil mereka ini, *pick-up* mereka ini khususnya mereka ini bagi latihan yang lebih lanjut kepada mereka. Ini adalah satu kepeluang yang cukup baik apabila dimestikan rakyat Malaysia yang layak masuk berkursus di Kem Khidmat Negara ini mesti menghadiri kursus itu, apakah Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh adakan program susulan kepada latihan-latihan tertentu kepada anak-anak belia kita ini. Hari ini, tadi kita kata banyak pusat....Seputeh fasal apa mahu balik? Dewan belum tangguh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, perjalanan Yang Berhormat ini lambat sampai fasal banyak singgah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Ketawa] Ambil angin sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Baiklah, saya dengar sampai ucapan Yang Berhormat habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya sudah janji Seputeh berkhidmat untuk kawasan Seputeh tapi bila mai Parlimen dia balik. Tidak boleh.

Jadi, saya minta Kementerian Belia dan Sukan kita fokus anak-anak kita. Sekarang ini, Tuan Pengerusi, kita kata banyak siswazah, banyak lepasan sekolah tidak ada pekerjaan. Sebenarnya bukan tidak ada pekerjaan, depa bukan cari kerja, depa cari jawatan. Ini masalah. Kalau cari jawatan tidak jumpalah, susah. Kalau berjuta orang boleh datang ke negara kita cari makan, kemudian hak yang dalam negara kita kata tidak ada kerja, jadi siapa yang tidak betul.

Kadang-kadang pak kata, "Oh, anak saya *university graduate* ada *degree*, takkan hendak pergi kerja kilang." Itu dia pula, punya *act*. Tetapi tahu dak yang dok mai kerja ini daripada Bangladesh, Indonesia, Pakistan semua ini, depa itu ada *degree*, Ph.D. pun ada tetapi datang ke Malaysia kerja kedai minyak, jadi tukang kayu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Devamany a/I S. Krishnasamy: [Ketawa] Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Pembangunan yang kita lakukan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan untuk perkasakan belia ini banyak kepada pembinaan fizikal infrastruktur.

Tetapi seperti yang dikatakan tadi, golongan-golongan yang datang daripada luar negeri ini rajin. Disebabkan kemiskinan di dalam negaranya, dia rajin, dia tekun. Tetapi kita sangat memanjakan belia-belia kita sejak kecil lagi. Maka jika ini tidak dibetulkan, mahligai dibina hancur di tengah jalan juga. Saya minta penjelasan bagaimana boleh dibentuk semula insan ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Soalan ini adalah pandangan yang cukup baik. Kita kena mencorakkan bagaimanakah caranya. Jadi, pegawai-pegawai kementerian yang dok ada ini termasuk Menteri dan Timbalan Menteri kena sabar, Timbalan Menteri sabar, jangan naik angin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Fikir sekarang ini macam mana kita hendak bina masyarakat Malaysia ini menjadi satu masyarakat yang bertanggungjawab kerana belia ini kalau kita tidak corakkan dia, satu hari nanti *problem. It is going to be a big problem*, dengan izin. [Disampuk] [Ketawa] Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Big, big problem* pun, masa sudah habis, Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Alamak, macam mana Tuan Pengerusi. Bagi sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Kemudian, saya hendak pergi kepada Kepala - Kepala pun terlampau banyak, 020500. Sembilan daripada sepuluh pintu rezeki, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, adalah daripada perniagaan. Tidak begitukah? Ha, ini sabda Rasulullah s.a.w. Jadi, kalau sembilan daripada sepuluh pintu rezeki itu adalah perniagaan, kita kena latih anak-anak belia kita ini fokus mereka kepada perniagaan.

Kalau kita bagi kursus, didik mereka. Suntikkan budaya berniaga kepada mereka dan ini boleh dilakukan kerana saya biasa, Tuan Pengerusi, menjadi Pengerusi FAMA, saya ambil orang kampung yang buta huruf, kita latih dia dan suruh berniaga di pasar tani, hari ini dia sudah berjaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu orang tua-tua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini apatah belia. Saya akan gulung bagi kuat-kuat, Tuan Pengerusi.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, belia-belia ini, ini kena kuat sedikitlah gulung, takut dia terlondeh. *[Ketawa]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, Yang Berhormat, masa dia sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, belia-belia ini dengan peruntukan, Tuan Pengerusi, RM2.7 juta ini tidak cukup. Kita hendak *train*, hendak jadikan mereka ahli perniagaan supaya mereka tidak tertumpu kepada makan gaji.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya pandang... Sudah hendak gulung, sudah hendak gulung. Saya pandang orang yang berniaga biar dia berniaga burger, biar dia jual sayur, biar dia berniaga di pasar tani, biar dia berniaga di pasar minggu, mereka ini adalah orang yang bercita-cita yang cukup tinggi di masa akan datang.

Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan harus mengambil inisiatif, pertamanya susun balik jentera-jentera belia, depan belakang ada pegawai, jentera-

jentera belia ini. Yang kedua, pertingkatkan atau wujudkan budaya niaga kepada belia-belia kita ini supaya mereka boleh berdikari di negara yang ekonominya begitu baik pada hari ini. Yang ketiganya, sukan negara kita ini, ahli-ahli sukan mesti diberi jaminan.

Macam saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Larut tadi, kalau sudah patah kaki, tinggal macam itu sahaja. Kadang-kadang penyakit sudah tua, mailah bagi hamper. Apa ini hamper?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dan dia berjuang untuk negara. Saya dahulu cadang, Tuan Pengerusi, saya biasa cadang seorang ahli sukan, bubuh Kompleks Sukan Badruddin Amiruldin kerana saya kot johan bola sepak, dahulu saya main bola sepak. Yang Berhormat bagi Larut, bubuh Dewan Dato' Raja Ahmad kerana FAM punya naib presiden.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

5.24 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Maksud Bekalan 45. Saya terus kepada tajuk iaitu Pembangunan Ekonomi Belia iaitu 020500.

Daripada peruntukan yang diberikan pada tahun lepas didapati bilangan belia yang diberi pinjaman sangat sedikit, cuma 20 orang sahaja. Kemudian bilangan belia yang mengikuti Kursus Keusahawanan cuma lebih kurang ada 3,000 sahaja. Jadi, saya sarankan selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera supaya peruntukan yang lebih diberikan kepada kementerian supaya dengan itu usaha untuk kita mewujudkan lebih ramai lagi usahawan di kalangan para belia akan dapat direalisasikan.

Dalam masa yang sama juga, kursus-kursus yang berkaitan dengan keusahawanan juga perlu diperhebat dan diperbanyakkan lagi sebab dalam prestasi aktiviti yang tercatat dalam buku ini tidak ada disebutkan bidang kursus yang dianjurkan. Ini sangat penting sebab dalam usaha kita untuk memupuk sifat-sifat

keusahawanan, kursus-kursus yang bersesuaian perlu diadakan dan kumpulan sasar yang paling sesuai ialah para belia yang lepas sekolah menengah kerana kita sedia maklum setiap tahun ada lebih kurang 300,000 pelajar yang menduduki SPM, cuma lebih kurang 40,000 atau 50,000 sahaja yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT sama ada IPTS, IPTA, Politeknik ataupun institut kemahiran yang lain-lain.

Maknanya kita ada *reservoir*, dengan izin, tenaga manusia yang agak banyak. Saya perhatikan sebahagian besar daripada mereka ini apabila habis SPM, mereka tidak dapat mengisi ataupun tidak pandai mengisi masa lapang mereka dengan perkara berfaedah. Sebab itulah kita dapati ramai daripada para belia kita melepek di pasar raya, terlibat dalam kegiatan-kegiatan lumba haram dan sebagainya.

Jadi saya sarankan kepada Kementerian Belia dan Sukan bersama dengan Kementerian Pelajaran mengatur program selain daripada Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), program berbentuk kursus yang bersesuaian perlu dijalankan sebab kita sekarang ini pun ada Institut Kemahiran Belia Negara di banyak tempat termasuk di tempat saya di Rembau, ada satu di Chembong.

Mungkin dalam masa tiga bulan sementara menunggu keputusan peperiksaan SPM, boleh diadakan kursus-kursus yang bersesuaian dalam bidang keusahawanan. Ini termasuklah kursus-kursus motivasi, kursus-kursus membina sikap positif dan daya tahan di kalangan para belia. Dalam masa yang sama juga boleh diadakan kursus-kursus dalam bidang, contohnya asas pengurusan perniagaan, pemasaran, pengurusan sumber manusia dan juga perkhidmatan pelanggan dan sebagainya.

Sebaik-baiknya kursus ini diadakan secara bersiri. Maknanya peringkat asas, peringkat pertengahan dan peringkat lanjutan. Mana-mana yang didapati berdasarkan kursus di peringkat asas tadi mempunyai *attitude*, dengan izin, ataupun sikap yang bersesuaian mungkin boleh digalakkan atau dipilih untuk mengikuti kursus peringkat pertengahan dan begitu juga di peringkat lanjutan seterusnya.

Dengan cara ini, saya rasa pada jangka panjangnya kita akan dapat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang lebih ramai dan lebih cepat daripada matlamat yang telah kita tetapkan. Ini penting kerana kita sedia maklum usahawan tidak dapat diwujudkan dalam masa sehari.

Sekarang ini ada program untuk mereka yang akan bersara, tetapi bila sudah masuk umur 55 tahun ini macam-macam penyakit datang, penyakit darah tinggi, penyakit gout dan sebagainya. Jadi dari segi masa itu tidak lagi bersama mereka.

Sebab itulah saya sarankan usia 18, 19 atau 20 tahun itu merupakan usia yang sesuai kita hendak membina satu komuniti usahawan di negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah soal Pembangunan Belia, Butiran 020300. Kita lihat sekarang ini banyak persatuan belia diwujudkan, 4B ada, MAYC ada, ABIM ada dan sebagainya. Tetapi saya perhatikan di peringkat kampung, apa yang diperlukan ialah kepimpinan yang berkesan, khususnya daripada jabatan sendiri. Kadang-kadang ada yang baik.

Tetapi saya harap pihak kementerian akan memikirkan untuk menghantar pegawai-pegawai yang kalau boleh yang berpengalaman dalam kerja-kerja kemasyarakatan, dalam kerja-kerja belia, sebab kadang-kadang pegawai yang dihantar itu terlalu baru, jadi mereka pun tidak dapat menyesuaikan diri. Jadi kalau boleh tidak semestinya mereka yang berkelulusan ijazah atau diploma, mungkin yang berkelulusan SPM dengan pengalaman 10 tahun, mereka boleh menjadi pegawai yang baik.

Saya lihat di kawasan saya sendiri semasa saya menjadi ADUN dahulu, ada seorang pegawai itu, dia berpengalaman 10 tahun tetapi dia begitu pandai menyesuaikan diri dengan para belia, jadi persatuan belia yang ada di daerah itu dapat digerakkan dengan lebih berkesan hasil daripada kepimpinan dan juga bimbingan daripada pegawai belia berkenaan.

Jadi, ini penting sebab kadang-kadang bila persatuan belia buat mesyuarat pada hari minggu, kadang-kadang pegawai belia tidak datang sedangkan mereka mengharapkan kepimpinan daripada pegawai belia berkenaan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat, tetapi masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta laluan hendak sokong sedikit sahaja.

Dato' Firdaus bin Harun: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Rembau tadi kerana dia berpengalaman duduk dalam *state*, dahulu ADUN. Adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya, Kementerian Belia dan Sukan cuba *create* sedikit peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia ini, terutamanya MAYC, 4B, Majlis Belia Negara, kerana saya tengok mereka tidak ada

wang, peruntukan adalah tetapi tidak sedikit. Saya terpaksa menanggung sedikit-sedikit. Jadi, saya pun baru angkat sumpah, mana hendak ada duit. Sebab itulah saya rasa, setuju atau tidak supaya diberi peruntukan yang secukupnya untuk membela dan membangunkan belia sebagai aset negara.

Dato' Firdaus bin Harun: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Malah saya hendak mencadangkan kalau boleh kementerian memperuntukkan belanja pengurusan kepada persatuan-persatuan belia seperti yang dibuat kepada Rukun Tetangga. Rukun Tetangga sekarang ini dapat RM400 sebulan, setahun RM4,800. Tahun depan khabarnya Yang Berhormat Menteri akan umumkan naik kepada RM600.

Jadi mungkin kita pilih persatuan-persatuan belia yang aktif, yang berpotensi untuk diberikan belanja pengurusan ini, tetapi mestilah ada pengetahuan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun: ...untuk mengoperasi supaya wang ini dibelanjakan kepada perkara-perkara yang sepatutnya. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Firdaus bin Harun: Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

5.31 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli Majlis. Sabak Bernam ingin mengambil bahagian dalam konteks Program dan Aktiviti Belia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung esok.

Seorang Ahli: Boleh! Eloklah itu, eloklah itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok..

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.